

Jilid IV  
Bil. 23



Hari Khamis  
21hb Jun, 1990

MALAYSIA

## **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**

*Fourth Session*

### **KANDUNGANNYA**

#### **PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

Lanjutan Masa Mesyuarat [Ruangan 4625]

#### **JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 4625]

#### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjiman Perumahan (Pindaan)**  
[Ruangan 4734]

**Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan)** [Ruangan 4788]

**Rang Undang-undang Kastam (Pindaan)** [Ruangan 4789]

**Rang Undang-undang Bekalan Elektrik** [Ruangan 4793]

**Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti)** [Ruangan 4848]

#### **USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 4787]

**Penangguhan Mesyuarat** [Ruangan 4788]

**KANDUNGANNYA—(samb.)**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Peruntukan Wang Pembangunan—Y.B. Tuan Teoh Teik Huat (Bagan)  
[Ruangan 4874]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEEMPAT**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-  
HAJ BIN TENKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ,  
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO,  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.,  
S.M.K. S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN  
YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI,  
D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N., P.I.S. II. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, DATUK ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATO' HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, S.M.S., P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

Yang Berhormat DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N.  
(Saratok).

- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S.,  
A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.  
(Tasik Chenderoh).
- „ TAN SRI HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J.,  
A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Tuan D.P. Vijandaran (Kapar)
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P.  
(Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,  
J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.  
(Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hasan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Khamis, 21hb Jun, 1990**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**LANJUTAN MASA MESYUARAT**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita masih ada lagi 14 Rang Undang-undang untuk dikemukakan dalam sesi kali ini, saya mencadangkan sidang hari ini perlu dilanjutkan sehingga pukul 9.30 malam ini.

Usul di atas lanjutan masa ini akan dikemukakan oleh seorang Menteri kemudian.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MINYAK KELAPA SAWIT—  
PASARAN**

**1. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) bagaimana dengan sambutan negara luar tentang pasaran minyak kelapa sawit yang sedang dimaju usaha oleh Kementerian; dan

(b) negara-negara manakah dapat ditembusi pasaran minyak kelapa sawit dari Malaysia.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, sambutan negara-negara lain terhadap minyak kelapa sawit Malaysia adalah menggalakkan. Ini jelas daripada eksport minyak kelapa sawit Malaysia meningkat tahun demi tahun. Pada tahun 1985 misalnya eksport minyak kelapa sawit Malaysia berjumlah 3,434,025 tan dan angka ini telah mencapai 5,177,397 tan pada tahun 1989. Ini bermakna peningkatan eksport sebanyak 50.8% dalam masa 4 tahun sahaja. Di antara negara-negara yang menjadi pasaran baru yang penting untuk minyak kelapa sawit Malaysia adalah seperti berikut:

1. Republik Rakyat China
2. USSR
3. Indonesia
4. Mesir
5. Republik Korea
6. Turkey
7. Jordan
8. Iran
9. Republik Yaman.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Daripada negara-negara yang disebut ini saya ingin mendapat penjelasan ataupun penerangan yang lebih lanjut. Berapa ratuskah daripada hasil eksport minyak kelapa sawit kita yang telah dieksport ke negara-negara G-15 yang baru sahaja

bersidang di Kuala Lumpur ini dan daripada penjualan kepada mereka apakah bahan-bahan yang kita pula membeli daripada negara-negara itu?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat itu memerlukan saya meneliti angka-angka yang banyak yang terdapat di negara-negara itu sebab kita tidak asingkan kumpulan negara pembeli itu dengan kumpulan G-15 maka saya perlu notis mengenai jumlah eksport itu.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam senarai tadi tidak termasuk negara Amerika sendiri dan saya difahamkan bahawa di Amerika masih ada kegiatan anti minyak tropika. Apakah usaha Kementerian dalam memasarkan minyak kelapa sawit kita?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Amerika bukanlah sebuah pelanggan penting minyak kelapa sawit kita. Walaupun mereka ada membeli dan jumlah eksport minyak kelapa sawit kita ke Amerika Syarikat sebenarnya telah berkurangan kira-kira 30% sejak beberapa tahun yang lalu ini. Ini mungkin juga berlaku kerana akibat kempen anti minyak sawit yang dijalankan dan juga mungkin berlaku oleh kerana pengeluaran minyak kacang soya telah meningkat di negara mereka sendiri. Hasil daripada kempen yang mereka jalankan itu sebenarnya bukan sahaja menjejaskan penjualan minyak kelapa sawit kita di Amerika Syarikat tetapi juga menjejaskan jualan minyak keluaran mereka sendiri. Kita telah dan sedang berusaha dari dua segi di Amerika Syarikat untuk melawan kempen-kempen yang dijalankan. Pertama dari segi legislative iaitu perundangan, ura-ura untuk melebelkan minyak kelapa sawit, ini telah berjaya dilakukan dan pihak Kerajaan Washington sampai hari ini tidak meluluskan undang-undang yang serupa itu. Walau bagaimanapun beberapa buah negeri

seperti California dan negeri-negeri lain telah meluluskan undang-undang yang bentuknya seakan-akan serupa dan kita sedang menjalankan usaha untuk mencegah daripada undang-undang yang serupa diluluskan di negeri-negeri yang lain.

Dari segi usaha kita untuk melawan kempen yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu, orang awam dan sebagainya atau pertubuhan-pertubuhan tertentu, saya telah berkali-kali menjelaskan di dalam Dewan ini dan saya rasa tidak perlu saya ulangi semula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Anak Iba.

*(Soalan No. 2 Y. B. Dr Nicholas Munong Anak Iba tidak hadir)*

#### PILIHANRAYA UMUM—MISSI PEMERHATI KOMANWEL

3. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Malaysia akan menetap teladan bagi kesemua negara Komanwel dengan menjemput misi pemerhati Komanwel semasa pilihanraya umum akan datang kerana beliau merupakan pengerusi dan menyelaras sebuah jawatankuasa tertinggi yang ditubuhkan oleh CHOGM di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1989 bagi mengkaji peranan Komanwel dalam dekad 1990an dengan tugas khas untuk memperkukuhkan etika asas demokrasi di negara-negara Komanwel dengan menghantar misi-misi pemerhati ke negara-negara ahli bagi mengukuhkan institusi-institusi demokrasi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berada di London pada 12hb Mei tahun ini, saya telah berjumpa dengan Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath Ramphal, untuk berbincang berkenaan dengan cadangan

Kerajaan Malaysia supaya Urusetia Komanwel menolong mengurus kehadiran pemerhati-pemerhati dari beberapa negara Komanwel untuk melihat pilihanraya yang akan diadakan di Malaysia.

Langkah Kerajaan bukanlah kerana kita tidak percaya kepada pengurusan pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menguruskan pilihanraya-pilihanraya yang lepas dengan bebas, adil dan jujur. Tetapi kita mengesyaki bahawa pihak-pihak tertentu sudah pun merancang untuk memburukkan imej negara pada pilihanraya yang akan datang dengan berbagai-bagai fitnah dan tuduhan yang akan dibuat oleh sekumpulan orang-orang suruhan mereka yang telahpun mereka tubuh. Justeru itu amat penting kita dapat orang-orang luar yang tidak berkepentingan menyaksi dan memerhati pilihanraya.

Pihak Setiausaha Agung Komanwel bersetuju untuk menguruskan perkara ini dengan syarat Kerajaan Malaysia menanggung semua perbelanjaan. Kabinet telah bersetuju untuk membiayai perbelanjaan keseluruhannya.

Yang penting sekarang ialah mendapat pengakuan daripada parti-parti politik di Malaysia, terutama parti-parti Pembangkang sama ada mereka sanggup menerima pemerhati-pemerhati daripada negara-negara Komanwel, sedangkan mereka sudahpun membentuk sekumpulan pemerhati dari orang suruhan mereka (*Tepuk*).

Jika mereka sanggup, maka Kerajaan akan terus berhubung dengan Sekretariat Komanwel untuk menyatakan pendirian parti-parti politik dan meminta Setiausaha Agung Komanwel mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Malaysia telah menyokong penubuhan Badan Pemerhati Pilihanraya dalam negara-negara Komanwel semasa Persidangan Komanwel di Kuala

Lumpur pada bulan Oktober, 1989. Oleh kerana masalah kewangan dan lain-lain, Komanwel belum dapat lagi mengadakan Badan ini.

Dengan penerimaan Badan Pemerhati daripada Komanwel untuk pilihanraya yang akan datang ini, Malaysia akan menjadi negara pertama yang mendapat khidmat daripada institusi Komanwel ini. Mungkin ini akan menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Seperti yang saya sebutkan tadi, tujuan Kerajaan menjemput pemerhati-pemerhati daripada Komanwel ialah kerana Kerajaan bimbang usaha-usaha untuk merosakkan demokrasi kita sedang dijalankan oleh parti-parti lawan. Dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang telah diadakan dalam dua-tiga tahun ini, terdapat tanda-tanda kegiatan yang tidak demokratik dilakukan oleh parti-parti Pembangkang. Ada ugutan yang dibuat dan ada juga unsur hasutan dan sogokan untuk menentukan parti Kerajaan kalah. Malangnya amat sukar bagi Kerajaan dan parti Kerajaan mendapat bukti yang terang tentang kegiatan-kegiatan ini. Sudah tentu sukar sekali untuk membuat pengaduan kepada pihak berkuasa berkenaan dengan kes-kes tertentu. Sebagai contoh, dalam pilihanraya kecil di Pantai Merdeka wanita Cina telah diheret oleh perayu PAS dekat dengan tempat mengundi. Ini menakutkan wanita-wanita Cina lain dan mereka enggan keluar mengundi untuk mengelak daripada diganggu. Terdapat juga samseng-samseng yang dibawa daripada tempat-tempat lain guna untuk menakutkan pekerja-pekerja parti Barisan Nasional.

Pemerhati-pemerhati daripada dalam negeri tidak dihiraukan oleh parti-parti Pembangkang, terutama jika mereka terdiri daripada penyokong-penyokong mereka sendiri yang menganggotai "Election Watch". Sikap DAP kepada pemerhati tempatan adalah jelas daripada kelakuan mereka di mesyuarat-mesyuarat Dewan Undangan Negeri

Pulau Pinang di mana mereka sedikitpun tidak menghirau pemerhati yang terdiri daripada murid-murid sekolah yang datang untuk melihat proses demokrasi berjalan. Bahawa teladan yang mereka tunjukkan kepada anak-anak yang akan mewarisi sistem demokrasi kita amatlah buruk, tidak sedikitpun dipedulikan oleh mereka (*Tepuk*). Demikian juga semasa Dewan membentang usul takziah terhadap pemergian Allahyarham Tun Hussein, Ketua DAP hanya menggunakan peluang itu untuk tujuan politik partinya dengan mengeluarkan kata-kata kesat kepada Kerajaan. Takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Hussein adalah perkara kedua bagi Ahli dari Tanjung (*Tepuk*). Pemerhati-pemerhati yang pada hari ini termasuk penuntut-penuntut belasan tahun diberi teladan yang amat buruk pada hari itu.

Justera itu Kerajaan berpendapat eloklah jika pemerhati-pemerhati daripada luar negeri memerhatikan pilihanraya kita. Adalah diharapkan dengan ini parti-parti Pembangkang akan menghentikan cara-cara buruk mereka dan dengan itu dapatlah kita memelihara demokrasi di Malaysia (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita menyokong misi-misi pemerhati-pemerhati negara Komanwel dan sebab itu kita mendesak bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu teladan mengukuh pengisytiharan CHOGM. Soalan tambahan saya ialah untuk mengikut etika asas demokrasi supaya pilihanraya besar yang akan datang bersih, adil dan bebas, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela membuat satu teladan untuk beliau sendiri, untuk Barisan Nasional bahawa Barisan Nasional akan berhenti menggunakan taktik-taktik yang tidak demokratik, semacam taktik-taktik politik wang, politik rasuah, politik pembohongan—tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tunjuk satu teladan, politik pembohongan—dan politik ugutan bahawa kalau

Barisan Nasional kalah akan ada tumpah darah Peristiwa 13hb Mei. Bukankah ini ugutan dan tidak demokratik? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela membuat satu kenyataan bahawa apa jua keputusan pilihanraya besar, baik pun Barisan Nasional menang atau kalah, Barisan Nasional akan menerima keputusan tanpa mengakibatkan apa-apa kekacauan yang bermakna dalam ugutan-ugutan bahawa mungkin akan berlaku Peristiwa 13hb Mei. Oleh kerana pihak kita di sini tentu tidak akan menyebabkan apa-apa peristiwa, kita akan menerima apa-apa keputusan, menang atau kalah. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela membuat satu kenyataan yang sama; Barisan Nasional rela buat satu kenyataan yang sama menerima apa-apa keputusan—menang pun menerima, kalah pun menerima.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menjadi jurucakap nampaknya kepada rakyat parti lawan dan telah menyokong tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapat Badan Pemerhati daripada Komanwel ini. Sebenarnya seperti kita lihat, sebelum pun didesak oleh parti lawan kita sudah pun mengambil langkah untuk berjumpa dengan Setiausaha Komanwel untuk menubuhkan Badan Pemerhati ini. Soalan yang dibangkitkan ini datang kemudian daripada itu. Jadi, desakan tidak perlu, yang perlu didesak ialah parti lawan sama ada mereka sanggup mendapat pemerhati daripada luar ini.

Kita tidak kuarat tentang teladan yang ditunjuk oleh parti Kerajaan. Kita memang menunjukkan teladan yang baik; yang menunjukkan teladan yang tidak baik ialah parti lawan seperti (*Tepuk*) DAP dan rakan-rakan DAP yang baru-baru ini. Rakan-rakan DAP yang baru ini memang pun daripada awal lagi setelah keputusan dibuat tidak mahu terima, bawa ke mahkamah dan sebagainya. Jadi, kita yakin kalau

keputusan rakyat ialah menolak DAP maka mereka akan membuat tindakan-tindakan tertentu untuk menafikan keputusan rakyat.

Sebenarnya pada bulan Mei, 1969 yang menjadi masalah ialah mereka belum pun menang, sudah membuat dakwaan bahawa mereka menang (*Tepuk*) dan menyakitkan hati orang. Kerajaan memang bertanggungjawab tetapi kalau jadi rusuhan ini bukan kerana Kerajaan yang berbuat demikian, kerana parti lawan yang berbuat demikian. Kita harus ingat dalam tahun 1969 semasa pilihanraya berjalan seorang daripada pekerja Barisan Nasional di Pulau Pinang telah dibunuh. Jadi, ini tentulah tidak dibuat oleh parti Kerajaan sendiri kerana pekerja-pekerja adalah terdiri daripada partinya. Tetapi nampaknya parti lawan agak sukar untuk menerima keputusan rakyat. Kalau teladan yang ditunjukkan dalam keputusan Mesyuarat Agung UMNO boleh diambil, kita dapati bahawa mereka memang tidak sanggup menerima keputusan yang dibuat melalui pengundian.

Jadi, yang kita khuatir ialah sikap parti lawan. Merekalah yang melakukan keganasan seperti yang terdapat di Pantai Merdeka dan juga di Ampang Jaya di mana sogokan dibuat kepada orang-orang tertentu untuk tidak mengundi Barisan Nasional dan juga ugutan-ugutan dibuat oleh mereka. Di antara mereka yang ada di dalam barisan ini ialah orang yang dahulu terlibat secara langsung dengan rusuhan yang berlaku pada 13 Mei.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa kita bersetuju untuk menanggung segala perbelanjaan badan yang dijemput untuk datang ke Malaysia untuk memerhati perjalanan pilihanraya di negara ini. Jadi, agaknya berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk menjemput mereka yang akan datang ke negara kita? Adakah

Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Malaysia yakin bahawa dengan menjemput badan khas ini daripada Komanwel ianya dapat menjadi satu badan yang berkesan ke arah mengawasi perjalanan pilihanraya di negara kita ini?

Yang keduanya, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa kita dan Kerajaan juga hendak memohon daripada pihak parti Pembangkang iaitu sama ada mereka itu bersetuju akan cadangan yang telah dikemukakan dan andaikata pihak Pembangkang tidak bersetuju, adakah Kerajaan akan meneruskan rancangan untuk menjemput badan yang disebutkan tadi?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita belum tahu lagi perbelanjaan berapa banyak tetapi Kerajaan sanggup membelanjakan wang kerana ini adalah satu usaha yang baik dan kita tidak harus begitu berkira sangat tentang perbelanjaan ini. Mungkin lebih tinggi daripada yang kita sanggup tetapi walaupun tinggi kita akan belanja juga.

Tentang keberkesanan atau tidak, saya yakin ia lebih berkesan daripada pemerhatian oleh "Election Watch" ini. Election Watch ini terdiri daripada orang-orang yang kita tahu memihak kepada parti Pembangkang. Orang ini bukan neutral, bukan orang tengah, tetapi orang ini terkenal sebagai orang yang menentang Kerajaan. Jadi, berbanding dengan pemerhati daripada Komanwel yang sudah tentu akan terdiri daripada orang yang tidak mempunyai kepentingan dalam negara kita kerana mereka bukan warganegara kita. Mereka akan bersikap berkecuali dan akan memerhati secara ikhlas tentang apa yang dibuat oleh kita.

Kalau pihak parti Pembangkang tidak sanggup ini menjadi masalah kerana di dalam perbincangan saya dengan pihak Setiausaha Komanwel, satu daripada perkara yang saya katakan ialah Pembangkang akan terima cadangan ini.

Jadi, kalau mereka tidak terima agak sukarlah sedikit pihak Komanwel hendak menghantar satu badan yang tidak diterima. Ini, bergantung kepada pengakuan yang dibuat oleh parti lawan. Kalau mereka sanggup maka kita boleh terus berhubung dengan parti lawan. Tetapi saya dapat pengakuan daripada Yang Berhormat Ahli dari Tanjong iaitu dia mengaku, barangkali yang lain tidak mengaku, saya tidak tahu. *(Ketawa)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Speaker. Politik dan taktik kotor Barisan Nasional ada digunakan bukan sahaja di luar daripada Dewan tetapi dalam Dewan juga—baru-baru ini, Tuan Speaker, di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang latarbelakang apa yang berlaku? Adakah beliau sedar, Tuan Speaker, Dewan itu ada menggunakan taktik-taktik kotor, kekasaran dan memanggil Polis di dalam Dewan apabila Mesyuarat Dewan ada bersidang untuk menghalau *(Disampuk)* . . . sabar . . . Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri termasuk Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang?

Adakah ini taktik-taktik yang adil, yang baik di mana seorang Speaker menggunakan Polis untuk campur tangan dalam satu sidang Dewan Undangan Negeri? Adakah Polis berkuasa masuk dalam Dewan untuk menghalau dan menarik keluar Ahli-ahli Dewan ini? Adakah ini taktik-taktik yang baik? Tidak payah menjadi hipokrit. Jangan gelar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Ketawa)* Tidak payah oleh kerana kami tahu apa taktik-taktik yang digunakan oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya—dahulu dan pilihanraya yang akan datang pun serupa juga—taktik kotor. Itu yang benar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa soalan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya anggap itu sebagai soalan. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh jawab.

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak habis lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Barangkali tidak faham tadi. Jika sudah faham, boleh.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedar latarbelakang apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Latarbelakang Polis masuk itu kerana mengikut Aturan Peraturan Mesyuarat, kalau seseorang diarah atau disuruh duduk ataupun disuruh keluar oleh Tuan Speaker, kita semua patuh kepada Tuan Speaker. Kita akan bangun dan keluar dengan baik tetapi latarbelakangnya ialah orang ini tidak mahu patuh dengan apa yang disuruh oleh orang yang berkuasa di dalam Dewan. *(Ketawa)* Latarbelakang orang ini ialah kalau dia tidak setuju, dia baling buku. *(Ketawa)* Inilah latarbelakangnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana latarbelakang inilah maka perkara yang berlaku di Pulau Pinang itu berlaku. Kita tahu tentang latarbelakang ini sebab itu kita bercadang . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Biar Yang Amat Berhormat habiskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah seorang Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri panggil polis dalam satu Dewan apabila Dewan itu ada sidang? Adakah itu demokrasi? Adakah itu supremacy

dan sovereignty of the State Legislature, iaitu supreme? Bolehkah polis masuk dalam satu Dewan? Bolehkah? Bukankah itu jadi satu Police State?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua memberi arahan ataupun hukuman dan dipatuhi, maka tak perlu kita bawa polis kerana orang ini tak faham Aturan Peraturan Mesyuarat. Kita ada buku, dalam buku itu disebutkan bahawa kuasa Tuan Pengerusi tidak boleh disoal, tetapi kalau kita perhatikan dalam Dewan ini kalau Tuan Pengerusi kata "duduk" dia tak duduk. Saya ikut peraturan, dia bangun saya duduk, dia duduk saya bangun. (*Ketawa*) Ini latar belakang orang macam ini, macam mana tak panggil polis, kalau panggil orang lain tak dapat lawan dengan semua ini, samseng belaka (*Ketawa*)—minta maaf, saya tarik balik, bukan samseng, Ahli Yang Berhormat. Itulah latar belakang yang sebenarnya. Tak ada perlu kita panggil polis kalau dalam ini. Tetapi kalau satu orang bangun dalam Dewan ini dia pegang pisau, dia tikam orang, kita kata, "Oh dalam Dewan ini tak boleh bawa polis, tak apalah, tikam, tikam, tak apalah"—takkan boleh kita buat macam itu. Ada keadaan yang kita panggil polis, ada keadaan yang kita tak panggil polis. Tetapi kalau patuh kepada Aturan Peraturan Mesyuarat, tak payah polis datang. Kalau Tuan Speaker kata, "Awak suspended, tolong keluar," kita pun berasa suspended, kita pun bangun, kita keluar, habis, tak ada polis, tak ada apa-apa. Ini bila suruh keluar, tak keluar, tak ada langsung faham undang-undang walaupun lawyer kedua-duanya. (*Ketawa*) Saya doktor, Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu fasal undang-undang, tetapi saya tahu kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** You "doctor law".

**Perdana Menteri:** Kalau Ahli Yang Berhormat hendak beri title, boleh beri juga, saya pun boleh beri juga title kepada dia, macam-macam title—law, loyar buruk, semua ini title sahaja, kita boleh beri juga. Tetapi yang sebenarnya saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang tunjuk betul-betul mereka pegang kepada Aturan Peraturan dalam Dewan, di luar Dewan, dan bila ada pilihanraya, dengan itu akan selamat. Tetapi kerana mereka sudahpun merancang untuk memburukkan imej negara kita, termasuklah sokongan kepada GSP dan sebagainya, jadi kita kena ada pemerhati daripada luar, dan sebab itu kita merancang untuk mengambil pemerhati daripada luar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum jawab soalan saya tadi . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat belum jawab soalan saya sama ada rela buat satu kenyataan bahawa beliau dan Barisan Nasional akan menerima apa-apa keputusan rakyat dalam pilihanraya besar, menang atau kalah, akan menerima keputusan, jangan lari daripada soalan itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menerima keputusan rakyat, tak pernah yang kita tak terima. Yang tak terima saya sebutkan tadi ialah anggota parti lawan (*Tepuk*), yang sekarang ini bekerjasama dengan orang yang tak sanggup terima keputusan mesyuarat, keputusan undi. Jadi nampak tabiat ini sudah menular kepada DAP juga—tak mahu terima—tetapi kita terima.

## MAJLIS PERUNDINGAN AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan hasil pertemuannya dengan Majlis Perundingan Agama-agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) pada bulan April lalu, dan apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan hasil pertemuan tersebut berhubung dengan pandangan dan representasi yang dikemukakan oleh MCCBCHS.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perjumpaan antara Majlis Perundingan Agama-agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh dengan saya telah diadakan pada 10hb April yang lalu. Memang banyak faedah yang diperolehi daripada pertemuan itu. Yang paling penting ialah kami dapat berbincang secara hati ke hati mengenai isu-isu dan masalah-masalah yang pihak Majlis itu tidak senangi dan perjumpaan ini telah memberi peluang kepada saya untuk menerangkan pendirian Kerajaan dengan jelas terhadap isu-isu yang berkenaan.

Saya telah menegaskan kepada Majlis itu bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap sebarang masalah yang timbul dan sentiasa serius dengan usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut. Namun begitu, Kerajaan juga berharap pihak Majlis dapat memahami keadaan yang wujud agar semua pihak dapat hidup dengan penuh aman dan harmoni.

Saya tidak bercadang mengulas satu-persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Majlis tersebut kerana ia akan membuka isu-isu yang sensitif yang tidak harus dibahas oleh rakyat yang berbilang agama di negara iri.

Rusuhan agama tidak berlaku di negara ini dan perbincangan tentang isu-isu agama oleh masyarakat umum tidak akan menolong mengekalkan kestabilan negara kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menasihatkan semua kumpulan-kumpulan agama di negara kita supaya jangan membincangkan isu-isu agama secara terbuka, saya ingin bertanya sama ada Yang Amat Berhormat bersedia untuk mengarahkan supaya sebuah Majlis antara agama yang mengandungi wakil-wakil dari semua agama-agama utama di negara kita, termasuk agama Islam, bagi menggalakkan dialog antara agama yang berbeza dengan tujuan untuk membantu dan memelihara keharmonian agama di negara kita. Sekiranya jawapannya ialah tidak, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapa?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu Majlis Perpaduan Negara yang mana wakil-wakil daripada berbagai agama berada bersama. Tumpuan Majlis ini ialah kepada masalah-masalah keharmonian yang terdapat di dalam negara kita dan betapa kita boleh memperbaiki lagi keharmonian ini. Dialog antara agama tidak akan menyelesaikan masalah kerana adanya agama ialah kerana ada fahaman dan kepercayaan yang berbeza-beza. Amat sukar bagi masing-masing mencari satu persetujuan tentang sesuatu isu apabila mereka memandang daripada sudut agama masing-masing. Kalau diadakan Majlis seperti ini apa yang akan berlaku ialah pendapat yang bertentangan yang tidak mungkin diselesaikan. Oleh kerana itu kita tidak bercadang untuk mengadakan Majlis antara agama, tetapi kita sanggup mendengar segala rintihan dan rayuan daripada penganut-penganut berbagai agama di dalam negara kita ini.

Perlembagaan kita menjamin walaupun Islam adalah agama rasmi, tetapi agama-agama lain boleh dianuti dengan tidak diganggu oleh mana-mana pihak.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, di samping memberi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudiannya berdialog dengan pemimpin-pemimpin agama pada bulan April yang lalu, saya ingin tanya Yang Amat Berhormat sama ada Kerajaan akan menimbang meng-institusikan satu saluran tertentu, saluran rasmi dan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu berhubung dengan Kerajaan dan membangkitkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan masalah-masalah routine yang berbangkit dari masa ke semasa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pun sudah ada saluran dan banyak rintihan-rintihan yang dibawa oleh penganut-penganut agama di dalam Malaysia ini telahpun disampaikan kepada Kerajaan dan kita telah dapat menyelesaikan masalah-masalah ini. Yang dikhuatiri ialah campurtangan politik dalam perkara ini yang mana ada pihak-pihak tertentu yang ingin menggunakan rintihan agama sebagai alat untuk mendapat populariti politik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembetulan kepada soalan ini, iaitu ayat pada baris kedua, potong perkataan-perkataan "sama ada". Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 5.

#### **SISTEM PENDIDIKAN NEGARA— PENGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN**

**5. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan** minta Menteri Pendidikan menyatakan Rancangan Pindaan kepada Dasar Pendidikan yang ada dari segi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sebagai

Bahasa Rasmi di semua peringkat perkhidmatan dan urusan Kerajaan dan swasta, di dalam negara dengan lebih menyeluruh dan berkesan lagi. Terangkan juga pelaksanaannya di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Rendah sebagai alat pembentukan satu rupa bangsa dalam negara majmuk seperti negara kita ini. Adakah Kerajaan menghadapi sebarang masalah dan rintangan dan cara-cara Kerajaan untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woom See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara akan diperkukuhkan melalui pelaksanaan Akta Pendidikan 1990. Dalam Akta Pendidikan yang baru ini, Kerajaan bercadang hendak memantapkan kedudukan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan dengan memerlukan semua pusat pendidikan prasekolah dan institusi pendidikan swasta mengajar Bahasa Melayu sebagai satu mata-pelajaran di samping meneruskan dasar yang sedia ada iaitu menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Kedudukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan akan dikekalkan dan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama di sekolah jenis kebangsaan akan diteruskan. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah tersebut akan mengajar Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia sebagai matapelajaran wajib dan sekolah-sekolah tersebut akan terus menggunakan kurikulum serta mengambil peperiksaan yang sama seperti Sekolah Kebangsaan dengan tujuan untuk mencapai hasrat perpaduan kaum melalui pendidikan.

Mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967, semua urusan rasmi hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan dan penjelasan. Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut satu dasar iaitu pepaduan kaum melalui pendidikan. Saya lihat terdapat perbezaan ini iaitu dalam tanggapan saya perpaduan kaum melalui pendidikan dan bahasa. Tetapi di sini hanya pendidikan tanpa menggunakan bahasa, bermakna sekolah-sekolah swasta yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan, terutama sekolah bantuan Kerajaan yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan boleh juga disimpulkan dalam usaha untuk menjadikan perpaduan kaum melalui pendidikan ini. Soalan saya yang kedua, ada beberapa kriteria yang membolehkan Kerajaan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini dan saya percaya di antaranya ialah sekolah-sekolah ini menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Tetapi dalam perkara ini telah banyak dibincangkan, kemungkinan akan berlaku ataupun dicadangkan akan berlaku. Bermakna sekolah-sekolah ini tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar, tetapi hanya menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai satu mata pelajaran. Apakah Kerajaan akan meneruskan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini sebagai satu falsafah baru yang telah dikemukakan iaitu daripada Bahasa Kebangsaan dijadikan sebagai asas perpaduan kaum di sekolah-sekolah diubah menjadi perpaduan melalui pendidikan tanpa Bahasa Kebangsaan.

Dan yang ketiga, apakah Kerajaan juga akan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah swasta yang tidak pun menghormati peraturan sistem pelajaran yang melalui sistem pendidikan kita, tetapi hanya mengambil Bahasa Kebangsaan sebagai satu matapelajaran, sama ada matapelajaran ini mesti lulus atau matapelajaran ini tidak mesti lulus. Ada matapelajaran di sekolah yang tidak perlu lulus, hanya diambil sahaja. Dan

kemungkinan tidak dikira sebagai aggregate untuk mendapat kelulusan yang baik. Apakah dasar tentang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai satu matapelajaan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa adalah satu langkah untuk menyatupadukan masyarakat kita. Cara-cara lain adalah dari segi politik juga boleh menyatupadukan kaum dan faktor-faktor lain perlu diambil kira. Sekolah-sekolah swasta yang berada di negara kita ini adalah memenuhi hasrat ibu-bapa dan keperluan negara kita juga yang khasnya matapelajaran-matapelajaran yang kita belum dapat tulisan dalam Bahasa Malaysia itu, ilmu yang baru itu tidak dapat diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia itu, kita perlu menggunakan buku-buku teks yang bertulis bahasa lain. Dan sekira negara kita hendak maju, kita mesti bertimbang untuk menggunakan bahasa-bahasa lain dengan lebih luas. Pada masa sekarang, walaupun kita tidak ada satu peruntukan undang-undang untuk memaksakan sekolah-sekolah swasta untuk menggunakan dan mewajibkan Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran tetapi dari kajian yang kita dapati boleh dikatakan banyak sekolah swasta dengan sukarela sudah mengajar Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran. Ini menunjukkan bahawa masyarakat dan sekolah-sekolah swasta kita sudah menghormati Bahasa Kebangsaan kita.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:**  
(*Bangun*)

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Ahli Yang Berhormat dari Muar.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu daripada . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sekejap.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Kerajaan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah sama ada sekolah swasta ataupun separuh Kerajaan yang saya katakan tadi yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia untuk keseluruhannya. Adakah ini merupakan kriteria ataupun hanya menggunakan, mengajar matapelajaran bahasa sahaja maka Kerajaan mesti juga diberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang bukan bantuan penuh Kerajaan ataupun sekolah swasta.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak hendak menimbang untuk memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah swasta yang dapat keuntungan sendiri. Dan sekira saya tidak silap jumlah sekolah-sekolah swasta di negara kita melebihi 1,000 buah sekolah dibandingkan dengan sekolah menengah Kerajaan ialah lebih kurang 1,400 sahaja. Dan Kerajaan tidak mampu membantu, memberikan wang kepada sekolah-sekolah swasta, tetapi dari usaha-usaha untuk mempertingkatkan prestasi pendidikan di antara guru-guru itu, kursus-kursus ada dianjurkan dan guru-guru dari sekolah swasta itu adalah dijemput untuk menghadiri kursus-kursus seperti saya sebut tadi.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Satu daripada cara yang paling berkesan untuk menyatupadukan rakyat, terutama sekali rakyat berbilang kaum dalam satu-satu negara adalah menerusi pendidikan. Tetapi lebih berkesan lagi kalau sistem dan dasar pendidikan itu dilaksanakan melalui satu sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar yang sama, terutama sekali pada peringkat sekolah rendah. Walaupun negara kita tidak mengamalkan sistem ini dengan memberikan kebebasan Sekolah Jenis Kebangsaan,

adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan sistem pendidikan dengan mengekalkan sekolah jenis Kebangsaan tetapi menggunakan bahasa pengantar Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan ini dan mengutamakan bahasa dan menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa yang diutamakan dan dimastikan. Soalan itu sahaja.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini mematuhi satu Declaration Bangsa-bangsa Bersatu iaitu pendidikan di tiap-tiap negara mesti mengikut hasrat ibu-bapa mereka dan untuk sekolah rendah itu sekiranya ada ibu-bapa di negara kita ini berhasrat bahawa anaknya hendak mengikut pendidikan dalam bahasa ibunda mereka seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil kita patut memenuhi satu Perjanjian Bangsa-bangsa Bersatu. Dan sebab itu dalam peruntukan Akta Pendidikan itu kita akan membahagikan pendidikan mengikut hasrat ibubapa dan apa yang kita buat ialah kita memberikan kemudahan pendidikan untuk anak-anak itu mengikut bahasa ibunda mereka.

Dari segi teori pendidikan kita rasa sekiranya anaknya yang muda mengikuti satu pendidikan bahawa ibunda pada umur yang muda itu mereka lebih berkesan untuk mengikuti pendidikan itu.

Berkaitan dengan perpaduan, walaupun mereka pergi ke sekolah-sekolah yang berbeza tetapi kita menjalankan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum, aktiviti-aktiviti bersama seperti sports dan pertandingan ko-kurikulum di antara daerah-daerah itu dan ini akan menyatupadukan anak-anak di kawasan itu.

#### FELDA—PENEROKA TIDAK PUAS HATI

6. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapakah

peneroka-peneroka FELDA merasai tidak puas hati atas sistem pengurusan, penyelewengan kuasa kakitangan dan perlu mengubah dasar pentadbiran yang baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, seperti manusia lain peneroka-peneroka juga rasa tidak puas hati dengan kehidupan mereka di rancangan. Tetapi jumlah mereka tidaklah begitu ramai. Apabila rasa tidak puas hati itu dikemukakan seringkali kita dapati bahawa butir-butir yang dikemukakan itu tidak lengkap dan ada pula setengah-setengahnya tidaklah menjadi sesuatu yang harus dipertikaikan.

Berkaitan dengan pentadbiran pula, memang cara pentadbiran sentiasa berubah daripada satu masa ke satu masa mengikut keadaan dan perubahan. Perubahan yang kita lakukan pada masa lepas dan pada masa sekarang ialah untuk membawa manfaat dan juga kepentingan yang lebih kepada golongan peneroka kita dan hasil yang kita dapati selama ini telah memberikan imbuhan yang baik kepada kehidupan sosio ekonomi peneroka itu sendiri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan dalam usaha hendak membawa kehidupan yang lebih baik kepada peneroka tetapi kita apati daripada laporan hanyak sungutan daripada peneroka terutama nya dari segi perolehan meeka sehingga sesudah di tolak segala pendapatan dan perbelanjaan ada yang menerima 54 sen sebulan sebaaimana yang didakwa baru-baru ini.

Yang kedua, sehubungan dengan ini barang-barang keperluan yang dibekalkan oleh FELDANIAGA kepada peneroka antara lain seperti sepatu atau

selipar getah yang diperolehi daripada kilang katanya harganya 70 sen tetapi dibekalkan kepada peneroka harganya hampir \$1.70. Maknanya FELDANIAGA menjalankan perniagaan dan dipotong tiap-tiap bulan. Apakah ini boleh membantu kehidupan peneroka dari segi menambahkan pendapatan? Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian soalan itu. Pertama ialah berkaitan dengan, pendapatan take-home peneroka, dengan izin, seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu.

Saya ingin membuat sedikit ilustrasi daripada pengalaman saya tentang perkara seperti ini. Tak berapa lama dahulu D.Y.M.M. Sultan Pahang pernah melawat ke satu rancangan di Pahang. Ketika membuat lawatan itu ada seorang peneroka tiba-tiba datang dan menyembah dan menunjukkan bahawa duit yang beliau dapat ialah lebih kurang \$5.00 dan tentu sekalilah Baginda murka, tetapi apabila kita buat penyiasatan barulah kita tahu bahawa peneroka itu sudah menggunakan sebahagian besar daripada kredit yang diberikan kepada beliau. Jadi, itulah sebabnya duit yang tinggal di dalam paysheetnya begitu sedikit dan apabila menggunakan begitu banyak kredit maka keperluan hariannya telah dipenuhi dengan kredit yang telah diambil oleh beliau dan ini hanya satu daripada beratus orang yang tinggal di dalam rancangan itu. Ini sebagai satu ilustrasi.

Yang kedua, ini terlalu tertentu kepada soal selipar. Saya rasa inilah pertama kali saya dengar soal selipar iaitu perbezaan kos yang diterima oleh FELDANIAGA dengan apa yang dijual oleh FELDANIAGA kepada peneroka kita, tetapi sebagai satu contoh ada sering berlaku juga di kalangan peneroka itu ada yang nakal, mereka menggunakan kredit yang ada, ambil di dalam

FELDANIAGA kemudian menjualkan barang itu di luar rancangan FELDA. Jadi, sudahlah keperluan itu tak dapat dinikmati sedangkan duit yang didapatinya adalah lebih murah daripada sepatutnya yang boleh didapati daripada harga barang sekiranya barang itu di-hargakan daripada kedai FELDANIAGA.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat penjelasan kepada soalan saya tadi. Memang itu saya akui sebagai satu contoh. Cuma soalan saya apakah FELDANIAGA itu satu syarikat yang ditubuh oleh FELDA untuk berniaga mencari keuntungan dengan peneroka? Kalaulah FELDANIAGA itu ditubuhkan untuk membantu para peneroka sebagai orang perantara, maka tak timbullah soal ambil barang di tempat lain, caj dengan peneroka setinggi-tinggi, hasilnya pendapatan bulanan dipotong, tak ada apa yang tinggal kepada peneroka. Ini yang saya hendak tanya dari segi FELDANIAGA itu sendiri dari segi dasarnya, hendak membantu peneroka ataupun hendak membuat untung?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya kita membuat keputusan menubuhkan FELDANIAGA itu untuk memberi kemudahan, kepada peneroka kita dan nama FELDANIAGA itu sendiri dan "niaga" itulah sedikit sebanyak untuk membuat keuntungan. Jadi, kalau tiada keuntungan sebarang badan berniaga tidak akan dapat berterusan. Daripada perniagaan itulah sedikit sebanyak kita boleh membayar gaji kepada orang yang bekerja di situ dan sebagainya lagi. Daripada data yang kita terima kita dapati barang-barang yang dijualkan di FELDANIAGA itu tidaklah mahal atau terlalu mahal kalau berbanding dengan kedai-kedai lain. Itu sahaja.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut

jawapan bahagian yang pertama itu saya dapati bahawa Kerajaan sentiasa mengubah dasar pentadbirannya dari semasa ke semasa, bermaknanya dasar yang dulu itu tidak sesuai kepada dasar yang baru ini. Ini mencerminkan satu kelemahan ataupun ada kesulitan atas pentadbiran yang lama kalau berbanding dengan pentadbiran yang baru, oleh kerana apabila ada kelemahan barulah perlu mengubah pentadbiran. Bolehkah Setiausaha Parlimen menerangkan sedikit sebanyak apakah kelemahan yang dikenalpasti pada dasar pentadbiran yang dulu dengan apakah dasar yang lebih baik setakat ini—bolehkah buat sedikit sebanyak perbandingan?

Yang kedua, mengikut jawapan beliau juga didapati bahawa peneroka-peneroka di FELDA, mereka telah berusaha di sana saya rasa lebih kurang 20-30 tahun dan daripada permulaan sehingga hari ini mereka masih ada dalam rancangan FELDA. Maka apakah harapan yang cerah kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka yang masih tinggal dalam kawasan FELDA itu? Saya minta Setiausaha Parlimen menerangkan sedikit sebanyak.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dramatik betul soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Tentang cara pentadbiran yang berubah-ubah, saya rasa ini menunjukkan suatu kemajuan, sesuatu yang tidak berubah itu beku, yang beku itu akan hancur. Jadi, itu sebabnya apabila kita menghadapi sesuatu perubahan, jadi kita hendak menyesuaikan dengan sesuatu perubahan yang lebih baik daripada satu masa ke satu masa.

Sebagai contohnya kalau dulu kita membuat pentadbiran berdasarkan sistem blok dan juga sistem individu, sekarang ini kita harus berubah kerana kita sudah adakan satu sistem baru yang kita akan tadbirkan, satu cara campuran pengurusan estet dan juga pengurusan

FELDA yang selama ini yang telah didapati membawa kebaikan iaitu memberi kebaikan dari segi gaji, bonus dan juga saham.

Soalan bahagian keduanya pula iaitu berkaitan dengan anak-anak peneroka, sekarang kita selalu panggil sebagai "generasi baru", pada masa akan datang itu kita hanya boleh merancang sahajalah. Jadi, anak-anak peneroka ini, untuk makluman bersama, ada setengah-setengahnya berjaya dalam hidup, ada yang menjadi lawyer, ada yang menjadi doktor, ada yang menjadi pentadbir.

Jadi, saya rasa bakat-bakat yang baik ini tidak boleh ataupun mereka sendiri tidak mahu melanjutkan lagi usaha-usaha ibu bapa mereka. Dan kalau tujuan mereka itu sudah merupakan potensi yang begitu baik, biarlah mereka dibebaskan untuk memberi khidmat kepada negara di dalam lapangan yang lebih besar sepertimana kelulusan dan juga pengalaman mereka.

Bagaimanapun, saya percaya di kalangan anak-anak itu nanti ada juga yang kurang maju di dalam pelajaran dan tinggal dengan ibu bapa mereka dan mereka juga akhirnya akan mewarisi kehidupan ibu bapa mereka sebagai peneroka. Sekiranya tidak ada juga yang hendak melanjutkan lagi, kita akan terus merancang berdasarkan realiti yang ada.

### **KILANG BESI WAJA DI TERENGGANU**

**7. Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan mengambil keputusan untuk mendirikan kilang industri berat yang terbesar di Malaysia iaitu Kilang Besi Waja di Terengganu. Adakah ini menandakan bahawa Terengganu akan dijadikan pusat industri berat negara. Apakah potensi industri ini dalam persaingannya dengan Kilang Besi Waja (Perwaja) yang telah berjalan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan meluluskan satu penubuhan kilang besi waja di Terengganu baru-baru ini adalah kerana kawasan yang dipilih itu sesuai dari segi kemudahan infrastruktur. Kawasan tersebut mempunyai kemudahan infrastruktur yang diperlukan seperti pelabuhan dalam, bekalan elektrik dan air dengan kapasiti yang cukup serta kemudahan pengangkutan. Oleh kerana saiznya yang besar, projek ini juga memerlukan kawasan tanah yang luas 1,000 hektar dan Kerajaan Terengganu telahpun bersetuju untuk menyediakan kawasan yang diperlukan.

Kejayaan projek ini amat bergantung kepada infrastruktur yang mencukupi seperti yang dinyatakan di atas. Projek baru ini akan mengeluarkan "flat products" seperti steel plates, sheets dan coils yang digunakan dalam industri pembuatan kereta, elektrik dan elektronik dan kejuruteraan. Pada masa ini keluaran-keluaran ini tidak dikeluarkan di Malaysia dan kesemua permintaan dalam negeri adalah diimport.

Dengan penubuhan projek ini, Malaysia akan dapat mengurangkan importnya di samping menggalakkan penubuhan industri-industri hiliran (downstream) berasaskan keluaran-keluaran di atas. Projek ini juga tidak akan bersaing dengan Perwaja oleh kerana Perwaja mengeluarkan keluli atau billets yang digunakan sebagai bahan untuk mengeluarkan batang besi dan keluli (steel bars and rods) yang digunakan dalam industri pembinaan.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kilang besi waja baru yang ditubuh di Terengganu ini akan mendapat bekalan bijih besi keseluruhannya dari negara ini ataupun ianya juga akan menggunakan besi buruk seperti yang digunakan sekarang? Kalau tidak, dari negara manakah bekalan-bekalan besi

waja ataupun bahan-bahan mentah yang lain yang akan didapati oleh kilang ini?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya raw material untuk mengeluarkan besi-besi itu ada diimport dari luar negeri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 8 hingga 64 adalah diberi di bawah ini)*

#### SIJIL KELAHIRAN LEWAT— PENDAFTARAN

**2. Dr Nicholas Munong anak Ibau** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di Negeri Sarawak di tahun 1986, 1987, 1988 untuk pergerakan "National Registration Drive" di luar bandar di Sarawak;
- (b) di dalam tiga tahun yang berturut-turut itu berapakah jumlah surat sijil kelahiran lewat dan kad pengenalan yang telah siap diproses dan diluluskan dalam pergerakan "National Registration Drive" di luar bandar itu;
- (c) adakah Jabatan Pendaftaran di negeri masing-masing terutama di Sarawak bercadang untuk mempamirkan senarai nama-nama kad pengenalan di papan kenyataan di Pejabat Pendaftaran Negara yang berkenaan di seluruh Negeri Sarawak untuk kad pengenalan yang sudah satu tahun atau lebih yang tidak diambil.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Kerajaan tidak ada menjalankan Gerakan Pendaftaran Negara (National Registration Drive) di luar bandar di Sarawak. Dalam pada itu Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak sentiasa mengatur perkhidmatan pendaftaran bergerak ke kawasan pendalaman bagi memudahkan orang ramai membuat daftar lewat kelahiran. Sebagai contohnya pada tahun 1966, satu gerakan pendaftaran besar-besaran telah dijalankan di beberapa kawasan pendalaman di seluruh negeri ini. Namun demikian oleh kerana masalah cuaca dan perhubungan beberapa kawasan yang dicadangkan terpaksa ditunda dan lawatan-lawatan di kawasan itu dapat diselesaikan pada tahun 1987. Untuk mengatasi masalah perhubungan pihak Jabatan Pendaftaran Negara Negeri juga telah menyewa bot-bot, kenderaan darat dari Syarikat Pembalakan dan juga helikopter dari pihak Tentera Udara Malaysia.
- (b) Semenjak program ini dijalankan pada tahun 1986, 1987 dan 1988 sebanyak 30,749 permohonan sijil pendaftaran kelahiran lewat telah diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak 17,957 permohonan telah diluluskan. Manakala bakinya sedang di dalam penyemakan. Ini adalah kerana ada di antara pemohon telah berpindah dan membuat permohonan dua kali, memberi keterangan palsu dan permohonan yang tidak layak untuk dipertimbangkan di bawah pendaftaran lewat kelahiran.
- (c) Pemohon-pemohon kad pengenalan yang siap diberitahu secara bersurat untuk mengambil kad

pengenalan mereka. Selain dari itu senarai kad pengenalan yang tidak diberikan kepada Penghulu dan Ketua Kaum untuk dimaklumkan kepada mereka yang berkenaan. Hebahan-hebahan di media massa juga dibuat secara umum supaya mereka tampil mengambil kad pengenalan berkenaan.

### PENGIJRAHAN ORANG YAHUDI, SOVIET UNION KE ISRAEL

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah OIC telah membuat suatu rancangan yang konkerit di dalam menghadapi berbagai-bagai masalah yang ditimbulkan oleh rejim Tel Aviv terutama sekali dalam usaha mencegah rancangan hijrah besar-besaran orang-orang Yahudi dari Soviet Union ke Israel dan menempatkan mereka di kawasan kediaman orang-orang Arab dan Islam. Apakah peranan Malaysia di dalam menjayakan pelaksanaan rancangan itu serta apakah halangan-halangan yang menyekat kelancaran rancangan yang tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengecam penghijrahan orang-orang Yahudi dari Soviet Union ke Wilayah-wilayah Arab dan Palestin yang ditakluki.

Sehubungan dengan ini, OIC telah menubuhkan beberapa jawatankuasa khusus bagi mengawasi serta menentang tindakan-tindakan rejim Tel Aviv berkaitan dengan masalah Palestin, termasuk isu penghijrahan orang-orang Yahudi Soviet Union ke Israel.

OIC melalui Jawatankuasa Al-Quds yang ditubuhkan dalam tahun 1975 telah

mengadakan mesyuaratnya di Rabat, Maghribi pada 6-7 April, 1990 lalu bagi membincangkan isu penghijrahan orang-orang Yahudi Soviet Union ke wilayah Arab dan Palestin yang ditakluki Israel.

Mesyuarat Jawatankuasa tersebut antara lain telah:

- (i) mendesak Soviet Union menghentikan penghijrahan orang-orang Yahudi Soviet Union ke Israel;
- (ii) meminta Amerika Syarikat menghentikan bantuan mereka kepada Israel di dalam isu penghijrahan ini, dan menerima orang-orang Yahudi Soviet Union menetap di Amerika Syarikat; dan
- (iii) menyeru media-media massa meningkatkan kempen penerangan berhubung dengan isu ini.

Dalam hal ini, Malaysia menyokong sepenuhnya segala keputusan dan ketetapan-ketetapan yang telah diambil secara 'consensus' oleh pertubuhan tersebut. Kita telah menyuarakan pandangan dan pendirian kita mengenai masalah Palestin ini di mesyuarat-mesyuarat OIC. Dalam hal ini juga, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia adalah ahli "Expert Committee for ways to confront the dangers of Zionist Colonialist Settlement in Palestine and the Occupied Arab Territories". Walau bagaimanapun, segala usaha yang dibuat sering menghadapi masalah disebabkan oleh kedegilan dan keangkuhan rejim Israel yang bercita-cita untuk memperluaskan wilayah negaranya. Sikap rejim Israel itu adalah kerana adanya kuasa besar yang memberi sokongan moral dan material kepada mereka.

**ASEAN SECURITY PAPER  
MILLS SDN. BHD.**

**9. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan satu laporan mengenai projek kilang kertas ASEAN (ASEAN Paper mill project), sama ada ia telah gagal dimulakan ataupun projek tersebut terbengkalai memandangkan pejabatnya di Kuala Lumpur sudahpun ditutup.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Projek perkilangan "ASEAN Security Paper Mills Sdn. Bhd. (ASPM)" adalah satu projek usahasama pihak swasta daripada negara-negara anggota ASEAN di bawah Skim ASEAN Industrial Joint Ventures. Dengan yang demikian, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan negara-negara ASEAN yang lain tidak mempunyai sebarang kepentingan secara langsung dalam syarikat dari segi ekuiti dan pengurusan. Pada masa sekarang syarikat mempunyai pejabatnya di Ipoh.

Oleh kerana syarikat bercadang menempatkan projeknya di Malaysia, Kerajaan telah meluluskan Lesen Pengilang kepada syarikat dalam tahun 1985. Kerajaan Negeri Perak juga telah meluluskan syarikat satu tapak kilang di Sitiawan.

Setakat ini, syarikat belum lagi memulakan pengeluaran. Seperti syarikat-syarikat swasta yang lain, yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat pengawasan ke atas pelaksanaan projek ASEAN Security Paper Mills dari masa ke samasa.

Oleh kerana projek syarikat telah lama tidak dilaksanakan, maka Kementerian telahpun mengeluarkan "surat tunjuk sebab" (show cause letter) mengenai penarikan balik Lesen Pengilang syarikat. Walau bagaimanapun syarikat telah membuat rayuan supaya mereka diberi masa lagi untuk melaksanakan projek ini. Kementerian

telah membuat pertimbangan atas rayuan ini dan telah memberi tempoh perlanjutan pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 1990. Sekiranya pada akhir tahun ini syarikat tidak juga melaksanakan projek tersebut, Kementerian akan menimbangankan untuk menarik balik Lesen Pengilangnya.

**LORI MALAYSIA BERHAD—  
SAHAM MARA**

**10. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan keputusan MARA menyerahkan Lori Malaysia kepada sebuah syarikat:

- (a) Apakah yang mendorong MARA bersetuju menyerahkan Lori Malaysia kepada sebuah syarikat awam dan di bawah peruntukan apa persetujuan itu dibuat. Sila terangkan juga bagaimana syarikat tertentu diberi peluang dan tidak syarikat lain;
- (b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan dan benarkah syarat itu dapat dipenuhi kemudiannya oleh syarikat tersebut antaranya tentang pengambilan kakitangan Lori Malaysia untuk terus berkhidmat dengan syarikat itu dan mereka mendapat layanan yang serupa. Sedarkah Yang Berhormat bahawa syarikat berkenaan juga telah melanggar persetujuan mengenai tanggungjawab kewangan yang patut dijelas;
- (c) Berapakah nilai harta Lori Malaysia ketika ia diserahkan kepada syarikat tersebut;
- (d) Adakah Kementerian bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasatan tentang cara dan bagaimana penyerahan anak syarikat MARA itu dibuat dan setujukah beliau

supaya jika diadakan siasatan maka laporannya dibentangkan di Dewan Rakyat yang mulia ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Mohamed bin Jamrah):**

- (a) Pihak MARA sememangnya telah membuat penelitian sebelum menyerahkan saham MARA di dalam Lori Malaysia Berhad (LMB) kepada syarikat yang layak dan mempunyai keupayaan. Syarikat Technivest Sendirian Berhad (TSB) adalah satu syarikat yang mempunyai kemampuan dalam pengurusan dan pengendalian saham-saham tersebut. Syarikat ini mempunyai opsyen untuk mengambilalih sepenuhnya saham-saham MARA di dalam LMB.
- (b) Syarat-syarat Perjanjian Jualbeli saham-saham MARA di dalam LMB kepada TSB adalah seperti berikut:
- (i) Semua saham milikan MARA di dalam LMB sebanyak 10,475,980 saham biasa nilaitara \$1/= tiap satu dijual kepada TSB dengan harga \$130,000. 00.
  - (ii) MARA dan anak-anak syarikatnya menyerahkan hak hutang ke atas LMB kepada TSB dengan balasan berjumlah \$4,446,320. 00.
  - (iii) Kakitangan LMB diteruskan perkhidmatan mereka dengan LMB.
  - (iv) Kelulusan dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

Adalah tidak benar dakwaan Y.B. yang mengatakan bahawa syarikat berkenaan telah melanggar persetujuan berhubung dengan tanggungjawab kewangan yang patut dijelaskan kerana pihak TSB adalah sedang mengambil tindakan pembiayaan bayaran balasan hutang kepada MARA sebanyak \$4,446,320.

- (c) Nilai buku Aset bersih beraudit LMB pada 15hb November, 1988 adalah negatif \$8,106,858. MARA telah melantik Juru perunding untuk menilai LMB. Asas yang digunakan bagi menilai saham LMB adalah keuntungan Masa Depan dan asas bagi balasan hutang MARA dan anak-anak syarikatnya adalah Aset Bersih akaun LMB beraudit pada 15hb November, 1988 dengan diambilkira nilai tanah dan bangunan pada harga pasaran.
- (d) Kementerian ini tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan tentang cara dan bagaimana penyerahan anak syarikat MARA itu dibuat.

**KHUTBAH JUMAAT**

**11. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil atau diberi nasihat kepada Kerajaan Negeri terhadap Jabatan Hal Ehwal Agama Islam supaya Khutbah Jumaat di seluruh negeri apabila menyampaikan "Khutbah Jumaat" di masjid-masjid tidak sesuka hati untuk mencaci Kerajaan Barisan Nasional hari ini dengan disediakan oleh orang-orang yang tertentu, untuk mengelakkan umat Islam di negara ini berpecah belah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Perkara yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat itu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat yang tepat dan lengkap mengenai kes yang dibangkitkan itu, Ahli Yang Berhormat boleh melaporkan hal itu kepada Majlis Agama Islam Negeri yang berkenaan.

### JAMBATAN KEDUA DI TAMBAK JOHOR

**12. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kerjaraya menyatakan cadangan hendak mengadakan jambatan kedua yang menghubungkan antara Malaysia dengan Singapura. Bilakah projek ini hendak dilaksanakan dan nama syarikat swasta yang mengemukakan cadangan pembinaan projek tersebut beserta anggarannya sekali.

**Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Soalan yang sama telah dibangkitkan dan dijawab di Dewan yang mulia ini pada 18hb Jun, 1990. Saya tidak berhajat untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan tempoh hari.

### KAMPUS ITM DI JENKA PUSAT, MARAN

**13. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kampus ITM di Jenka Pusat, Maran ditender semula kerana pemborong pertama telah gagal menyiapkan projek tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Kerjaraya telahpun selesai membuat penilaian terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor pertama dan sedang dalam proses untuk menender semula projek berkenaan. Setakat ini, kemajuan projek pembinaan kampus tersebut adalah

sebanyak 60.0%. Projek ini dijangkakan akan ditender semula pada bulan Julai, 1990.

### TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN—SYARAT PINJAMAN

**14. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat pinjaman Tabung Pemulihan Usahawan (TPU);
- (b) berapa jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah skim ini dan berapa penerimaannya;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan pinjaman Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):**

- (a) Buat masa ini Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) kerana syarat-syarat yang sedia ada sekarang adalah munasabah dan sesuai dengan matlamat penubuhan tabung tersebut. Bagaimanapun, kajian akan dibuat dari masa ke semasa bagi mamastikan syarat-syarat yang sedia ada itu bersesuaian dengan perubahan masa.
- (b) Setakat 31 Mei 1990, sebanyak 362 permohonan yang melibatkan jumlah bantuan sebanyak \$224.9 juta telah diluluskan di bawah Skim Tabung Pemulihan Usahawan. Jumlah yang telah

dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya setakat ini adalah sebanyak \$58.7 juta. Pengeluaran bantuan yang agak perlahan ini, terutamanya disebabkan oleh:

- (i) kelambatan pemohon yang berjaya untuk menandatangani surat perjanjian;
  - (ii) pemohon didapati mempunyai tunggakan hutang yang melebihi daripada jumlah yang dilaporkan semasa membuat permohonan;
  - (iii) pemohon-pemohon yang berjaya didapati berada dalam tindakan mahkamah oleh sipiutang masing-masing; dan
  - (iv) adakalanya pemohon ingin menukar kepada projek-projek lain selepas bantuan diluluskan.
- (c) Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menambah peruntukan pinjaman bagi Skim Tabung Pemulihan Usahawan. Peruntukan yang sedia ada dirasakan sudah memadai untuk membantu mereka yang layak di bawah skim tersebut.

### LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

15. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah lesen perdagangan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan mengikut kelas dan jenis semenjak 5 tahun kebelakangan ini;
- (b) sehingga hari ini, berapa banyakkah lesen-lesen tersebut telah ditarik balik dan sebab ia ditarik balik;
- (c) adakah Kementerian akan memperkuatkan lagi syarat pengeluaran lesen memandangkan banyak kemalangan jalanraya baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):**

- (a) Jumlah terkumpul lesen kenderaan perdagangan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah Kementerian Perusahaan Awam sehingga 31.12.89 ialah 163,430. Jumlah lesen mengikut kelas yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sejak lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Lesen</i>	<i>1985</i>	<i>1986</i>	<i>1987</i>	<i>1988</i>	<i>1989</i>	<i>Jumlah</i>
Teksi/Kereta Sewa	292	480	930	760	880	3,342
Kereta Sewa dan Pandu	531	214	68	150	515	1,479
Teksi Mewah	87	142	35	48	117	429
Bas Sekolah	387	395	590	249	499	2,120
Bas Kilang	155	29	92	75	431	782
Bas Berhenti-henti	15	179	59	2	14	269
Bas Mini	-	24	-	-	-	24
Bas Ekspres	-	5	-	-	-	5
Bas Persiaran	60	34	16	76	218	404
Kenderaan Pekerja	-	-	-	21	94	115
Lesen Pembawa 'A'	1,236	1,692	1,306	2,540	4,564	11,338
Lesen Pembawa 'C'	1,476	2,722	1,324	1,138	2,168	8,828
<b>Jumlah</b>	<b>4,239</b>	<b>5,916</b>	<b>4,420</b>	<b>5,059</b>	<b>9,501</b>	<b>29,135</b>

- (b) Sehingga 31.12.1989 sejumlah 2,185 lesen kesemua kelas kenderaan perdagangan telah ditarik balik. Sebab-sebab utama ditarik balik atau dibatalkan ialah kerana pemegang lesen tidak membaharui lesen yang telah tamat tempoh, tidak melesenkan lesen dalam tempoh yang dibenarkan, melanggar peruntukan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan undang-undang bertulis yang lain.
- (c) Bagi bahagian (c), jawapan ialah, "tidak".

#### **POLIS DI SABAH SEBAGAI— "RESERVED FORCE"**

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa Pasukan Polis di Sabah dilayan sebagai "Reserved Police" di mana ianya sentiasa kekurangan pegawai dan tenaga kerja di samping bekalan dari masa ke semasa daripada Kuala Lumpur, peralatan terpakai dan ketinggalan zaman "outdated and secondhand equipments" yang diperlukan untuk mencegah atau menahan jenayah yang dilakukan oleh anak tempatan dan juga oleh para pendatang.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Jabatan Polis sentiasa memberikan layanan yang sama rata tanpa pilih kasih kepada semua negeri baik dari segi penempatan kakitangan mahupun dari segi perbekalan dan peralatan. Soal "reserved force" seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat tidak timbul.

#### **PENGUASAAN BERBAGAI BAHASA**

17. Tuan Hashim bin Shafin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kerajaan bercadang supaya warga-

negara ini suatu hari nanti akan menguasai empat bahasa utama iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Kalau ada apakah langkah yang sedang diatur dan kalau tidak kenapa ianya tidak perlu ada.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menggalakkan pelajar menguasai berbagai bahasa di samping Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, terutamanya Bahasa Tamil dan Cina. Walaupun kedua-dua bahasa, Tamil dan Cina merupakan bahasa ibunda dan pengajarannya tertakluk kepada seksyen 2, Akta Pelajaran 1961, pelajar lain tidak dihalang untuk mengambil mata-pelajaran tersebut. Sebagai langkah permulaan di dalam KBSM, kedua-dua matapelajaran ini dimasukkan dalam kumpulan matapelajaran tambahan dan ditawarkan kepada semua pelajar.

#### **FELDA DI SABAH—JUMLAH KELUASAN DAN PENEROKA**

18. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini berapakah luas tanah bagi Rancangan FELDA telah dibuka di Sabah. Berapakah jumlah peneroka yang sedang mengikuti rancangan ini dan apakah kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada mereka.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Sehingga ini, seluas 95,297 hektar yang meliputi 54 rancangan telah dibuka di Sabah. Jumlah peneroka adalah seramai 1,000 orang di 7 buah rancangan. Kemudahan yang diberikan kepada peneroka termasuk bekalan air, elektrik, sekolah, klinik, rumah ibadat, balairaya dan padang awam.

**LOTERI PERKHIDMATAN  
KEBAJIKAN MASYARAKAT—  
PEMBERHENTIAN OPERASI**

**19. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah sebabnya Kerajaan memberhentikan kegiatan Loteri Kebajikan Masyarakat dan apakah usaha-usaha lain yang dibuat untuk membendung kegiatan perjudian yang dijalankan oleh pihak swasta.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan yang serupa telahpun dijawab di dalam Mesyuarat Dewan ini pada 15.6.1990.

**PROJEK LEBUHRAYA  
MENYAMBUNG GENTING  
HIGHLANDS—BUKIT FRASER—  
CAMERON HIGHLANDS**

**20. Tuan P. Patto:** minta Menteri Kerjaraya menyatakan samada Kerajaan masih mahu melaksanakan projek lebuhraya menyambung Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands walaupun terdapat bantahan daripada pihak-pihak yang mencintai alam sekitar (environmentalists) memandangkan pembinaan lebuhraya itu akan memusnahkan hutan-rimba dan membawa akibat buruk kepada alam sekitar. Jika ya, apakah sebab-sebabnya; dan nyatakan juga anggaran perbelanjaan asal dan anggaran perbelanjaan sekarang.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada masa sekarang projek ini masih dalam peringkat kajian. Sebuah Konsortium Perunding telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja kajian kemungkinan bagi menentukan aliran jalan yang sesuai. Pihak Konsortium dikehendaki mengemukakan beberapa cadangan aliranjalan yang sesuai. Kajian Daya Maju Ekonomi (Economic Feasibility Study) serta Kesan Terhadap Alam Sekitar (Environment Impact

Assessment Study) juga akan dilaksanakan. Mengenai pelaksanaan projek berkenaan pula, Kerajaan akan hanya membuat keputusan berdasarkan hasil kajian-kajian tersebut. Oleh itu keputusan samada untuk melaksanakan projek ini atau tidak, masih belum dibuat lagi pada masa ini. Anggaran kos projek keseluruhannya secara kasar ialah di antara \$600 hingga \$2 ribu juta, bergantung kepada aliran jalan yang dipilih. Anggaran sebenar akan hanya dapat disediakan setelah siap kajian tersebut.

**UNIVERSITI/KOLEJ PERUBATAN  
DI INDIA—PENGIKTIRAFAN**

**21. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah penuntut-penuntut yang dihantar oleh Kerajaan Malaysia ke India untuk menuntut jurusan kedoktoran dalam tahun 1988, 1989 dan 1990. Berapakah jumlah keseluruhan penuntut Malaysia yang mengikuti kursus kedoktoran di India;

- (a) setakat berapa buah pengajian tinggi di India yang di iktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) memandangkan negara kita kekurangan doktor, kenapakah Kerajaan kita tidak mengiktiraf lebih banyak pengajian tinggi di India.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak menaja pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di India. Penghantaran pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran dalam bidang Perubatan di India sekarang adalah dibuat secara pemberian biasiswa Kebudayaan Am oleh Kerajaan India yang ditawarkan setiap tahun melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Mengikut rekod yang ada, bilangan pelajar yang telah ditawarkan biasiswa Kebudayaan

Am India dalam tahun-tahun 1988-1990 adalah seperti berikut:

1988	—	1 orang
1989	—	1 orang
1990	—	3 orang calon telah dihantar ke Kedutaan India untuk mendapatkan persetujuan.

Memandangkan pelajar-pelajar yang berkenaan melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kebudayaan Am India, maka JPA tidak ada menyimpan rekod pelajar-pelajar yang masih menuntut di negara tersebut.

Menyentuh mengenai bilangan universiti yang diiktiraf, setakat ini Kerajaan telah mengiktiraf sebanyak 42 buah Universiti/Kolej Perubatan di India. Memandangkan bilangan Universiti/Kolej di India yang telah diiktiraf telah mencukupi dan memenuhi keperluan, Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan lagi pengiktirafan ijazah-ijazah Perubatan dari India.

#### GURU BESAR BUKAN SISWAZAH

**22. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan samada Kementerian Pendidikan menyedari bahawa akibat pengwujudan sistem 2 skim untuk tenaga pengajar ianya menyebabkan kekhawatiran segolongan guru-guru terutama sekali mereka yang tidak mempunyai Ijazah bagi memegang jawatan sebagai Pengetua atau Guru Besar, kerana dikatakan ianya membawa kepada pengguguran mereka daripada jawatan Pengetua atau Guru-guru Besar nanti sebaik sahaja sistem dua skim itu dilaksanakan. Adakah apa yang menjadi kekhawatiran mereka berkenaan dalam konteks yang disebutkan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Guru Besar Bukan Siswazah yang berpindah ke gred Tingkatan Biasa di bawah Skim

Baru akan dikekalkan di atas jawatan yang sedang disandang itu. Di samping itu, elaun khas sebanyak \$60.00 dibayar kepada mereka secara khas untuk Penyandang. Oleh itu dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat berkenaan adalah tidak benar.

#### LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— KERJA BAIK-PULIH

**23. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk baik-pulih keadaan jalan buruk di Lebuhraya Timur-Barat dan nyatakan setakat ini jumlah wang yang dibelanjakan untuk membaiki lebuhraya ini.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Kementerian Kerjaraya dari masa ke semasa telah mengambil langkah membaik-pulih dan menyenggara jalan-jalan yang buruk keadaannya di Lebuhraya Timur-Barat samada dengan menggunakan tenaga pekerja dan jentera Jabatan Kerjaraya atau secara kontrak kerja dengan kontraktor yang dilantik.

Sehingga ini Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$186.7 juta untuk melaksanakan kerja-kerja baik-pulih bagi 108 cerun di sepanjang jalanraya Timur-Barat.

#### PEMUDA TEMPATAN BEKERJA DI LADANG

**24. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi menggalakkan pemuda-pemuda tempatan supaya lebih cenderung untuk bekerja di ladang.

**Menteri Sumber Manusia (Datuk Lim Ah Lek):** Usaha-usaha bagi mengisi keperluan tenaga pekerja di ladang-ladang oleh pemuda-pemuda

tempatan lebih merupakan tanggungjawab pihak majikan ladang. Kerajaan cuba membantu seberapa yang boleh.

Untuk menggalak serta menarik minat pekerja-pekerja tempatan ke ladang, jurang perbezaan kemudahan asas dan manfaat kerja yang wujud di ladang dan di kawasan bandar perlu diseimbangkan setakat yang boleh. Ke arah mencapai matlamat itu, Kerajaan giat berusaha mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menggesa majikan ladang memberi gaji dan elaun yang lebih menarik di samping mewujudkan suasana kerja yang lebih selesa;
- (ii) memerlukan para majikan meningkatkan taraf kemudahan asas di sektor perladangan, khususnya dengan menggubal rang undang-undang baru menetapkan standard-standard minimum perumahan dan kemudahan pekerja di ladang-ladang. Kementerian juga menggalakkan pihak majikan ladang menyertai Skim Memiliki Rumah Pekerja Ladang-ladang, supaya pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah sendiri dengan lokasi dan kemudahan-kemudahan yang sempurna.
- (iii) memperkenalkan kepada pencari-pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat perihal kerja-kerja di sektor ladang. Yang berminat juga dibawa melawat ke ladang untuk menyaksikan sendiri corak kerja serta kemudahan yang diberi, serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan;
- (iv) memberi ceramah kepada belia-belia di kawasan luar-bandar mengenai peluang-peluang pekerjaan di sektor ladang.

## SETINGGAN DI TANAH REZAB KTM

**25. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah cadangan untuk meminda rumah-rumah setinggalan yang berada di rezab KTM di Daerah Petaling, Kelang dan Selayang. Bilakah rumah-rumah untuk menggantinya akan disiapkan dan apakah jenis rumah tersebut dan dimanakah rumah-rumah itu ditempatkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Setinggalan yang menduduki tanah rezab KTM di daerah Petaling, Kelang dan Selayang akan ditempatkan semula di dalam daerah yang sama. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpastikan bagi penempatan semula setinggalan ialah Rawang, Jinjang Utara, Balakong, Pelabuhan Kelang dan Pantai Halt (berhampiran Pantai Dalam). Penempatan semula tersebut adalah di dalam bentuk rumah panjang dan dijangka disiapkan pada bulan Februari, 1991.

## RAKYAT MALAYSIA MASUK SECARA HARAM KE NEGARA ASING

**26. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu rakyat Malaysia yang masuk secara haram ke Taiwan, Jepun dan negeri-negeri lain dan berapa jumlah rakyat Malaysia yang masuk secara haram di tiap-tiap negeri tersebut.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kerajaan tidak mempunyai rekod mengenai rakyat negara ini yang masuk secara tidak sah ke negara-negara asing termasuk Taiwan dan Jepun. Kerajaan juga tidak bercadang membantu mereka yang terlibat dengan kesalahan sedemikian.

## SISA TOKSID—PEMBINAAN TAPAK PELUPUSAN

**27. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada pakar perunding yang dilantik untuk menjalankan kajian-kajian feasibiliti tentang pembinaan tapak-tapak pembuangan sisa-sisa toksid di negara ini telahpun disiapkan, jika ya, beri butir-butir tentang kajian-kajian ini; dan
- (b) jumlah sisa-sisa toksid yang kini disimpan oleh kilang-kilang dalam negara ini dan samada sebarang inventori sisa-sisa toksid disimpan oleh kilang-kilang ini; jika ya, apakah data-data dari inventori ini akan diumumkan dan dibekalkan kepada kumpulan-kumpulan kepentingan awam.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):**

- (a) Kajian kemungkinan oleh dua firma swasta untuk pembinaan tapak-tapak pelupusan buangan terjadual masih sedang dijalankan dan dijangka siap akhir tahun ini.
- (b) Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya ada maklumat mengenai buangan berbahaya atau buangan terjadual yang dihasilkan oleh kilang-kilang di Malaysia iaitu berpandukan Laporan Kajian yang dibuat oleh Juruperunding Dames & Moore tahun 1987. Jabatan ini sedang dalam proses mengumpul maklumat dan menyediakan inventori buangan yang tersimpan selaras dengan Peraturan-peraturan (Buangan Terjadual) 1989 yang dikuatkuasakan pada 1 Mei, 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa berkerjasama dengan mana-mana pihak yang memohon mendapatkan data inventori khususnya bagi tujuan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pelupusan buangan terjadual secara selamat.

## PENYELEWENGAN OLEH PEMIMPIN MCA—SIASATAN

**28. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan polis dan Badan Pencegah Rasuah terhadap laporan penyelewengan-penyelewengan pemimpin-pemimpin MCA semasa menguruskan Tabung Pendidikan Amanah Chang Min Thian sebanyak \$10 juta yang masih belum diperundangkan sungguhpun wang itu telah didermakan 10 tahun yang lepas.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Siasatan polis mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut telah selesai dijalankan dan telah mendapati bahawa sememangnya ada beberapa "irregularities", dengan izin, tetapi tidak ada bukti berlaku penyelewengan atas kepentingan peribadi oleh mana-mana Pengarah atau Kumpulan Pengarah MPH. Atas nasihat Timbalan Pendakwa Raya, tidak ada apa-apa tindakan diambil ke atas kes ini.

## PENGAMBILAN DEPOSIT TANPA LESEN

**29. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan dan memberi penjelasan mengapakah peruntukan-peruntukan undang-undang sekarang masih tidak mencukupi untuk memberi perlindungan kepada orang ramai daripada tertipu oleh syarikat-syarikat pengambilan deposit secara haram dan skim-skim cepat kaya dan

apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengetatkan lagi undang-undang berkenaan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk membanteraskan kegiatan-kegiatan tersebut.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1989 yang lalu telah menyediakan peruntukan undang-undang yang komprehensif dan jelas berkaitan dengan kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen yang sah. Seksyen 25 (1) Akta itu menjelaskan bahawa tiada seorangpun boleh menerima atau mengambil deposit tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah Akta tersebut. Mereka yang disabitkan dengan kesalahan itu boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda sehingga \$10 juta atau kedua-duanya sekali. Sekiranya kesalahan seumpama itu dibuat berterusan, denda tambahan boleh dikenakan berasaskan denda harian tidak melebihi \$10,000 sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan.

Hukuman yang telah diperuntukan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 itu dirasakan sudah berpatutan ke atas kesalahan menerima deposit tanpa lesen yang sah.

Walau macam mana ketat sekalipun undang-undang yang kita wujudkan, ia tidak dapat menghapuskan sepenuhnya kegiatan-kegiatan yang tidak diingini. Hanya kejujuran dan keikhlasan jua yang dapat menghapuskan kegiatan seumpama itu.

Kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen yang sah atau skim kaya cepat yang dikesan baru-baru ini agak sukar untuk dihapuskan sama sekali kerana syarikat-syarikat itu beroperasi secara sulit. Pada pandangan Kementerian Kewangan syarikat-syarikat berkenaan dan pendeposit yang terlibat sebenarnya tahu

bahawa kegiatan itu adalah menyalahi undang-undang tetapi mereka sanggup menghadapi risiko kerana tertarik dengan kadar pulangan tinggi yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Dengan demikian, kerjasama orang ramai adalah juga penting dalam membanteras kegiatan syarikat-syarikat tersebut dengan melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, pihak Bank Negara akan terus memberi pengawasan rapi ke atas kegiatan seumpama itu dan akan mendakwa mana-mana pihak yang didapati terlibat. Pengawasan itu akan dijalankan dari masa ke semasa oleh Unit Penyiasatan Khas yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kenyataan-kenyataan akhbar juga telah dibuat oleh Kerajaan mengenai kegiatan syarikat-syarikat tersebut yang menyalahi undang-undang dan risiko yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam kegiatan syarikat-syarikat itu.

#### LOTERI PERKHIDMATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT— PEMBERHENTIAN OPERASI

**30. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebabnya yang mengakibatkan Kerajaan menamatkan operasi Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Bilakah cabutan yang terakhir akan diadakan. Oleh kerana keuntungan dari operasi Loteri tersebut disalurkan kepada projek-projek kebajikan dan perkhidmatan masyarakat, apakah punca kewangan lain yang diperolehi Kerajaan untuk membiayai projek-projek tersebut setelah operasi Loteri ditamatkan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan yang serupa telah pun dijawab di dalam mesyuarat Dewan ini pada 15.6.1990.

## SESCO—PENGAMBILANALIHAN

**31. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih SESCO (Sarawak Electricity Supply Corporation) daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Persetujuan mengenai nilai bersih Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) dan jumlah bayaran pampasan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak belum lagi dicapai. Oleh itu Kementerian tidak dapat menetapkan tarikh yang muktamad setakat ini.

## GURU UTS DI SABAH

**32. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah Guru UTS yang terdapat di Sabah dan sebab-sebab mereka tidak dapat diserap ke dalam perkhidmatan tetap sebagaimana dilakukan kepada rakan-rakan mereka yang berada di Sarawak; sama ada benar mereka telahpun diberitahu bahawa perkhidmatan mereka akan dihentikan; jika ya, sila sebutkan bilangan guru-guru yang terlibat dan sebab-sebab perkhidmatan mereka dihentikan dan mengapakah Kerajaan tidak pernah mempertimbangkan sumbangan mereka pada masa-masa lampau.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua soalan yang sama yang bersangkutan dengan isu guru UTS di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut sekaligus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Guru UTS di Sabah ialah seramai 839 orang dan kesemuanya telah

ditawarkan untuk menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan secara penyerapan atau lantikan mulai 1 Januari, 1980.

Ini bermakna mulai 1 Januari, 1980 tiada lagi Guru-guru UTS di Sabah kerana Guru-guru ini ada yang diserap ke jawatan tetap dan ada pula yang dilantik ke jawatan sementara. Mereka yang dilantik secara sementara adalah terdiri daripada Guru-guru UTS yang tidak terlatih. Prinsip yang sama adalah juga digunakan di dalam urusan penyerapan atau perlantikan bagi guru-guru di Sarawak dan Semenanjung. Oleh itu dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat adalah tidak benar sama sekali.

Adalah dimaklumkan juga bahawa perkhidmatan guru-guru yang dilantik secara sementara boleh dihentikan apabila terdapat guru-guru tetap yang terlatih yang mencukupi untuk mengambilalih tempat mereka. Setakat ini belum ada lagi Guru-guru UTS yang diberhentikan kerana bilangan guru-guru tetap dan terlatih di negeri Sabah masih belum mencukupi.

## PENUBUHAN UNIVERSITI DI SABAH/SARAWAK

**33. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pendidikan menyatakan samada pihak Kementerian pernah menerima permohonan atau cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk sebuah universiti dibina di salah sebuah negeri tersebut, dan jika ya, kenapa pihak Kerajaan Persekutuan enggan menimbangkan cadangan sehingga sekarang.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah universiti tidak berasaskan kepada permohonan sesebuah negeri tetapi berdasarkan kepada perancangan dan keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh negara.

Sungguhpun demikian pada masa ini di Sabah dan Sarawak terdapat 2 buah kampus cawangan, iaitu sebuah bagi UPM di Bintulu, sebuah bagi UKM di Likas, 2 buah kampus cawangan ITM serta sebuah politeknik. Kampus-kampus cawangan ini dan kampus induk di Semenanjung mampu menerima calon-calon yang layak dari kedua-dua buah negeri tersebut.

### JAWATAN DATUK BANDAR

**34. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menjadikan jawatan Datuk Bandar di Malaysia sebagai jawatan dipilih sebagaimana yang berlaku dalam bandaraya-bandaraya seluruh dunia supaya Kuala Lumpur, Ipoh dan bandaraya lain akan mempunyai Datuk Bandar-Datuk Bandar yang dipilih bukan dilantik. Jika tidak ada rancangan, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menjadikan jawatan Datuk Bandar di Malaysia sebagai jawatan dipilih sebagaimana yang berlaku dalam bandaraya-bandaraya di setengah negara lain kerana sistem perlantikan yang ada sekarang berjalan dengan baik dan memuaskan. Kerajaan juga percaya kiranya pilihanraya dibuat di peringkat Pihakberkuasa Tempatan ianya tidak banyak memberi faedah kepada rakyat, malah merugikan rakyat kerana ia melibatkan belanja yang besar.

### LESEN BOT LAUT—JUMLAH

**35. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah lesen bot laut dalam yang dikeluarkan kepada nelayan kita di seluruh negara. Daripada

angka lesen ini, berapa bot yang telah beroperasi dan jumlah tangkapan setakat ini. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan kita dalam usaha menangkap ikan di laut dalam dan bagaimana Kerajaan bercadang menyelesaikan masalah-masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Jumlah lesen bot laut dalam yang dikeluarkan setakat ini di seluruh negara ialah 425 unit dan semua bot-bot tersebut sedang beroperasi. Jumlah hasil tangkapan mereka ialah dianggarkan 212,000 tan metrik setahun.

Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha bot laut dalam adalah seperti berikut:

- (a) masalah untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan yang sanggup bekerja di atas bot laut dalam. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah mengadakan latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD). Di samping itu pekerja asing dibenarkan bekerja di atas bot laut dalam untuk tempoh tertentu dan bagi jawatan penting yang memerlukan kemahiran/kepakaran tertentu seperti taikong, jurupukat dan juruinjil.
- (b) Masalah mendapatkan tenaga kerja yang berkemahiran dari segi pengurusan dan operasi bot-bot laut dalam seperti penangkapan ikan tuna "oceanic". Projek seperti ini melibatkan penggunaan bot, peralatan serta operasi yang sofistikated. Untuk mengatasi masalah tersebut Kerajaan memberi pertimbangan kepada pemilik-pemilik bot tempatan bagi menggunakan kepakaran dari negara asing.

### DADAH—BILANGAN PENAGIH DI PUSAT PEMULIHAN

**36. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penagih dadah yang sedang ditahan di pusat-pusat pemulihan; dan
- (b) bilangan penagih-penagih yang telah dipulihkan kemudian menjadi penagih semula.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (a) Bilangan penagih dadah yang sedang ditahan di pusat-pusat pemulihan untuk menerima rawatan dan pemulihan ialah seramai 4,179 orang pada 21.5.90;
- (b) bilangan penagih yang telah dipulihkan dan kemudian masuk balik ke Pusat untuk menerima rawatan dan pemulihan pada tahun 1990 (sehingga 21.5.90) ialah seramai 606 orang.

Jumlah pelatih yang sedang ditahan di Pusat-pusat Serenti:

Bil.	Pusat	1988	1989	1990
1.	Pusat Serenti Tampin	510	475	533
2.	Pusat Serenti Bukit Mertajam	307	378	380
3.	Pusat Serenti Tampoi	356	422	442
4.	Pusat Serenti Besut	298	386	364
5.	Pusat Serenti Sg. Merchong	52	52	60
6.	Pusat Serenti Perlop	318	303	299
7.	Pusat Serenti Sg. Petani	310	407	380
8.	Pusat Serenti Kemuning	10	68	102
9.	Pusat Serenti Karangan			241
10.	Pusat Serenti Rawang			446
11.	Pusat Serenti Pengerang			180
12.	Pusat Serenti Jerantut			123
13.	Pusat Serenti Muar			199
14.	Pusat Serenti Taiping			410
	Jumlah	2,161	2,491	4,179

### UNIT TENAGA NUKLEAR—KOS PENYELENGGARAAN

**37. Tuan Hu Sepang** minta Perdana Menteri menyatakan kos yang terlibat dalam menyelenggarakan Pusat Atomic Tun Razak dan nyatakan juga pegawai-pegawai asing yang bertugas dengannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Pusat Atomic Tun Razak yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya andaikan Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI), yang sekarang ini dikenali sebagai Unit Tenaga Nuklear (UTN). Seperti juga agensi-agensi Kerajaan yang lain, Unit ini diperuntukkan belanja mengurus tahunan bagi menampung pembayaran gaji kakitangan, kos operasi dan sebagainya. Pada tahun ini UTN telah diperuntukkan belanja mengurus sebanyak \$12,474,900 dan peruntukan ini meliputi juga kos untuk mengendali dan menyelenggara reaktor nuklear penyelidikannya. Peruntukan belanja mengurus ini pada umumnya meningkat tiap-tiap tahun pada kadar sebanyak 10%.

Semua aktiviti penyelidikan, kendalian dan aktiviti-aktiviti lain sokongan di UTN ini dilaksanakan sepenuhnya oleh kakitangannya sendiri dan tidak ada pegawai asing yang telah ataupun akan bertugas dengannya. Walau bagaimanapun, Unit ini sering menerima kedatangan pakar-pakar antarabangsa di bawah program bantuan teknik yang disumbangkan oleh Badan Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) kepada negara ini. Selain daripada itu, Unit ini juga telah dan akan menerima pakar-pakar daripada Jepun, Australia dan negara-negara maju lain di bawah program kerjasama dua hala yang telah diwujudkan. Kedatangan pakar ini didapati amat berkesan bagi meningkatkan lagi perkembangan dan

pembangunan teknologi nuklear di negara ini dan juga dapat mengeratkan kerjasama di rantau ini.

### SKIM SOCSO UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

**38. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan samada kakitangan Kerajaan terletak di bawah perlindungan SOCSO atau skim insurans yang lain; jika tidak, siapakah yang bertanggungjawab jika seseorang kakitangan Kerajaan ditimpa kemalangan dan bagaimanakah pembayaran pampasan akan dikira, jika tidak mengapakah kakitangan Kerajaan tidak dilindungi dari kemalangan sewaktu mereka bekerja dan adakah ini merupakan kes penindasan yang dilakukan oleh Kerajaan ke atas kakitangan-kakitangan Kerajaan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Sekiranya seseorang kakitangan Kerajaan ditimpa kemalangan beliau adalah diberi rawatan percuma di hospital-hospital atau klinik-klinik Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kemalangan tersebut mengakibatkan pegawai itu tidak dapat meneruskan perkhidmatannya dengan Kerajaan, beliau bolehlah mendapat faedah-faedah persaraan di bawah Akta Pencen, iaitu beliau disarankan di atas sebab-sebab kesihatan. Beliau juga boleh dikurniakan pencen hilang upaya sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan. Pencen hilang upaya dikurniakan berdasarkan darjah kecacatan yang dialami dengan had maksima setengah daripada gaji akhir beliau.

Pegawai-pegawai rendah Kerajaan iaitu pekerja-pekerja "manual" tanpa mengira gaji bulanan adalah diberi perlindungan hilang upaya di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 di sepanjang perkhidmatan mereka, dan pekerja-pekerja yang bukan pekerja 'manual' yang bergaji \$400/- ke bawah

tanpa mengira jenis pekerjaan juga diberi perlindungan yang sama sepanjang perkhidmatan mereka.

### PERMIT MENGIMPORT KERETA TERPAKAI

**39. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebabnya pengusaha-pengusaha motor kereta sukar untuk mendapat permit-permit untuk membawa masuk kereta-kereta dari luar negeri dan berapa perमितkah diberi pada tiap-tiap pengusaha dan bagaimana pula prestasi-prestasi mereka.

**42. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peniaga Bumiputera yang terlibat di dalam perniagaan jualan kereta sama ada baru atau terpakai di seluruh negara. Adakah Kerajaan puas hati kemajuannya dibandingkan dengan pengusaha-pengusaha bukan Bumiputera yang menjalankan perniagaan yang serupa. Daripada jumlah tersebut berapa ramai yang dilantik menjadi pengedar bagi kereta "Proton Saga" dan berapa pula yang mendapat permit mengimport kereta terpakai dari Kementerian. Adakah Kerajaan puas hati dengan kemajuan ini dan nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu pengusaha Bumiputera dalam lapangan ini.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sam sailan yang dijadualkan dijawab pada hari ini juga.

Mengenai pengusaha-pengusaha motor kereta yang mendapati sukar untuk mengimport kereta dari luar negeri, keadaan yang berlaku adalah disebabkan dasar sekatan kuota yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi melindungi industri kereta pemasangan tempatan. Pada ketika ini, Kementerian

telah membekukan pengeluaran kereta import kepada syarikat-syarikat baru dengan tujuan untuk mengurangkan jumlah permit (AP) dikeluarkan dari tahun ke tahun selaras dengan keputusan Kerajaan mengawal paras kuota pada tahap 10% dari jumlah pengeluaran kuota yang dipasang dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini jumlah syarikat Bumi-putera yang bergiat cergas dalam perniagaan pengimportan kereta-kereta baru dan terpakai adalah 45 buah di Semenanjung Malaysia, 12 buah syarikat di Sabah dan 31 buah di Sarawak. Dalam usaha untuk memastikan syarikat-syarikat pemegang kuota ini berjaya dalam perniagaan mereka, tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk mengulangkaji kuota syarikat-syarikat berkenaan dari masa ke semasa. Bagi syarikat-syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian, tindakan menarik balik kuota syarikat telah dan akan diambil seterusnya. Dari sejumlah 65 wakil pengedar Bumiputera yang telah diluluskan, terdapat sebanyak 19 buah syarikat yang merupakan syarikat pemegang kuota import kenderaan bermotor. Setakat ini kemajuan yang dicapai oleh syarikat pemegang kuota dan syarikat wakil pengedar Bumiputera EON adalah menggalakkan dan memandangkan segala peluang dan kemudahan telahpun disediakan oleh Kerajaan, maka usaha seterusnya hendaklah diambil oleh syarikat sendiri untuk memastikan mereka terus berjaya dalam bidang ini.

#### RTM—STATUS PERBADANAN

**40. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah ciri-ciri struktur, fungsi dan aktiviti yang membolehkan RTM menambahkan pendapatan apabila ianya diubah daripada suatu Jabatan Kerajaan kepada suatu perbadanan. Bilakah perbadanan itu akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** Buat masa ini Kementerian sedang menimbangkan cadangan untuk menukarkan status RTM kepada sebuah perbadanan. Pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang melantik sebuah Badan Perunding untuk membuat kajian kemungkinan sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat.

#### PELABURAN ASING—JUMLAH

**41. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan asing yang datang ke Malaysia sejak akhir 1989;
- (b) negara-negara manakah yang melabur itu, dan dalam apa bidang;
- (c) jumlah pertukaran dagangan asing dengan Malaysia bagi tahun 1987, 1988 dan 1989;
- (d) apakah sebabnya setengah-setengah negara tidak mahu melabur di Malaysia; dan
- (e) bagaimanakah hubungan perdagangan Malaysia dengan Eropah Timur.

#### Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Jumlah cadangan modal Pelaburan Asing dalam projek-projek yang diluluskan dari tahun 1980 sehingga 1989 adalah sebanyak \$32.250 juta.
- (b) Pelaburan yang terbesar adalah dari Jepun, Taiwan, Singapura, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kebanyakan dari pelaburan ini adalah dalam industri elektrik dan elektronik, kimia dan barang kimia, barang logam asas, pemerosesan makanan dan kayu dan barang-barang kayu.

- (c) Jumlah perdagangan luar negeri bagi tahun 1987-1989 adalah seperti berikut:

1987	-	\$77,072.3 juta
1988	-	\$98,553.4 juta
1989	-	\$128,734.5 juta

- (d) Setakat ini, hampir 40 negara asing telah melabur di negara ini. Bagi negara-negara yang masih belum melabur di negara ini, kemungkinan mereka masih tidak tahu tentang peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Melalui strategi penggalakan pelaburan agresif yang di-amalkan sekarang, saya yakin lebih lagi negara asing akan melabur di Malaysia.

- (e) Berhubung dengan perdagangan Malaysia dengan Eropah Timur adalah dimaklumkan perdagangan ini adalah masih kecil. Ini adalah disebabkan beberapa perkara yang di antara lain ialah:

- (i) Negara-negara ini masih lagi mengamalkan Sistem Ekonomi Pusat. Dengan itu perhubungan perdagangan dengan mereka adalah terhad kerna urusan perdagangan diuruskan oleh, dengan izin, "Foreign Trade Organisations (FTOS)", negara-negara berkenaan. Di samping itu, negara-negara Eropah Timur juga menghadapi masalah pertukaran matawang asing; dan

- (ii) Negara-negara Eropah Timur masih lagi menumpukan perdagangan luar mereka di kalangan negara-negara ahli, dengan izin, "Council for Mutual Economic Assistance (CMEA)". Malaysia sememangnya ingin

perdagangan duahala dengan mereka dipertimbangkan lagi. Adalah diharapkan perubahan sistem politik di Eropah Timur akan mendorong perubahan ekonomi mereka kepada Sistem Ekonomi Pasaran Bebas dan seterusnya menjadikan keseluruhan Eropah satu pasaran yang luas dan berpotensi bagi barangan eksport Malaysia.

### MAS—PENGEKSPLORITAN

43. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk melindungi kepentingan orang awam dari dieksploitasikan oleh MAS, kerana kedudukan monopolinya, sebagai contoh syarat penalti 72 jam bagi sebarang pembatalan atau penukaran masa penerbangan, dan samada Menteriannya bercadang untuk menubuhkan sebuah biro pengaduan khas untuk menerima aduan awam terhadap MAS.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Adalah tidak benar, orang awam dieksploitasikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), kerana kedudukan "monopolinya" seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Dengan demikian langkah-langkah untuk melindungi kepentingan orang awam dari dieksploitasikan oleh MAS, tidaklah timbul, oleh sebab MAS ditubuhkan bagi kepentingan orang awam. Buat masa ini, Kerajaan berpuashati terhadap perkhidmatan MAS kepada orang ramai. Untuk makluman Yang Berhormat, syarat penalti 72 jam bagi sebarang pembatalan atau penukaran masa sepertimana diperkenalkan, adalah bertujuan untuk mengurangkan pembatalan-pembatalan penerbangan pada masa-masa akhir dan bagi mengatasi terdapatnya tempat duduk yang kosong, apabila pesawat-pesawat berlepas.

Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah "Biro Pengaduan Khas" pada masa ini, untuk menerima aduan awam terhadap MAS oleh sebab saluran-saluran yang sedia ada adalah mencukupi. Pelanggan-pelanggan MAS atau sesiapaupun yang ingin membuat aduan terhadap perkhidmatan MAS bolehlah menghubungi Pengurus Perhubungan Awam MAS, Bahagian Perhubungan Pelanggan MAS ataupun "Hotline" MAS. Selain dari itu, orang awam juga boleh mengadu terus kepada Kementerian Pengangkutan. Penyiasatan akan dijalankan terhadap setiap aduan yang diterima.

#### PERTAHANAN NEGARA— PERBELANJAAN

44. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah perbelanjaan negara bagi pertahanan negara untuk untuk tahun 1990 dan 1991;
- (b) setakat manakah perbelanjaan tersebut berkesan mengekalkan mutu pertahanan negara memandangkan ramai anggota angkatan tentera negara telah terkorban dan nahas/kerusakan pesawat-pesawat tentera semenjak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):

- (a) Perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan bagi tahun 1990 ialah sebanyak \$2,998,459,000.00 manakala perbelanjaan bagi tahun 1991 belum ditentukan lagi kerana masih diperingkat penyediaan anggaran.
- (b) Peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pertahanan adalah berpatutan dan memadai bagi mengekalkan prestasi pertahanan yang ada pada masa sekarang.

Kemalangan pesawat udara dan terkorbannya wira negara kita merupakan peristiwa yang tidak dapat dielakkan sama sekali.

#### TV3—BERITA DALAM BAHASA MANDARIN DAN TAMIL

45. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat ke atas TV3 supaya ia diperlukan menyiarkan laporan berita dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil setiap hari. Jika ya, bilakah syarat ini akan dilaksanakan; jika tidak, mengapa.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Saya mohon memaklumkan bahawa TV3 adalah sebuah Badan Penyiaran swasta yang dilesenkan oleh Kerajaan. Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat kepada TV3 sesuai dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Telekom dan Akta Penyiaran.

Kerajaan sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk menentukan apakah bentuk rancangan-rancangan yang harus disiarkan oleh TV3. Semua rancangan-rancangan adalah berpandu kepada keputusan yang dibuat oleh pemilik saham dan pihak pengurusnya sesuai dengan panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Mengenai bahasa Malaysia, TV3 ditetapkan menggunakan sekurang-kurangnya 50% Bahasa Malaysia bagi rancangan-rancangannya.

Saya dapati TV3 telahpun memenuhi syarat dan kehendak serta selera penonton berbagai kaum di Malaysia. Program-program berbagai bahasa selain daripada Bahasa Malaysia telahpun disiarkan oleh TV3 termasuklah program-program dalam Bahasa Cina yang telah ditingkatkan dari masa ke semasa.

Memang benar TV3 belum menyiarkan Berita dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Hal ini adalah terserah

kepada pihak pemegang saham dan pengurusan TV3 menimbangkannya. Oleh itu, tidak wajar Kerajaan mengenakan syarat-syarat baru selain daripada syarat-syarat yang telahpun ditetapkan dalam lesen penyiarannya.

Sambil itu saya harap perkara ini tidak akan dijadikan sebagai satu isu politik oleh mana-mana pihak untuk menimbulkan sebarang rasa tidak puas hati atau prasangka yang tidak baik terhadap Kerajaan.

### **AIDS—LANGKAH MENGELAKKAN**

**46. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan penyebaran AIDS di negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang telah diberikan pada 18.6.1990 kepada soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

### **BAHAN BINAAN—PERMINTAAN DAN BEKALAN**

**47. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar adanya kesulitan untuk mendapatkan bahan-bahan pembinaan dalam industri pembinaan sekarang. Jika sedar, apakah langkah yang telah Kerajaan ambil untuk mengatasinya dan sejauh ini adakah apa-apa kesan yang boleh menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan industri ini oleh sebab gangguan tersebut.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Kerajaan menyedari bahawa permintaan bagi bahan binaan seperti simen dan besi

keluli bulat telah meningkat berikutan dengan pemulihan ekonomi negara. Walau bagaimanapun keupayaan industri tempatan adalah mencukupi untuk membekalkan keperluan negara ini. Bagi simen permintaan dijangka akan meningkat sebanyak 19% daripada 4.2 juta metrik tan pada tahun 1989 kepada 5 juta metrik tan pada tahun 1990. Pada masa ini, kilang-kilang simen tempatan berupaya mengeluarkan sebanyak 6.56 juta metrik tan yang mana melebihi permintaan yang dijangkakan. Kerajaan menggalakkan pengeluar-pengeluar simen menambahkan pelaburan mereka bagi meningkatkan lagi pengeluaran.

Permintaan bagi besi keluli bulat pada tahun 1990 dijangka berjumlah sebanyak 550 ribu metrik tan berbanding dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 1.4 juta metrik tan setahun. Kilang-kilang besi keluli tempatan masih mengalami lebih pengeluaran berbanding dengan permintaan tempatan.

Bagi besi keluli dan simen, semua kenaikan harga hendaklah dipersetujui oleh Kerajaan terlebih dahulu. Pada masa ini, harga runcit simen tempatan sebanyak \$8.80-\$9.60 satu beg telah tidak berubah semenjak tahun 1981 dan harga runcit besi keluli pula \$1,072—\$1,229 metrik tan tidak berubah semenjak 7.4.1989.

Kerajaan akan memastikan bekalan simen dan besi keluli mencukupi untuk pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan masalah kekurangan bekalan simen dan besi keluli akan berlaku di sesetengah tempat disebabkan oleh masalah pengangkutan lori. Ini adalah kerana pengilang-pengilang simen dan besi keluli sukar untuk mendapatkan lori bagi mengangkut keluaran mereka, walaupun mereka bersedia untuk menanggung kenaikan kadar pengangkutan.

Di samping itu, pengusaha-pengusaha lori lebih berminat untuk mengangkut barang-barang yang menguntungkan dan memilih kawasan-kawasan yang mempunyai barang-barang untuk dibawa balik. Walau bagaimanapun, pengilang-pengilang simen dan besi keluli telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah tersebut dengan menggunakan khidmat keretapi.

Bagi bahan-bahan binaan lain, Kementerian ini sentiasa mengawasi dan memastikan supaya bekalan mencukupi dan dijual dengan harga berpatutan.

Di samping itu, pejabat-pejabat cawangan Kementerian ini di seluruh negara telah diarah supaya meninjau kedudukan bekalan, permintaan dan harga bahan binaan di setiap negeri dan maklumat-maklumat ini disampaikan kepada Kementerian untuk tindakan susulan. Kementerian juga telah meminta kerjasama semua pengeluar bahan-bahan binaan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan supaya memastikan bahan-bahan binaan sentiasa mencukupi di pasaran tempatan.

#### MAS—PENALTI PEMBATALAN PENERBANGAN

**48. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau akan menimbang semula pengenaan bayaran pembatalan ke atas tiket penerbangan yang dikeluarkan lebih dari had 72 jam dan kembalikannya kepada keadaan asal iaitu had 24 jam; samada penumpang-penumpang MAS seharusnya membayar pengenalan pembatalan 25% daripada harga tiket sehingga sebanyak \$50 jika mereka ingin bertolak lebih awal apabila terdapatnya tempat duduk kosong; samada Kementerian akan meneliti sistem tempahan blok agensi dan bukannya

semata-mata meletakkan kesalahan ke atas penumpang-penumpang semata-mata.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Bayaran denda (penalti) yang dikenakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), kerana kegagalan membuat perjalanan atau membuat perubahan masa perjalanan, dalam masa 72 jam akan dikaji semula setelah enam bulan ianya dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, penalti ini, dikenakan bagi mengurangkan pembatalan-pembatalan penerbangan pada masa-masa akhir dan mengatasi masalah terdapatnya tempat-tempat kosong apabila pesawat berlepas. Dengan demikian, penumpang-penumpang juga dikenakan penalti jika mereka ingin bertolak lebih awal walaupun terdapat tempat duduk kosong. Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa meneliti sistem tempahan, samada ianya tempahan blok agensi atau tempahan individu. Mana-mana pihak yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, akan dikenakan bayaran penalti.

#### PROJEK PEMBAGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**49. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Apakah di antara projek-projek pembangunan infrastruktur, rekreasi, pengangkutan, kemudahan asas dan sebagainya yang telah dirancang bagi Wilayah Persekutuan pada amnya, dan kawasan Kepong-Jinjang pada khususnya, di bawah Rancangan Malaysia Keenam setakat ini. Berapakah pula anggaran kos setiap satu projek ini. Projek-projek manakah yang berupa sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelima. Projek-projek yang manakah yang dicadangkan siap terlaksana dalam tempoh dua tiga tahun ini;

(b) Apakah bilangan projek pembangunan serupa yang telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima di Wilayah Persekutuan. Daripada bilangan ini, apakah peratusan pencapaian di segi menyelesaikan projek. Apakah pula bilangan projek yang terpaksa ditangguhkan tetapi dicadang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Bagaimanakah pencapaian masing-masing di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Ketig dan Kedua.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Kerajaan melalui DBKL telah memperuntukkan lebih \$200 juta untuk projek-projek pembangunan di sekitar Wilayah Persekutuan yang meliputi projek-projek perumahan awam, infrastruktur, pengindahan dan rekreasi dan projek pasar/penjaja. Peruntukan ini adalah meliputi peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat dalam perancangan lima tahun di mana dalam Rancangan Malaysia Kelima, jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah kira-kira \$80 juta.

Setakat ini hampir 70% daripada peruntukan Kerajaan telah dibelanjakan dan bakinya 30% di dalam proses untuk dibelanjakan serta dibawa ke Rancangan Malaysia Keenam. Kegagalan untuk membelanjakan peruntukan tersebut sepenuhnya adalah disebabkan oleh masalah teknikal sepertimasalah tanah dan setinggan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, tumpuan diberi kepada projek pembangunan infrastruktur dan perumahan awam. Jumlah peruntukan yang dipohon ialah sebanyak \$3,900 juta (merupakan jumlah kos projek setiap

sektor di dalam Rancangan Malaysia Keenam) di mana 64% adalah untuk projek infrastruktur dan 18% untuk projek perumahan awam. Cadangan peruntukan tersebut masih di dalam kajian Kerajaan Pusat.

### **KOMPLEKS KEWANGAN MALAYSIA BERHAD— PENYUSUNAN SEMULA**

**50. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kompleks Kewangan dapat dipulihkan apabila ia tidak lagi dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan berapa lamakah usaha pemulihan itu dijangka berlaku bagi membolehkan ia berfungsi seperti sedia kala;
- (b) sekiranya menggantikan pentadbiran kompleks itu sebagai usaha memulihkannya, maka mengapa langkah itu lambat dilakukan;
- (c) sejauh mana campur aduk antara politik dan perniagaan dapat dikira sebagai punca kepincangan kompleks itu.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Penyusunan semula KKMB telahpun siap dan adalah dijangkakan usaha ke arah itu akan berhasil dalam masa dua tahun. KKMB dijangka mencatat keuntungan pada tahun berakhir 31 Disember 1990;
- (b) penyusunan semula atau membaikpulih KKMB melibatkan beberapa aspek dan pertukaran pengurusan adalah salah satu di antara beberapa tindakan yang telah diambil oleh Lembaga Pengarah untuk memperkukuhkan kedudukan

KKMB. Pertukaran pengurusan merupakan satu keputusan yang kritikal di mana biasanya diambil oleh Lembaga Pengarah setelah mendapati pilihan yang lain adalah lebih merugikan seperti menutup syarikat atau syarikat diuruskan oleh penanggung;

- (c) sungguhpun KKMB adalah sebuah syarikat kepunyaan Kerajaan, urusan syarikat tersebut dikendalikan oleh satu pasukan pengurus profesyenal. Oleh itu tidaklah timbul isu mengenai kerugian KKMB disebabkan oleh campur tangan politik. Namun demikian, faktor-faktor luar seperti keadaan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1985-87 telah menyebabkan prestasi KKMB terjejas dan bukanlah faktor-faktor politik.

#### **MAS—PERKHIDMATAN KE SARAWAK DAN SABAH**

**51. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah telah dan akan diambil oleh pihak MAS untuk memperbaiki perkhidmatannya ke negeri Sarawak dan Sabah; dan
- (b) adakah pihak MAS menimbang cadangan daripada rakyat Sarawak dan Sabah untuk tambang di antara kedua-dua negeri ini dengan Semenanjung Malaysia, serta tambang untuk penerbangan di dalam kedua-dua negeri sendiri dikurangkan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), telah dan akan terus

mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan ke negeri Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan perkhidmatan penerbangan dalam negeri, beberapa langkah tertentu telahpun diambil, seperti meningkatkan jumlah penerbangan dan penambahan kapasiti, khususnya semasa musim-musim perayaan dan cuti sekolah.

Di samping itu, MAS juga mengadakan, penerbangan-penerbangan ke beberapa destinasi antarabangsa dari kedua-dua negeri tersebut samada terus atau melalui "connections".

- (b) MAS sedang menyiapkan kajian semula struktur tambang ke destinasi-destinasi dalam negeri, termasuk di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak serta untuk penerbangan di Sabah/Sarawak.

#### **WARGANEGARA BERHIJRAH KE NEGARA ASING**

**52. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang berhijrah dan seterusnya menetap di luar negeri pada tahun 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990 (Jan-Mei). Di kalangan mereka ini, berapakah yang terdiri daripada ahli-ahli ikhtisas (professional). Sila nyatakan keburukannya.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai rakyat negara ini yang berhijrah ke negara-negara asing. Sesiapa sahaja bebas berbuat demikian dan Kerajaan tidak pernah menyekat rakyat negara ini yang ingin berhijrah ke negara asing.

### KADAR TARIF ELEKTRIK— PENGURANGAN

53. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah beliau akan mengambil inisiatif untuk mengurangkan kadar bayaran elektrik bagi pengguna perniagaan dan pengguna di rumah di Sabah sebagaimana yang telah dijanjikan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya telahpun memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 5 Mac 1990 bahawa Kerajaan kini sedang menjalankan kajian bagi mengurangkan kadar tarif elektrik untuk sektor-sektor yang diberi keutamaan seperti sektor luar bandar dan sektor industri. Kajian ini sedang dijalankan oleh sebuah firma perunding dan dijadualkan siap pada akhir tahun ini. Justeru itu, maklumat mengenai jenis pengguna dan jumlah penurunan kadar tarif hanya akan diputuskan apabila siapnya kajian ini kelak.

### PERGOLAKAN POLITIK DI EROPAH TIMUR

54. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah dasar luar negara berubah terhadap negara-negara blok timur memandangkan pergolakan politik yang berlaku di sana baru-baru ini;
- (b) memandangkan pergolakan politik dan rusuhan di beberapa buah negara di seluruh dunia, mahu tak mahu negara kita juga terpengaruh. Apakah langkah-langkah/tindakan Kerajaan untuk memastikan bahawa aspirasi rakyat tempatan dipenuhi dan menyekat kejadian-kejadian sedemikian daripada berlaku di negara.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:**

- (a) Pada hakikatnya tiada sebab dasar luar kita harus diubah. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan sekarang termasuklah membuat kajian teliti mengenai beberapa cadangan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur. Perwakilan-perwakilan Malaysia di Eropah Timur mungkin diperkukuhkan lagi, perwakilan-perwakilan baru dibukanya perlu. Perjanjian-perjanjian di antara Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur akan disemak semula untuk menggalakkan perkembangan perdagangan dan kerjasama ekonomi.
- (b) Berhubung dengan soalan bahagian kedua, adalah jelas bahawa Ahli Yang Berhormat tidak ataupun berpura-pura tidak memahami asal usul pergolakan yang berlaku di Eropah Timur. Sekiranya keadaan di Malaysia sama dengan apa yang terdapat di Eropah Timur sebelum pergolakan itu seperti disindir oleh beliau, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak dapat duduk di Dewan ini. Beberapa rombongan dari blok Timur telah melawat Malaysia, termasuk baru-baru ini Presiden Yugoslavia sendiri, dan mereka telah menyatakan kekaguman mereka akan pembangunan yang telah kita capai dalam suasana politik yang demokratik dan tenteram. Saya harap Ahli Yang Berhormat jangan memaksa diri sangat mencari-cari untuk memperkecilkan pencapaian negara kita. Apa yang kita nikmati di negara ini adalah yang dituntuti oleh rakyat Eropah Timur sekarang.

## KUOTA MURID KE SEKOLAH MENENGAH

**55. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) samada benar bahawa kesemua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang dahulunya bertaraf Sekolah Menengah Cina hanya mengambil murid-murid yang datang dari SRJK(C) ataupun ada menetapkan kuota di mana sekolah-sekolah menengah ini hanya menerima selebih-lebihnya 10% dari muridnya yang datang dari SRJK(T) atau SRK. Jika tidak, mengapa;
- (b) apakah dasar sebenar Kementerian Pendidikan berhubung dengan guru-guru kokurikulum dalam SRJK(C). Adakah benar bahawa guru-guru ini harus faham bertutur dalam bahasa Mandarin atau bahasa Tamil sungguhpun mereka tidak dikehendaki mempunyai kelayakan dalam bahasa itu. Apakah berlaku percanggahan di antara Menteri dan Timbalan Menteri (Yang Berhormat dari Senai) atas soal ini kerana Menteri sendiri berkata tidak benar bahawa guru-guru ini perlu faham bertutur dalam bahasa berkenaan sedangkan Timbalannya (Yang Berhormat dari Senai) berkata ini benar semasa beliau melawat negeri Kedah dengan lain-lain Menteri MCA baru-baru ini. Antara kedua ini, siapakah yang menyuarakan pendirian Kerajaan atas soal ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan tidak menetapkan kuota murid mengikut SK, SRK atau SRJK bagi kemasukan pelajar ke sekolah-

sekolah menengah, termasuk sekolah-sekolah menengah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada kebiasaannya murid-murid dari SK, SRK dan SRJK ditempatkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri ke sekolah-sekolah menengah yang berdekatan atau mengikut pilihan ibubapa. Kemasukan murid-murid ke sekolah-sekolah menengah bergantung semata-mata kepada kekosongan bilik darjah yang terdapat di sekolah berkenaan.

- (b) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri menyatakan guru-guru yang akan dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan Penolong Kanan Kokurikulum di SRJK boleh juga dilantik daripada guru-guru yang sesuai walaupun mereka itu tidak mempunyai kelulusan formal dalam Bahasa Mandarin atau Bahasa Tamil tetapi hendaklah disahkan oleh Kementerian Pendidikan bahawa mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

## RUKUNEGARA— KEBERKESANAN

**56. Tuan Hashim bin Safin** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah keberkesanan amalan prinsip Rukun Negara menampakkan pencapaian matlamat Perpaduan Negara. Apakah bentuk-bentuk halangan yang melambatkan proses perpaduan negara. Tidakkah boleh Kerajaan bertindak tegas kepada kumpulan dan anasir-anasir yang bertindak bertentangan dengan prinsip Rukun Negara dan sekaligus menentang usaha menyatupadukan rakyat berbilang bangsa dari negara Malaysia.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Rukun Negara memang menjadi asas kepada matlamat perpaduan negara dan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus menyemaikan nilai-nilai yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara kepada setiap rakyat Malaysia.

Ada berbagai bentuk halangan yang boleh melambatkan proses mencapai perpaduan negara. Antaranya ialah ketidaksefahaman antara kaum, termasuklah mengenai pantang larang dan adat resam masing-masing, dan ketidakseimbangan kedudukan ekonomi.

Satu aspek yang negatif yang masih wujud di kalangan masyarakat kita ialah sikap suka ungkit-mengungkit serta membangkitkan isu-isu yang menyentuh sensitiviti kekauman dan keagamaan.

Kerajaan sentiasa mengawasi tindak-tanduk yang bermaksud untuk merentang usaha Kerajaan dalam menyatu-padukan rakyat. Jika perlu, undang-undang negara boleh digunakan untuk menyekat tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan rakyat.

#### PENGELUARAN ASID TOKSID DARI KILANG

**57. Tuan P. Patto** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar pembinaan sebuah kilang di North Port Klang Estate, Selangor yang mengeluarkan asid toksid 2,4-dichlorophenoxyacetic (2,4-D) yang mengandungi bahan-bahan kimia yang telah terbukti bersangkutan dengan kecacatan kelahiran dan kematian bayi di kalangan keluarga-keluarga bekas perajurit Perang Vietnam oleh kerana kimia ini digunakan secara luas di Vietnam semasa Perang Vietnam, jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau

untuk menahan kilang ini dari mengeluarkan kimia merbahaya ini supaya tidak terdapat nanti di kalangan rakyat Malaysia kecacatan kelahiran dan kematian bayi.

**Tuan Lau Hieng Ding:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar tentang perkara yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat. Saya dimaklumkan, Jabatan Alam Sekitar ada menerima permohonan dari sebuah syarikat bagi mendirikan kilang mengeluarkan bahan kimia 2,4-Dichlorophenoxyacetate. Permohonan tersebut sedang diproses. Mengikut maklumat yang terkandung di dalam permohonan berkenaan, kilang ini akan memproses bahan keluaran 2,4-Dichlorophenoxyacetate, sejenis bahan kimia yang lazim digunakan di negara ini sebagai racun rumpai/pokok-pokok. Sebenarnya bahan kimia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah campuran kimia 2,4,5-Trichlorophenoxyacetic acid dengan 2,4-Dichlorophenoxyacetate atau lebih dikenali sebagai Agent Orange. Mengikut fakta saintifik, kimia 2,4,5-Trichlorophenoxyacetic acid adalah sejenis bahan kimia yang amat toksid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran, penjualan, penstoran dan penggunaan bahan-bahan kimia racun rumpai adalah tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan Akta Racun Makhhluk Perosak 1974. Di dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar akan berhubung rapat dengan pihak Lembaga Pelesenan Racun Makhhluk Perosak bagi menyelaraskan permohonan pembinaan kilang tersebut.

#### AIDS—JUMLAH PEMBAWA

**58. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pembawa-pembawa AIDS yang dikesan di negara kita setakat ini.

**Tuan Chua Jui Meng:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang telah diberikan pada 18.6.1990 kepada soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

### NUPW-MAPA—PERJANJIAN BERSAMA

**59. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan nama badan-badan Kerajaan dan parti-parti politik yang memiliki ladang-ladang di negara kita. Mengapakah sehingga hari ini, Kerajaan masih tidak mahu campurtangan dalam persengketaan NUPW- MAPA. Adakah ini disebabkan Kerajaan sendiri memiliki beberapa buah ladang. Adakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang supaya gaji bulanan dan segala kemudahan-kemudahan asas mesti disediakan dan diberikan oleh pihak majikan kepada pekerja-pekerja ladang.

**Datuk Lim Ah Lek:** Soalan mengenai pemilikan ladang-ladang adalah terkeluar daripada bidang tugas Kementerian Sumber Manusia.

Mengenai pertikaian antara NUPW/ MAPA pula, perjanjian bersama baru telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 6 April 1990 hasil daripada rundingan damai yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia. Seterusnya, perjanjian tersebut telahpun termaktub dalam satu Keputusan Samasetuju yang diumumkan oleh Mahkamah Perusahaan pada 14 April 1990.

Kerajaan tidak mahu campurtangan atau menggubal undang-undang untuk menetapkan kadar gaji bagi pekerja-pekerja ladang, kerana dirasai lebih baik bagi kesatuan sekerja bagi mewakili

pihak pekerja dan pihak majikan menetapkannya melalui perjanjian bersama, atau merujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk keputusan sekiranya rundingan antara kedua-dua pihak telah menemui kebuntuan. Kerajaan bersedia membantu kedua-dua pihak dalam mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi dalam rundingan mereka, dengan usaha runding damainya, seperti yang telah dibuat dalam pertikaian mereka baru-baru ini.

Mengenai pembekalan kemudahan-kemudahan asas oleh pihak majikan kepada pekerja-pekerja ladang, Kerajaan telah menggubal satu akta baru yang telahpun dibentangkan dalam Parlimen pada sesi ini, untuk memastikan kemudahan asas dan perumahan di ladang-ladang diperbaiki. Tindakan tegas juga akan diambil terhadap majikan-majikan yang mengabaikan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada pekerja-pekerja mereka seperti terkandung dalam undang-undang.

### PROGRAM PETANI SISWAZAH

**60. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** meminta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan kempen Kerajaan di dalam menggalakkan para siswazah menganggur untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian; dan
- (b) setakat ini pertanian jenis apakah yang mendapat sambutan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Program Petani Siswazah diwujudkan dengan tujuan untuk menukar corak pertanian traditional kepada pertanian moden yang berorientasikan komersial menerusi penyerapan

siswazah-siswazah yang terlatih dan mempunyai minat dalam bidang pertanian.

Sehingga bulan Mei 1990 seramai 1040 orang siswazah daripada pelbagai disiplin pengajian telah mendaftar dengan Kementerian Pertanian untuk menyertai program ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 308 orang siswazah telah melibatkan diri dalam 171 buah projek dengan pecahan seperti berikut:

<i>Status Projek</i>	<i>Bil. Siswazah</i>	<i>Bil. Projek</i>
Perancangan	74	31
Pelaksanaan	234	140
Jumlah:	<u>308</u>	<u>171</u>

Di bawah khidmat pinjaman, sehingga bulan April, 1990 Bank Pertanian Malaysia telah meluluskan pinjaman berjumlah \$2,207,212/-

- (b) Jenis-jenis projek pertanian yang mendapat sambutan dan diusahakan oleh siswazah, di antaranya termasuklah:
- (i) Tanaman buah-buahan seperti belimbing besi, durian belanda, jambu batu, jambu air siam, betik dan pisang.
  - (ii) Tanaman tebu, tembakau, tembikai, sayur-sayuran, jagung dan padi.
  - (iii) Tapak semaian bunga-bunga dan buah-buahan.
  - (iv) Ternakan lembu, kambing/biri-biri, ayam, puyuh dan arnab.

- (v) Ternakan ikan air tawar/payau dalam kolam sangkar serta ternakan udang harimau dan udang.

## BEKALAN ELEKTRIK KE ESTET

61. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Berapakah estet-estet yang telah memohon kepada pihak LLN untuk mendapat bekalan elektrik hingga bulan April 1990. Apakah rancangan yang telah ditetapkan oleh Kementeriannya untuk membekal kemudahan api kepada beberapa estet-estet tersebut. Berapakah bilangan estet-estet akan diberi kemudahan api oleh LLN pada tahun 1990, 1991 dan 1992 dan berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan di atas tujuan ini pada setiap tahun ini dan siapakah akan bertanggungjawab di atas belanjawan ini; dan
- (b) Bilakah kemudahan api akan diberi oleh LLN kepada Ladang Sungai Gapi dan Ladang KL-Kepong, Bahagian Kerling (Batu 4) di kawasan Ulu Selangor yang telah berjuang untuk mendapatkan bekalan ini sejak beberapa tahun dahulu.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan elektrik kepada ladang-ladang diberi oleh LLN atas permohonan tuannya atau pengurusan ladang dan kesediaan pemohon untuk membiayai sendiri cag sambungan iaitu 50% daripada kos penuh

projek bekalan elektrik. Baki 50% akan ditanggung oleh LLN sendiri.

(b) Sehingga bulan April 1990 kedudukan bekalan elektrik ke ladang-ladang adalah seperti berikut:

(i) Ladang-ladang yang mendapat bekalan daripada LLN	- 223
(ii) Ladang-ladang yang mendapat bekalan dari pembekal swasta atau dari jana-kuasa ladang itu sendiri	- 168
(iii) Ladang-ladang yang tiada bekalan elektrik	- 264
	—
	655
	—

Setakat bulan April 1990, LLN telah menerima sebanyak 76 permohonan daripada ladang-ladang untuk mendapat bekalan elektrik. Jangkaan penyambungan bekalan elektrik kepada ladang-ladang ini adalah seperti berikut:

1990	- 43 buah ladang
1991	- 27 buah ladang
1992	- 6 buah ladang
	—
	76
	—

Anggaran keseluruhan kos untuk melaksanakan projek-projek tersebut ialah sejumlah \$13.3 juta dan pemohon-pemohon perlulah menjelaskan 50% cag sambungan sebelum projek dapat dilaksanakan.

(b) Berikut adalah status permohonan bekalan elektrik ke ladang-ladang terlibat:

(I) *Ladang Sg. Sapi*

Pihak pengurusan ladang telah diberitahu cag sambungan yang dianggarkan \$69,000.00 pada awal tahun ini. Setakat ini masih belum ada jawapan samada mereka sedia membayar cag sambungan sebelum projek dapat dilaksanakan.

(II) *Ladang KL—Kepong*

LLN Rawang masih belum menerima permohonan daripada pihak Ladang KL—Kepong.

(III) *Bahagian Kerling (Batu 4)*

Permohonan Ladang Sg. Jernih (Bahagian Kerling Batu 4) di kawasan Selangor baru diterima pada 5hb Jun 1990 dan sedang dalam proses untuk diberi bekalan elektrik.

#### HARGA KELAPA SAWIT/GETAH/ KOKO/BIJIH TIMAH

62. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebab jatuh dan rendahnya harga kelapa sawit, getah, koko dan bijih timah dan apakah langkah diambil untuk mencegah kejatuhan seterusnya. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu mereka yang telah terjejas.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Harga komoditi sentiasa berubah-ubah disebabkan oleh kedudukan dan bekalan di pasaran antarabangsa.

Bagi minyak kelapa sawit pasarannya juga dipengaruhi juga oleh permintaan dan bekalan 16 jenis minyak sayuran dan lemak yang bersaing dengan minyak kelapa sawit. Oleh yang demikian untuk menentukan minyak kelapa sawit dapat meningkatkan syernya dalam pasaran minyak sayuran dan lemak antarabangsa ia harus sentiasa kompetitif dari segi harga dan mutunya.

Bagi getah kurangnya aktiviti-aktiviti belian dalam pasaran terbuka khususnya dari China, Russia, Korea Selatan dan Taiwan telah mengakibatkan stok lateks pekat meningkat. Baru-baru ini Pengurus Stok Penimbal Pertubuhan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa telah membeli getah dari pasaran dengan tujuan menstabilkan harga.

Harga timah telah meningkat sedikit dibandingkan dengan harga \$15.39/kg. dalam tahun 1986 lepas operasi stok penimbal Majlis Timah Antarabangsa terhenti dan aktiviti dagangan logam timah di pasaran tersebut digantung pada 24.10.1985. Harga purata pada tahun 1989 meningkat kepada \$23.05/kg. Tetapi harga telah merosot semula baru-baru ini oleh kerana peningkatan bekalan khususnya dari Brazil dan China. Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Timah yang turut dianggotai oleh Malaysia telah dan sedang mendapatkan kerjasama dari dua negara ini supaya menghadkan eksport mereka ke paras sederhana memandangkan bahawa Pertubuhan ini sedang melaksanakan Supply Rationalisation Scheme yang telah berkuatkuasa mulai 1 Mac hingga 31 Disember 1990 dengan tujuan mengurangkan eksport timah sebanyak 5%.

Koko mengalami kejatuhan harga oleh kerana kelebihan pengeluaran berturut-turut untuk beberapa tahun yang lepas telah mewujudkan lebih stok di pasaran antarabangsa yang dianggarkan sebanyak 1.3 juta tonne pada bulan Mac 1990. Paras stok adalah tinggi apabila dibandingkan dengan penggunaan sebanyak 2.2 juta tonne setahun. Walau bagaimanapun sejak kebelakangan ini harga koko telah naik dari paras 720 (\$3123) setonne pada bulan Disember 1989 kepada 948 (\$4257) setonne harga spot Ghana kerana kebimbangan terhadap pengeluaran dari beberapa negara pengeluar koko utama seperti Cote d'Ivoire dan Brazil.

Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan harga barangan utama dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan harga barangan utama berada di paras yang munasabah. Saya telahpun menghuraikan kepada Dewan yang mulia ini langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan dalam perkara ini pada 18.6.90 semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Wakil Rakyat dari Simunjan.

#### **LPN—DISKRIMINASI TERHADAP PEMBORONG BUKAN BUMIPUTERA**

**63. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) siapa yang bertanggungjawab ke atas pengharaman penjualan padi/beras oleh Lembaga Padi Negara (LPN) kepada pengusaha bukan Melayu dan nyatakan tindakan yang diambil; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa pengusaha bukan Melayu masih didiskriminasikan oleh LPN dari

segi subsidi masa membeli beras dan mengharamkan petani-petani menjual padi kepada pengusaha bukan Melayu.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

(a) LPN tidak pernah mengharamkan penjualan padi/beras kepada pengusaha bukan Melayu. Dalam keadaan tertentu di mana bekalan beras dalam simpanan LPN sendiri berkurangan, LPN akan mengurangkan jualannya. LPN

akan memberi keutamaan kepada pemborong bumiputra yang bergantung 100% bekalan beras mereka daripada LPN. Sebaliknya, pemborong bukan bumiputra, di samping mendapatkan bekalan daripada LPN, memperolehi sebahagian besar bekalan mereka daripada pengilang-pengilang bukan bumiputra. Perangkaan mengenai jualan beras oleh LPN bagi tahun 1986-1990 (sehingga Mac) adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pemborong Bumiputra</i>	<i>Pemborong Bukan B/putra</i>	<i>Agensi Kerajaan</i>	<i>Jumlah</i>
1986	212,655.80	328,437.50	18,732.32	559,825.62
1987	262,893.07	345,228.75	18,334.24	626,456.06
1988	273,758.60	344,086.18	13,053.25	630,898.03
1989	281,687.51	297,741.83	15,454.70	594,884.04
1990				
Januari	21,879.81	28,590.99	2,812.76	53,283.56
Februari	25,092.02	25,260.82	1,081.91	51,434.75
Mac	29,191.95	24,014.16	1,711.53	54,917.86

Dari perangkaan itu, adalah jelas bahawa pemborong bukan bumiputra telah mendapat layanan yang baik dari LPN, kecuali pada bulan Januari dan Mac 1990 di mana pemborong bumiputra mendapat beras lebih sedikit dari pemborong bukan bumiputra. Ini adalah kerana pemborong bumiputra dikehendaki membekalkan beras kepada Kerajaan dan agensi-agensinya.

menjual padi mereka samada kepada LPN, pengilang bumiputra atau pengilang bukan bumiputra. LPN tidak pernah mengharamkan petani-petani menjual padi kepada pengusaha bukan Melayu dan tidak pernah mengamalkan diskriminasi dari segi pembayaran subsidi.

(b) Dalam urusan pemasaran padi, petani-petani adalah bebas untuk

Sehingga kini, pengusaha bukan Melayu masih bergiat dan menguasai industri padi dan beras khususnya dari segi pembelian dan pemerosesan. Belian padi oleh LPN dan kilang

swasta bukan Melayu bagi tahun 1986-1990 (Mac) adalah seperti berikut:

Tahun	LPN	Peratus	Swasta <sup>1/</sup>	Peratus	Jumlah
1986	630,876.92	48.8	661,414.40	51.2	1,292,291.32
1987	703,138.85	53.7	607,454.79	46.3	1,310,593.64
1988	604,224.74	46.4	698,842.70	53.6	1,303,067.48
1989	454,519.44	32.0	867,964.41	68.0	1,422,483.85
1990					
Januari	134,969.97	44.6	167,452.31	55.4	302,422.28
Februari	133,326.00	46.7	152,274.16	53.3	285,600.16
Mac	30,350.24	33.7	59,580.97	66.3	89,931.21
	<u>298,646.21</u>		<u>379,307.44</u>		

<sup>1/</sup> Belian terus dari pesawah (tidak termasuk belian dari LPN).

Oleh itu, LPN adalah bersikap adil dan saksama dalam urusan jual/beli padi dan beras.

## PENYAKIT TAUN DAN KEPIALU

**64. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

Bagi setiap negeri yang terlibat dan secara berasingan bagi penyakit-penyakit taun dan kepalu:

- (a) jumlah besar kes mengikut lingkungan umur, jantina, kaum, samada dari kawasan bandar atau luar bandar, menjelang bulan Mei, 1990;
- (b) bilangan kematian mengikut lingkungan umur, jantina, kaum menjelang bulan Mei 1990;
- (c) tarikh kes pertama dikesan;
- (d) tempoh masa penyakit berkenaan menular sesuatu negeri;
- (e) sebab-sebab penyakit berkenaan menular sesuatu negeri;
- (f) bilangan pemeriksaan yang dibuat untuk mengesan kes-kes ataupun punca-punca penyakit di setiap kawasan sasaran pemeriksaan;
- (g) nyatakan kawasan-kawasan yang menjadi sasaran pemeriksaan;
- (h) bilangan pembawa penyakit mengikut lingkungan umur, kaum, jantina, jenis pekerjaan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong, penyakit taun dan kepalu adalah endemik (sentiasa berlaku) di negara kita. Baru-baru ini wabak penyakit taun berlaku hanya di 2 buah negeri sahaja, iaitu di Kelantan dan di Sabah. Di kedua-dua negeri tersebut wabak berlaku di beberapa kawasan tertentu sahaja dan bukan meliputi seluruh negeri atau negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, wabak demam kepalu di negeri Johor berlaku di Mukim Plentong sahaja. Ianya terhad dan terkawal di kawasan asal yang terlibat iaitu di FELDA Chahaya Baru, Masai, Pasir Gudang dan Pandan. Wabak kepalu di Kedah pula terhad kepada beberapa buah kampung di sekitar pekan Kuala Nerang. Di negeri Selangor, wabak kepalu yang terjadi di Pekan Subang di daerah Petaling adalah lebih kecil daripada yang terjadi di Johor dan Kedah. Ketiga-tiga wabak penyakit kepalu tersebut adalah berasingan dan tidak ada kaitan di antara satu dengan lain.

Bagi menjawab pertanyaan khusus Yang Berhormat dari Kepong, berikut adalah data-data secara berasingan bagi penyakit taun dan kepalu bagi tiap-tiap negeri.

- (a) Jumlah besar kes mengikut lingkungan umur, jantina, kaum, samada dari kawasan luar bandar atau bandar menjelang Mei 1990 adalah seperti sifir 1 bagi penyakit taun, sifir 2 dan sifir 3 bagi penyakit kepialu:

Sifir 1: KES KOLERA DI MALAYSIA 1990  
(Sehingga 31.5.1990)

Analisa/Negeri	Malaysia	Sabah	Kelantan	Pahang	Kedah	Terengganu	W.P KL	Selangor	Pulau Pinang	Perak
i) KUMPULAN UMUR										
Bawah 1 tahun	138	129	6	-	2			1		
1 - 4 tahun	346	325	14	3	4					
5 - 9 tahun	236	218	15	3	-					
10 - 19 tahun	249	167	57	21	3				1	
23 - 59 tahun	664	433	181	19	15	6			7	3
60 tahun keatas	71	38	27	-	4		1	1		
JUMLAH	1,704*	1,310*	300	46	28	6	1	2	8	3
ii) JANTINA										
Lelaki	895	729	123	17	18	4		1		3
Perempuan	809	581	177	29	10	2	1	1	8	
JUMLAH	1,704*	1,310*	300	46	28	6	1	2	8	3
iii) BANGSA										
- Melayu	378		290	44	27	6		1	7	3
- Cina	13		8	2	1		1		1	
- India	1							1		
- Lain-lain	2		2							
- Penduduk Tempatan Sabah	478	478								
- Penduduk Asing di Sabah	832	832								
JUMLAH	1,704*	1,310*	300	46	28	6	1	2	8	3
iv) KAWASAN										
Bandar	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.
Luar Bandar	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.
JUMLAH	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.

N.A. = Tidak ada maklumat

\*Termasuk 832 kes di kalangan pendatang asing yang dilaporkan di negeri Sabah.

Sifir 2: KES KEPIALU DI KAWASAN-KAWASAN WABAK DI MALAYSIA,  
1990 (SEHINGGA 31.5.90)

<i>Analisa Negeri</i>	<i>Johor</i>	<i>Selangor</i>	<i>Kedah</i>
(i) KUMPULAN UMUR			
1 tahun ke bawah	38	—	5
1 — 4 tahun	—	1	—
5 — 9 tahun	76	17	16
10 — 19 tahun	142	—	35
20 — 59 tahun	282	16	28
60 tahun ke atas	8	—	2
JUMLAH	<u>546</u>	<u>34</u>	<u>86</u>
(ii) JANTINA			
Lelaki	309	19	53
Perempuan	237	15	33
JUMLAH	<u>546</u>	<u>34</u>	<u>86</u>
(iii) BANGSA			
Melayu	498	10	86
Cina	15	17	—
India	26	7	—
Lain-lain	—	—	—
JUMLAH	<u>546</u>	<u>34</u>	<u>86</u>
(iv) KAWASAN			
Bandar	N.A	N.A	N.A
Luar bandar	N.A	N.A	N.A
JUMLAH	<u>N.A</u>	<u>N.A</u>	<u>N.A</u>

N.A = Tidak ada maklumat.

Sifir 3: KES KEPIALU YANG ENDEMIK DI NEGERI-NEGERI LAIN  
Yang dilaporkan sejak awal tahun ini

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Kes</i>
1.	Kelantan	41
2.	Perak	30
3.	Pahang	14
4.	Terengganu	18
5.	Perlis	10
6.	Pulau Pinang	7
7.	Wilayah Persekutuan	5
8.	Negeri Sembilan	5
9.	Melaka	3
10.	Sabah	16
11.	Sarawak	102
	JUMLAH	<u>251</u>

(b) Jumlah kematian bagi taun di Sabah sebanyak 33 orang dan seorang di Kelantan. Analisa mengikut umur, jantina dan bangsa adalah seperti Sifir 4 bagi penyakit taun dan sifir 5 bagi penyakit kepialu.

## Sifir 4: KEMATIAN DISEBABKAN OLEH TAUN

<i>Analisa/Negeri</i>	<i>Sabah</i>	<i>Kelantan</i>
(i) Umur		
Kurang 1 tahun	—	—
1 – 4 tahun	12	—
5 – 9 tahun	10	—
10 – 19 tahun	2	—
20 – 59 tahun	3	—
60 tahun ke atas	2	1
Jumlah	<u>29</u>	<u>1</u>
(ii) Jantina		
Lelaki	23	—
Perempuan	6	1
Jumlah	<u>29</u>	<u>1</u>
(iii) Bangsa		
Melayu	—	1
Cina	—	—
India	—	—
Lain-lain	—	—
– Penduduk Tempatan	—	—
Sabah	6	—
– Penduduk asing	—	—
Sabah	23	—
Jumlah	<u>29</u>	<u>1</u>

Empat kematian yang dilaporkan lagi di Sabah adalah orang yang disyaki sebagai kes kolera.

## Sifir 5: KEMATIAN DISEBABKAN OLEH KEPIALU

<i>ANALISA/NEGERI</i>	<i>JOHOR</i>	<i>KEDAH</i>
(i) Umur		
Kurang 1 tahun	—	—
5 – 9 tahun	—	—
10 – 19 tahun	2	1
20 – 59 tahun	2	1
60 tahun ke atas	—	—
JUMLAH	<u>4</u>	<u>2</u>
(ii) JANTINA		
Lelaki	1	2
Perempuan	3	—
JUMLAH	<u>4</u>	<u>2</u>
(iii) BANGSA		
Melayu	4	2
Cina	—	—
India	—	—
Lain-lain	—	—
JUMLAH	<u>4</u>	<u>2</u>

(c) Untuk makluman Yang Berhormat, kes taun yang pertama dikesan tahun ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kes Pertama dikesan</i>
1. Sabah	1/1/90
2. Kelantan	15/1/90
3. Terengganu	1/5/90
4. Pahang	5/2/90
5. Kedah	1/3/90
6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	23/2/90
7. Selangor	18/4/90
8. Pulau Pinang	1/3/90
9. Perak	30/4/90
10. Perlis	Tiada kes
11. Negeri Sembilan	Tiada kes
12. Melaka	Tiada kes
13. Johor	Tiada kes
14. Sarawak	Tiada kes

Penyakit demam kepialu adalah endemik (selalu berlaku) di seluruh Malaysia dan kes pertama yang dikesan mengikut Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kes pertama dikesan</i>
1. Perlis	3/1/90
2. Kedah	10/1/90
3. Pulau Pinang	3/1/90
4. Perak	3/1/90
5. Selangor	17/1/90
6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3/1/90
7. Negeri Sembilan	17/1/90
8. Melaka	14/3/90
9. Johor	17/1/90
10. Pahang	3/1/90
11. Terengganu	3/1/90
12. Kelantan	3/1/90
13. Sabah	3/1/90
14. Sarawak	3/1/90

(d) dan (e) Kedua-dua penyakit taun dan kepialu adalah endemik di negara kita. Seperti mana yang telah saya nyatakan sebelum ini kejadian wabak yang telah dilaporkan baru-baru ini hanya berlaku di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Oleh yang demikian adalah tidak benar bahawa penyakit taun dan kepialu telah menular dari satu negeri ke negeri yang lain seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Kepong. Beberapa kes taun dan kepialu telah dilaporkan di negeri-negeri lain selain daripada negeri yang ditimpa wabak, tetapi kes-kes tersebut adalah kejadian biasa dan telah dikawal dengan tindakan serta merta oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak lain.

(f) Bilangan pemeriksaan yang dibuat untuk mengesan kes-kes ataupun punca-punca penyakit di setiap kawasan sasaran pemeriksaan adalah seperti berikut:

<i>Tindakan diambil</i>	<i>Jumlah di tiap negeri</i>				
	<i>Kelantan</i>	<i>Johor</i>	<i>Kedah</i>	<i>Selangor Sabah</i>	
1. Jumlah yang disiasat	953	816	143	42	1,199
2. Bilangan perigi yang dibubuh klorin	29,742	269	764	7	1,390
3. Bilangan pengendali makanan yang diperiksa	3,762	2,349	1,000	931	1,717
4. Bilangan kontek yang diperiksa	35,938	4,935	4,224	417	59,997
5. Bilangan contoh makanan yang diambil	1,344	51	14	177	612
6. Bilangan contoh air yang diperiksa	2,871	123	246	18	2,123
7. Bilangan rumah yang disemur ubat pencegah kuman	—	589	442	177	2,023
8. Bilangan tandas baru yang disemur ubat	1,396	589	345	172	2,023
9. Bilangan tandas baru yang dibina	2,140	32	170	—	207
10. Bilangan pelajaran kesihatan yang diberi	60,595	23,651	1,611	223	12,037
11. Bilangan perigi dibina	25	—	16	—	—

(g) Kawasan-kawasan yang menjadi sasaran pemeriksaan adalah kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kejadian samada kes taun atau kepialu.

(h) Berikut adalah bilangan pembawa mengikut lingkungan umur, kaum, jantina dan jenis pekerjaan.

Sifir 6: PEMBAWA SIHAT KEPIALU DI MALAYSIA 1990  
(SEHINGGA 31.5.1990)

<i>ANALISA/NEGERI</i>	<i>JOHOR</i>	<i>SELANGOR</i>	<i>KEDAH</i>
<b>(i) KUMPULAN UMUR</b>			
1 tahun ke bawah	—	—	—
1 – 4 tahun	1	—	—
5 – 9 tahun	—	—	2
10 – 19 tahun	1	1	—
20 – 59 tahun	5	1	2
60 tahun ke atas	—	1	—
JUMLAH	<u>7</u>	<u>3</u>	<u>4</u>
<b>(ii) BANGSA</b>			
Melayu	6	—	4
Cina	1	2	—
India	—	1	—
JUMLAH	<u>7</u>	<u>3</u>	<u>4</u>
<b>(iii) JANTINA</b>			
Lelaki	4	1	1
Perempuan	3	2	3
JUMLAH	<u>7</u>	<u>3</u>	<u>4</u>
<b>(iv) PEKERJAAN</b>			
Pelajar	—	1	2
Penoreh getah	1	—	2
Suri Rumah Tangga	1	1	—
Peniaga	—	1	—
Pemandu	1	—	—
Pengendali makanan	2	—	—
Bekerja sendiri	2	—	—
JUMLAH	<u>7</u>	<u>3</u>	<u>4</u>

Sifir 7: PEMBAWA SIHAT TAUN DI MALAYSIA 1990  
(SEHINGGA 31.5.1991)

<i>Analisa/Negeri</i>	<i>Malaysia</i>	<i>Sabah</i>	<i>Kelantan</i>	<i>Pahang</i>	<i>Kedah</i>	<i>Terengganu</i>	<i>W.P KL</i>	<i>Selangor</i>	<i>Pulau Pinang</i>	<i>Perak</i>
i) KUMPULAN UMUR										
1 tahun kebawah	28	21	4		1	1				1
1 - 4 tahun	561	512	40	4	1	1				3
5 - 9 tahun	395	353	35	2	4					1
10 - 19 tahun	418	301	46	59	9					3
23 - 59 tahun	521	385	97	10	10	6			13	
60 tahun keatas	32	22	10							
JUMLAH	1,955	1,594	232	75	25	8	0	0	13	8
ii) BANGSA										
Melayu	352		227	74	25	8			10	8
Cina	7		4	1					2	
India	1								1	
Lain-lain	1		1							
Penduduk Tempatan Di Sabah	625	625								
Penduduk Asing Di Sabah	969	969								
JUMLAH	1,955	1,594	232	75	25	8	0	0	13	8
iii) JANTINA										
Lelaki	953	802	104	22	13	6			4	2
Perempuan	1,002	792	128	58	12	2			9	6
JUMLAH	1,955	1,594	232	75	25	8	0	0	13	8
iv) PEKERJAAN										
Pelajar	131		62	60	6	1				2
Suri Rumah Tangga	42		31	4	2	2				3
Buruh 6 tahun kebawah	55		44	4	3	1				3
Pengendali Makanan	19		16	1	1				1	
Peneroka Felda	1			1						
Bekerja Sendiri	61		43	4	10	4				
Pekerja Kilang	22		9		1				12	
Pembalok	1				1					
Petani	11		10		1					
Tentera/Polis	1		1							
Kakitangan Kesihatan	2		2							
Peniaga	4		4							
Pekerja Pejabat	5		5							
Nelayan	1		1							
JUMLAH	361		232	75	25	8	0	0	13	8

3.31 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangun atas Peraturan Mesyuarat 15 mengenai susunan Urusan Mesyuarat.

Di sini saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa pagi tadi saya telah mengemukakan satu Usul untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua, dan Usul itu telahpun diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan saya telah menerima jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa Usul yang saya kemukakan itu akan dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat esok mengikut Peraturan Mesyuarat 15.

Di sini saya ingin membuat satu pertanyaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan harap saya dapat satu keputusan iaitu sekiranya menurut Peraturan Mesyuarat 15, ternyata dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini bahawa urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain. Ini bermakna bahawa Usul saya ini akan diletak di bawah urusan-urusan sidang Parlimen dan tidak dapat dipertimbangkan langsung.

Memandangkan bahawa Parlimen dijadualkan tamat hari esok, bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberi satu jaminan bahawa Usul saya akan didahulukan untuk dibahaskan memandangkan perkara GSP ini adalah satu perkara yang penting dan melibatkan integriti saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada permulaan persidangan saya ada memberitahu bahawa kita akan melanjutkan sidang kita sampai ke 9.30 malam ini. Kalau tidak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dan juga Usul Yang Berhormat akan dibawa esok mengikut Peraturan Mesyuarat 15, saya akan beri

priority mengikut Peraturan Mesyuarat 15 dengan syarat semua Urusan Kerajaan habis pada hari esok. Teruskan, Setiausaha.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan mengikut Peraturan 15. Priority ialah mendahului Urusan Kerajaan dan tidak boleh terletak atas syarat bahawa tidak ada perbahasan oleh kerana semua Rang Undang-undang mustahak dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sebagai Deputy Whip, bolehkah beliau memberi satu jaminan bahawa Usul ini akan dibahas sebelum Dewan ini ditangguh atau dia tidak berani, dia mahu lari?

Yang kedua, oleh kerana Usul ini sudah dimasukkan, bolehkah Tuan Yang di-Pertua membuat satu jaminan atau ambil tindakan untuk memastikan bahawa gambar-gambar tersebut tidak dimusnahkan macam gambar-gambar video tape-video tape lucu Vijandran? (*Tepuk*) Nanti ini pun dimusnahkan, semua habis. Kita hendak satu penjelasan oleh kerana kita jangan main-main dalam perkara ini khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia kata bahawa dia rela dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, tetapi adakah beliau boleh menjamin bagi pihak Kerajaan bahawa Usul ini tentu akan dibahas dan diputuskan dan bukan digugur atau ditinggalkan oleh kerana masa sudah habis. Berani, berani!

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat hendak lawankah?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya yang berani. Saya yang tunjuk gambar, mereka tidak hendak tengok hari itu. Dalam perkara ini (*Disampuk*) mahu

dengar atau mahu bising? Macam apa (*Disampuk*)—Saya tertakluk kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua di atas Peraturan Mesyuarat 15 yang kata Urusan Kerajaan hendaklah didahulukan. Tidak ada tempat untuk saya mengecualikan diri saya atau perkara mengenai diri saya dalam perkara ini. Saya takut mereka kena ikutlah Peraturan Mesyuarat. Kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang kena hentam pertama kali, tak usahlah kita tergopoh-gapah dalam perkara Peraturan Mesyuarat.

Mengenai gambar Vijandran itu pun saya tidak tengok (*Ketawa*). Kalau saya tengok, saya simpanlah. Tetapi gambar ini memang kita akan simpan untuk Committee of Privileges di mana Yang Berhormat mahu merujuk saya. Kalau dia mahu rujuk saya ke Committee of Privileges, saya rela untuk dirujuk kepada Committee of Privileges.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak mencari alasan sahaja untuk mengelakkan perkara ini untuk dipertimbangkan oleh sebab kalau mengikut Peraturan Mesyuarat 15, Urusan Kerajaan akan didahulukan dan ini bererti bahawa usul saya langsung tidak ada peluang untuk dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sanggup untuk menarik balik apa yang telah dituduh kepada saya, saya sanggup menarik balik usul saya ini. (*Disampuk*) Mesti minta maaf kepada saya dan saya sanggup tarik balik.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya bersedia untuk ke Committee of Privileges. Dia tidak usah tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bersedia, bersedia, tetapi tidak pergi, apa guna? Big bluff, another bluff.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya sanggup pergi.

**Tuan Lim Kit Siang:** All right, consent, ada persetujuan dua-dua, rujuk dan biar Dewan lulus. Tidak guna kata dia rela tetapi tahu tidak akan dirujuk kepada Committee of Privileges. Ini tipulah.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 15 adalah jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, cukup. Saya hendak buat ruling. (*Disampuk*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan tadi bahawa usul ini akan dibawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15. Saya tidak boleh meminda Peraturan Mesyuarat ini oleh kerana Peraturan Mesyuarat ini kita semua yang mempersetujui dan perlu diikuti. Teruskan Setiausaha. (*Disampuk*)

## RANG UNDANG UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Jun, 1990)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, panjang lagikah? Sila teruskan.

3.45 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kumpulanwang Pinjaman Perumahan mesti ditadbirkan dengan adil dan diuruskan dengan baik untuk kepentingan anggota-anggota perkhidmatan awam dan bukan sebaliknya. Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan memiliki rumah mereka dengan harga yang wajar terutamanya membolehkan mereka yang berpangkat rendah mampu membeli rumah sendiri. Tetapi sebagaimana apa yang lazimnya berlaku dalam pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, tedapat banyak penyelewengan sehingga tujuan ini tidak tercapai, seperti contoh:

Yang pertama, kelewatan pihak Perbendaharaan meluluskan bayaran beransuran atau progressive payments, dengan izin, kepada pihak pemaju perumahan. Di bawah terma-terma Sales and Purchase Agreement yang standard, sebarang progressive payment yang dituntut mestilah dibayar dalam tempoh 14 hari. Kalau tidak kadar faedah harian penalti sebanyak 10% akan dikenakan. Oleh kerana kelewatan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan memproses pembayaran progressive payment ini, yang memakan masa sekurang-kurangnya tiga minggu hingga sebulan, peminjam-peminjam terpaksa membayar penalti di antara \$200 hingga \$2,000. Ini adalah sangat tidak adil samasekali. Mengapakah kakitangan Kerajaan perlu menanggung beban tambahan sebegini apabila kelewatan bukanlah berpunca dari mereka tetapi dari pihak Kerajaan?

Saya bukanlah hendak mempersalahkan kakitangan Bahagian Pinjaman Perumahan kerana saya

percaya bahawa siasatan perlu dibuat terlebih dahulu untuk memastikan bahawa bayaran yang betul dibuat. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional boleh buat tidak peduli, tidak hirau tentang perkara ini. Mungkin untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berada di sini, yang duduk dalam kereta mewah dan rumah mewah, wang berjumlah sebanyak \$200 atau \$2,000 ini adalah satu jumlah yang amat kecil. Tetapi bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkeluarga, ini adalah satu beban yang agak berat untuk dipikul. Adakah Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan faham tentang kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan? Sepatutnya pihak Kementerian patut mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan cara yang berikut:

- (1) menambahkan kakitangan di Bahagian yang berkenaan untuk mempercepatkan masa pemprosesan;
- (2) meminda terma-terma yang berkenaan seperti yang dicadangkan oleh Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan, Encik Indera Singh Khosa untuk memanjangkan masa membuat progressive payment ke satu bulan; atau
- (3) pihak Kerajaan akan menanggung sebarang penalti yang dikenakan atas kelewatan mereka yang membuat bayaran atas kelewatan membuat bayaran oleh Bahagian Pinjaman.

Saya mencabar pihak Kerajaan berbuat demikian untuk bukan sahaja memberikan keadilan kepada kakitangan Kerajaan tetapi juga membuktikan slogan pilihanraya 1986 Barisan Nasional "Tradisi Membela Rakyat", bukanlah hanya omong-omong kosong.

Adalah amat dikesali bahawa pihak Kerajaan enggan menjaga kepentingan peminjam-peminjam, seakan-akan kepentingan pemaju-pemaju perumahan adalah lebih penting kerana pihak Kerajaan mahu memastikan pihak pemaju mendapat wang dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua di mana pihak pentadbiran Barisan Nasional gagal mencapai matlamat untuk memberikan peluang kepada kakitangan Kerajaan memiliki rumah mereka sendiri adalah mengenai faedah pinjaman yang dikenakan di atas projek-projek perumahan yang terbengkalai. Saya juga ingin mengulangi sekali lagi saranan yang dibuat berkali-kali dalam tiga tahun yang lepas agar pihak Kerajaan mengecualikan peminjam-peminjam yang membeli rumah terbengkalai dari membayar faedah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang ada di Dewan yang mulia ini hanya bersetuju dengan saranan seperti yang saya buat baru-baru ini di akhbar STAR pada 18hb Jun, 1990 bahawa adalah tidak adil untuk memaksa kakitangan Kerajaan membayar faedah sedangkan mereka tidak dapat rumah dan kena bayar sewa rumah lagi untuk tempat kediaman mereka. Nampaknya pihak Kerajaan Barisan Nasional hanya peka tentang kesusahan rakyat dalam musim pilihanraya. Saya percaya kakitangan Kerajaan mahu melihat tindakan dan bukanlah kenyataan sekadar melepaskan batuk di tangga yang merupakan satu publisiti murah menjelang pilihanraya besar. Kalau pihak Kerajaan dan Timbalan Menteri Kewangan jujur dan ikhlas, buktikanlah dengan membuat pengecualian pembayaran faedah sekarang sebelum pilihanraya besar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, mengenai kelewatan membayar pinjaman yang dibuat oleh pihak Kerajaan, saya masih tidak faham logiknya di mana peminjam-peminjam atau kakitangan-kakitangan Kerajaan dikenakan bayaran penalti oleh pihak pemaju perumahan

untuk sesuatu kelewatan yang mereka tidak bertanggungjawab langsung. Jelasnya ini adalah cara Barisan Nasional mentadbir negara dan tidaklah mustahil mengapa sebegitu banyak skandal kewangan dan amalan rasuah berleluasa di Malaysia kerana mereka yang bertanggungjawab tidak dikenakan penalti tetapi mereka yang tidak bertanggungjawab langsung dikenakan penalti.

Saya berharap Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang duduk dalam rumah dan kereta yang mewah ini mengambil berat sedikit tentang kesusahan rakyat terutamanya kakitangan-kakitangan yang berkhidmat untuk negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Kuala Kerai.

*3.48 ptg.*

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sama dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini, saya dapati amatlah sesuai dan memang kena pada tempatnya, satu pindaan yang dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan pinjaman perumahan dan sebelum saya pergi lebih lanjut, saya suka untuk menafikan tuduhan yang dinyatakan oleh Wakil Rakyat daripada parti Pembangkang terutama dari Kota Melaka sekejap tadi yang menuduh bahawasanya Kerajaan tidak bertanggungjawab, rasuah dan satu pindaan dianggap sebagai omong-omong kosong.

Kerana pada pandangan saya, Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta yang telah ada,

memperkemas, memperluaskan lagi aturan dan peraturan serta menjamin kemudahan dan kesenangan terutama sekali kepada kakitangan-kakitangan awam untuk meminjam bagi melaksanakan urusan pinjaman perumahan mereka dan saya anggap Akta ini dipinda dan dibentangkan oleh Kerajaan di Dewan ini menunjukkan bertanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada masa ini yang sentiasa mengambil perhatian di dalam semua bentuk kemudahan yang ada hubungkaitnya dengan orang ramai terutama dengan pekerja-pekerja ataupun dengan kakitangan awam yang selama ini telah memberi perkhidmatan yang begitu baik dan cemerlang kepada Kerajaan dan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentangnya Akta ini dan saya percaya akan diberi kelulusan oleh Dewan ini dengan begitu mudah disebabkan dari satu persatu setelah saya lihat banyak faedah yang akan dapat terutama oleh semua golongan pekerja-pekerja awam. Cuma apa yang saya akan sentuh, yang pertama ialah masalah pinjaman perumahan bagi Ahli-ahli Dewan termasuk Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang selama ini amat berbeza jauh dengan pinjaman perumahan kalau hendak dibandingkan dengan kakitangan awam yang mana Ahli-ahli Dewan hanya dibenarkan pinjaman sebanyak \$60,000, sedangkan kakitangan awam lebih daripada itu. Ini adalah satu daripada perbezaan yang begitu ketara yang saya anggap yang ada pada masa ini. Maka dengan sebab itu saya berharap dengan adanya pindaan ini supaya dapat diselaraskan dan disamakan oleh semua pihak dapat meminjam mengikut taraf kedudukan jawatannya masing-masing.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati selama ini pekerja-pekerja di pihak Penguasa-penguasa Tempatan atau Majlis-Majlis Daerah yang ada di seluruh negara ini mungkin mereka telah dapat pinjaman hanya

melalui jabatan masing-masing, iaitu Majlis-majlis Tempatan atau Majlis-majlis Daerah dan saya dapati Majlis-majlis Tempatan atau Daerah ini mempunyai kewangan yang begitu terhad dan menjadi kesulitan besar kepada pekerja-pekerja mereka untuk membuat pinjaman perumahan. Jadi, dengan itu, melalui peraturan Akta ini supaya Kerajaan memberi jaminan bahawa Kerajaan akan bertanggungjawab terus untuk memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja ataupun kakitangan Penguasa Tempatan dan Majlis Daerah yang ada di seluruh negara ini bukan lagi melalui Majlis-majlis Tempatan atau Majlis Daerah memandangkan kewangan yang saya sebutkan tadi.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian berat berhubung dengan pinjaman perumahan kakitangan awam yang mana kebanyakan mereka ini menjadi mangsa kepada pemaju-pemaju perumahan disebabkan ada projek-projek ataupun perumahan yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan, oleh pemborong-pemborong dan sebagainya ini menghadapi masalah, yang menjadi mangsa ialah kakitangan awam—kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman daripada Jabatan-jabatan Kerajaan dan ada pula pemaju-pemaju perumahan ini mengambil wang deposit pendahuluan \$5,000, \$10,000, \$3,000 atau \$4,000 bagi sesuatu permohonan untuk membeli rumah oleh kakitangan awam sedangkan wang pendahuluan atau deposit itu tidak patut diambil kerana rumah yang ditawarkan kepada pekerja kakitangan awam itu sesuai dan dengan harga yang berpatutan dan di dalam lingkungan pinjaman kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan. Jadi, saya dapati ramai kakitangan awam atau pekerja-pekerja Kerajaan yang menghadapi masalah ini dan apabila sahaja pemaju perumahan itu mendapat pinjamannya daripada Kerajaan melalui saluran-saluran yang telah ditetapkan,

maka wang pendahuluan itu tidak dipulang balik kepada peminjam atau pembeli yang terdiri daripada kakitangan awam. Ini juga, dengan keadaan yang demikian, sekali lagi sebagaimana yang saya katakan tadi, kakitangan awam dan pekerja Kerajaan itu menjadi mangsa di dalam masalah pemaju perumahan, selain daripada rumah-rumah yang terbungkalai yang begitu banyak berlaku di seluruh negara sehinggakan Kerajaan terpaksa membentuk satu tabung khas bagi menyiapkan atau menolong menyudahkan rumah-rumah yang terbungkalai yang ada di seluruh negara.

Jadi dengan adanya tabung pinjaman perumahan untuk menyiapkan rumah-rumah yang terbungkalai ini yang disediakan oleh Kerajaan pada masa ini dan yang telah diumumkan baru-baru ini, maka sekali lagi saya tegaskan di sini bahawasanya Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini bertanggungjawab kepada semua pihak, bukanlah sebagaimana yang dituduh oleh parti-parti Pembangkang yang mengatakan Kerajaan tidak bertanggungjawab dan Kerajaan bercakap kosong.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit sebanyak ulasan dan huraian yang saya dapat beri sambil menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Pengkalan Chepa.

*3.57 ptg.*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun petang ini untuk mengucapkan terima kasih dan memberi tahniah kepada Kerajaan di atas kesedaran Kerajaan untuk memberi pertolongan ataupun kemudahan kepada anggota-anggota yang tertentu mengikut Akta yang dibentangkan ini. Di samping itu suka juga saya mengambil peluang

untuk memberi beberapa teguran dan pandangan kepada Kerajaan.

Pertamanya, ternampak kepada saya walaupun Akta ini adalah merupakan satu-satunya Akta yang akan dapat dinikmati oleh banyak pihak, tetapi oleh kerana masa Akta ini dibentang menimbulkan pertanyaan terutama sekali sebagai orang politik dan sebagai pihak Pembangkang saya nampak walaupun Kerajaan menyatakan ia membentangkan Akta ini dengan ikhlas, tetapi dalam ikhlas itu ada unsur-unsur politik. Sebab yang saya kata begitu kerana masa dibentangkan Akta ini boleh dikatakan tidak sesuai. Sepatutnya Akta ini dibentang beberapa tahun yang sudah memandangkan kepada senarai yang diatur dalam Akta ini ada terlibat beberapa kakitangan terutama sekali pegawai-pegawai perkhidmatan dan juga termasuk Wakil-wakil Rakyat.

Yang keduanya, kalau Akta ini dituju untuk memberi pertolongan, saya rasa tidak tepat, tetapi untuk memberi kemudahan bolehlah kita terima.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada dalam senarai ini, kita nampak Akta ini nyata memberi kemudahan kepada orang yang sudah mudah ataupun menolong kepada orang yang sudah mudah. Apa yang saya ingin sentuh dalam Akta ini, iaitu mengenai pinjaman pada Wakil-wakil Rakyat ataupun sebagainya, kerana Wakil Rakyat ini kita tahu adalah satu-satu orang yang amat terhad tempoh jawatannya, paling lama ialah 5 tahun dan jarang berlaku 5 tahun. Itulah saya kata Akta ini dibentang tidak tepat pada masanya, kerana pilihanraya mungkin berlaku besok, lusa atau sebagainya. Kalau betul-betul untuk memberi kemudahan kepada Wakil Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara dan sebagainya, sepatutnya selepas Kerajaan menang dahulu, Kerajaan bentanglah Akta ini. Walau tidak sampai 5 tahun pun, ada 2 tahun, 3 tahun atau 4 tahun, tetapi besok hendak pilihanraya petang ini Akta ini

dibentang. Jadi nampak sangatlah Akta ini untuk memancing undi, untuk mendapat sokongan daripada Wakil Rakyat sendiri. Dengan sebab itu . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Simunjan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Jadi mengikut penjelasan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi, ini bertujuan untuk memancing undi daripada pihak Kerajaan. Jadi penjelasan yang saya minta ialah kalau sekiranya yang menang nanti kebanyakannya Pembangkang, jadi siapa yang untung agaknya? Kalau ini diluluskan, mungkin ada harapan pada Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang yang mendapat kemudahan macam ini macamana?

(Tuan Ong Tee Keat *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak nafi soal keuntungan, siapa yang dapat untungnya dia, cuma cara dan amalan yang dilakukan oleh Kerajaan amat jelas nampaknya untuk memancing undi dan itulah pokoknya.

Kedua, saya kata kalaulah Akta ini bertujuan untuk memberi pertolongan—tidak tepat, kalau hendak memberi kemudahan—munasabah, sebab ada orang yang mudah, dapat juga pinjaman perumahan, orang yang sudah ada rumah, orang yang sudah dapat rumah ataupun orang yang sudah siap rumahnya pun dapat pinjaman juga. Jadi untuk memberi kemudahan memanglah baik, tetapi kalau hendak memberi pertolongan tidak tepat, sepatutnya kalau kita bertujuan untuk hendak memberi pertolongan, maka berilah kepada orang yang tidak dapat pertolongan lagilah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Akta ini memanglah memberi peluang kepada beberapa golongan untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang akan didapati melalui Akta ini bila diluluskan nanti.

Saya suka juga untuk mendapat penjelasan dari pihak Kerajaan khususnya Menteri yang berkenaan, sebab biasanya pinjaman-pinjaman (loan) yang diberi oleh Kerajaan dalam pembayaran baliknya ada interest, sama ada kecil ataupun besar. Jadi saya ingin tahu pertama, ada atau tidak interest dan kalau sekiranya ada berapa peratus, sebab berpandu kepada cita-cita Kerajaan dengan slogan “Bersih” ataupun hasrat Kerajaan untuk “Menerapkan Nilai-nilai Islam”.

Saya telah dapat bukti zaman pemerintahan Kerajaan PAS, Kerajaan di Kelantan dahulu telah meluluskan satu Akta Pinjaman Perumahan kepada Wakil-wakil Rakyat dan bilamana Akta itu diluluskan, maka sebarang punca interest sama ada 1% dan sebagainya kita hapuskan sama sekali. Tetapi setelah bertukar Kerajaan pada hari ini di Kelantan dikuasai oleh Barisan Nasional sebagaimana Kerajaan Pusat, maka diadakan balik bayaran itu sebanyak 4% dan bila ditanya mereka menjawab ini “service charge” ataupun “bayaran perkhidmatan”. Tetapi kita tidak tahu apakah 4% itu kalau disebut “service charge” ataupun sebagainya tidak termasuk dalam jenis “riba” ataupun sebagainya. Saya kira kalau Kerajaan berpandu kepada amalan bersih atau berpandu kepada usaha untuk “Menerapkan Nilai-nilai Islam”, inilah masanya dalam memberi pinjaman ini kalau dapat dihapuskan bayaran lebih daripada apa yang dipinjam, untuk membuktikan hasrat baik Kerajaan dan tidak akan menjadi satu kerugian kepada Kerajaan, sekiranya Kerajaan memberi peluang kepada golongan orang yang terlibat.

Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan kalau boleh untuk memberi kemudahan lebih lagi ataupun untuk memberi keuntungan lebih lagi kepada orang yang terlibat dengan pinjaman ini, iaitulah kalau dapat Kerajaan menggunakan wang pinjaman itu untuk membeli tanah dan membuat rumah sendiri, kemudian dijual kepada orang berkenaan juga, peratusnya lebih murah dan lebih rendah, tentulah akan dapat kita rasa, tetapi kalaulah kita beri kepada kontrak-kontrak misalnya kalau kita kata 40% atau 45% akan berbeza dengan apa yang disediakan oleh Kerajaan, kerana Kerajaan dengan peruntukan ini boleh mencari tempat-tempat yang munasabah serta berusaha untuk menyiapkan rumah itu, kemudian dijual balik dengan nilai harga dan peratusnya lebih rendah. Dan kalau ini belum berlaku, saya percaya kalau Kerajaan cuba mengambil langkah seperti ini lebih banyak lagi kemudahan akan didapati oleh orang-orang yang berkenaan. Jadi oleh kerana Kerajaan merasa apa yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini perlu diberi kemudahan kepada orang tertentu, maka itulah harapan saya dan dua perkara yang saya menekankan kepada pihak Kerajaan.

Pertamanya, apa yang disebutkan atau saya bincangkan dan sebagainya itu hendaklah dihapuskan, walaupun saya faham orang yang terlibat dengan pinjaman ini, orang yang tidak beragama Islam misallah kita kata, orang yang tidak beragama Islam itu dia tidak kira berapa peratus, kalau Kerajaan suruh bayar dan kalau dia bayarpun dia tidak nilai, tetapi bagi Wakil-wakil Rakyat yang beragama Islam tentulah dia ada kira. Jadi kalau dapat Kerajaan itu menghapuskan bayaran lebih itu, saya rasa lebih munasabah dengan slogan yang saya sebut sekejap tadi, dan begitu juga kalau Kerajaan dapat usaha sendiri untuk berikhtiar mencari tanah dan sebagainya, saya rasa akan dapat lebih lagi kemudahan kepada orang tertentu yang telah . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap, Simunjan minta penjelasan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
Kalau beri peluang berucap,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Minta jelaskanlah ataupun . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
Penjelasan. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa nampaknya sudah habis.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya beri peluang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
Oh! Jadi soalan saya ialah saya memang setuju cadangan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa iaitu diberi pinjaman untuk membeli tanah dan membuat rumah sendiri.

Saya cadangkan juga, mungkin Yang Berhormat setuju atau tidak, saya tidak tahulah kalau diberi "chain saw" macam di Sarawak, pinjaman "chain saw" untuk orang yang mendapat pinjaman itu menebang kayu, untuk membuat rumah dan diambil kayu berbergaji, kerana di Sarawak dipanggil "chain saw". Di sini mungkin tidak faham 'chain saw' kerana ini berleluasa digunakan di negeri Sarawak, di kawasan hutan sama ada mereka itu menebang kayu yang sudah berlesen atau mencuri kayu yang tidak ada lesen dan sebagainya.

Jadi, kadang-kadang apabila mereka curi itu, ditangkap oleh pihak Pengawas Hutan dari Jabatan Perhutanan Negeri. Jadi, saya cadangkan di samping memberi pinjaman untuk membeli tanah dan juga untuk membuat rumah, mereka juga diberi pinjaman untuk membeli apa-apa jenis bahan untuk

mendapatkan kayu di hutan secara sendiri, bukan beli, supaya harga rumah itu lebih murah . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan buat ucapan. Minta penjelasan sahaja.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Uli:** Jadi, penjelasannya ialah adakah Yang Berhormat juga setuju dengan cadangan saya itu supaya diberi juga "chain saw" ataupun mana-mana "equipment", dengan izin, untuk membolehkan mereka pergi dalam hutan, potong kayu, buat papan sendiri, tiang sendiri untuk buat rumah di tanah yang dibeli itu supaya harga untuk membina rumah itu murah daripada harga yang biasa.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu peruntukan ini besar dan ada pada Kerajaan. Sebab itulah saya mencadangkan supaya Kerajaan berusaha sendiri untuk membeli tanah dan sebagainya dan kalau apa yang Kerajaan fikir seperti apa yang disyor oleh Yang Berhormat dari Simunjan tadi, pun baik, saya tidak ada apa-apa. Saya bersetuju. Jadi, itulah sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Parit Sulong.

4.12 ptg.

**Puan Hajjah Sharifah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong):** Saya bangun bagi memohon menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1991.

Semua orang biasa ingin dan mendewa-dewakan dengan satu ungkapan "our home is our castle". Semua orang ingin memiliki rumah

tetapi bentuk rumah yang dibina itu haruslah sesuai dengan suasana dan alam sekitar. Alam sekitar memainkan peranan utama, kerana mengikut Perjanjian Langkawi, kita mestilah mengutamakan alam sekitar dan juga perjanjian yang dibuat dalam masa CHOGM patutlah dipatuhi.

Kalau kita perhatikan keadaan perumahan di negara kita agak ketinggalan lebih 90 tahun yang lalu. Seperti di Australia dan Eropah, kalau rumah-rumah yang ada ini semua sudah pun dirobohkan, sudah dibuat semula, disusun semula, kerana pada masa ini kita dapati pemaju-pemaju perumahan yang ada di negara kita ini dengan sewenang-wenangnya mendirikan rumah-rumah ini semata-mata untuk mengaut keuntungan yang melebihi sehingga 2000% dan pemaju perumahan ini menjadi millionaires sekelip mata, sedangkan di negara-negara maju seperti Eropah dan Australia, termasuk juga Singapura, pembinaan perumahan ini adalah untuk 'necessity', dan mereka hanya ditentukan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan mengambil keuntungan sekadar 50% ataupun 30% sahaja.

Rumah-rumah yang patut dibina seperti yang dibuat oleh negara-negara lain sebagaimana yang saya katakan tadi, ialah bukan untuk tujuan "profit making", dengan izin, tetapi ialah dengan mempunyai satu tujuan yang murni dan mulia iaitu berhasrat membina insan yang progresif dan berdisiplin. Keadaan di sekeliling boleh membentuk keperibadian satu-satu. Keadaan belia-belua dan anak-anak muda kita hari ini jelas kelihatan kemerosotan nilai akhlaknya kerana keadaan perumahan, alam sekitar dan kejiranan yang menjadi masalah. Sedangkan Nabi Besar kita (Nabi Muhammad s. a. w.) juga telah berpesan dengan sabdanya, dengan izin, "lihat jiran dahulu sebelum pilih rumah". Sedangkan keadaan perumahan kita di sini kita dapati dibina di celah-celah kebisingan, di celah-celah industri,

factory haram, perhotelan haram, rumah urut haram, backlane yang kotor, rumah yang hanya mempunyai pintu depan dan tidak ada pintu belakang, rumah murah yang dijual dengan harganya \$22,500 tetapi bila habis dibayar setelah 10 tahun atau 15 tahun, kalau dikira harganya adalah berjumlah \$45,000.

Saya minta Kementerian Perumahan menyusun semula rancangan pembinaan semua jenis bentuk perumahan dan perkara ini saya sudah pun bawa dalam tahun 1978 semenjak saya jadi Ahli Parlimen dahulu—sebuah rumah sekurang-kurangnya mesti ada 3 bilik: anak lelaki satu bilik, anak perempuan satu bilik, ibu bapa satu bilik, dan tidaklah menimbulkan masalah sakit jiwa di kalangan keluarga, mesti cukup luas dan selesa dan sekurang-kurangnya kalau boleh di bina rumah itu dengan tidak payah disambung lagi.

Pada masa ini belum kering lagi dakwat yang ditandatangani untuk perjanjian membeli rumah, rumah itu sudah habis dipecah semula dan sudah disambung dengan design dan bentuk extension yang lain sehingga kita tidak nampak lagi bentuk yang asal. Sedangkan sipemaju perumahan itu pun sudahlah jadi billionaire tadi, sudahlah mempunyai isteri 2 atau 3, dengan kereta Rolls Royce, Mercedes Benz, Porche, anak-anak semua dapat “credit card”, berjalan ke sana kemari, ialah atas titik peluh rakyat. Kemudian bila siap rumah, hendak dapat “CFO” pun, ya Allah, cukup leceh. Bermacam-macam lagi pembayaran yang mesti dibuat.

Kita sudah menghantar pegawai-pegawai belajar, kalau pergi ke Singapura, belajar buat rumah, tengok rumah, pembinaan rumah tidak berhenti-henti, tetapi pegawai-pegawai itu pun bila balik “frust”, bagaimana hendak mendirikan ikuti contoh teladan yang elok itu, balik tidak dapat hendak dibuat sebagaimana yang telah dipelajari atau dikursus. Saya fikir itu semata-mata membazirkan wang dan mana yang baik

langsung tidak ditiru atau diambil kira. Saya ambil contoh, rumah-rumah pangsa. Di negeri saya sendiri iaitu di Johor Bahru, didapati sampah-sampah hingga berulat dan berbau, tangki najis rumah pangsa hingga pecah, kerana sejak tahun 1963 sampai sekarang tidak pernah disedut atau dibersihkan dan flat itu adalah menjadi sarang tempat penjenayah-penjenayah bersembunyi kerana tidak ada pengawal keselamatan. Sekarang ini di flat yang tersebut dia pula buat tol sendiri yang kecil, kutip duit kepada kereta-kereta yang hendak keluar masuk. Sudahlah jalan itu sempit, dia buat tol sendiri, siapa hendak masuk bayar 30 sen—siang/malam tidak tahu, mungkin \$1.00.

Jadi, saya mintalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah lebih tegas dalam menentukan pembinaan rumah ini sekurang-kurangnya boleh menghadapi udara yang sihat, bukanlah seperti hari ini untuk bernafas pun tidak boleh. Pastikan beberapa ribu persegi kaki untuk beberapa buah rumah. Tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya—beberapa banyak untung dapat banyak itulah dia binakan rumah, sedangkan tidak memikirkan masalah orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Simunjan bangun.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri Yang Berhormat?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Dia beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Pertama, penjelasan yang saya phonkan

ialah, saya tadi begitu terkejut—mungkin benar, mungkin tidak, saya tidak tahulah, bila Yang Berhormat itu kata adanya 2000% keuntungan. Jadi, kalau itu benar, boleh dimasukkan dalam Guinness Book of Records. Tidak tahulah macam mana, mungkin ada.

Penjelasan yang kedua saya minta ialah Yang Berhormat tadi pernah menyebut rumah urut haram. Jadi, adakah rumah urut yang tidak haram di Malaysia ini?

Ketiga, Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya keadaan rumah itu baik, sedangkan di negara kita ini Kerajaan menonjolkan satu dasar, iaitu kita mesti buat rumah murah. Rumah murah yang dibuat itu selalunya berdekatan di antara satu dengan yang lain. Contohnya, di Kuching, rumah murah dibina oleh Suruhanjaya Perumahan Sarawak dan mereka buat rumah panjang yang berdekatan dan diberi sempadan macam itu dan di situlah mereka tinggal. Keadaan rumah ini, hubungan di antara orang di sana, kadang-kadang begitu erat dan menimbulkan kesesakan.

Adakah Yang Berhormat memikirkan bahawa yang dibuat oleh Kerajaan terutama sekali oleh Suruhanjaya Perumahan Negeri-negeri ini bersesuaian atau tidak?

Keempat saya hendak penjelasan ialah . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Panjang sangat soalan Yang Berhormat!

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tidak, saya minta penjelasan dan dia benarkan, macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tolong singkatkan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Okay, saya singkatkan. Jadi, oleh kerana

Yang Berhormat benarkan, satu lagi. Di Semenanjung Malaysia ini, adakah Yang Berhormat puas hati dengan harga rumah murah yang mungkin berharga \$15,000 tapi di Sarawak perbezaannya begitu besar—rumah murah itu harganya sampai \$30,000-\$40,000. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan harga di sini dan menganggap baik, sedangkan saya rasa harga rumah murah \$30,000-\$40,000 itu begitu tinggi. Jadi, macam mana komen Yang Berhormat dengan penjelasan yang saya pohon tadi? Terima kasih.

**Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya setuju supaya dimasukkan dalam Guinness Book of Records tentang keuntungannya.

Berkenaan rumah urut haram, memang ada rumah urut yang tidak haram iaitu kita wanita kalau bersalin memang kita memerlukan tukang urut, tetapi wanita mengurut wanita dan lelaki bolehlah panggil tukang urut lelaki.

Tentang tanah tadi memang dikatakan kesesakan, kita ada banyak lagi tanah, patut kita buka lebih banyak lagi biar jadi bandar, sekurang-kurangnya tiap-tiap 20 batu mesti buka satu bandar supaya tidak timbul kesesakan. Dan kita mesti mempunyai jangka panjang, dalam tahun 2035 kita akan mempunyai 35 juta penduduk, belum 70 juta lagi, baru 35 juta penduduk dalam tahun 2035.

Berkenaan harga rumah kos rendah di Semenanjung, \$22,500 itu saya fikir adalah munasabah dan kos pembinaannya pun saya tengok termasuk tanah adalah agak baik dan bersesuaian.

Itu sahaja, terima kasih, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagan Serai.

4.23 ptg.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk bersama-sama membincang tentang Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya baca Rang Undang-undang ini, saya lihat hanya pegawai-pegawai Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Majlis-majlis Daerah dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, kakitangan-kakitangan tetapi tidak termasuk di dalam ini tentang—mungkin saya silap atau kerana saya tidak arif—tentang kemudahan bagi kakitangan yang berkhidmat di dalam polis dan tentera. Sepanjang yang saya tahu pegawai-pegawai daripada kakitangan polis mendapat pinjaman daripada koperasi. Bagaimana pula dengan pihak tentera. Sebahagian daripada pihak tentera yang kita tahu sangat susah untuk mendapat rumah ataupun membina rumah setelah sekian lama mereka ini berkhidmat. Adakah kerana Kerajaan tidak memandang bahawa golongan ini perlu diberi kesempatan untuk mempunyai rumah sendiri.

Apa yang telah kita lihat seperti yang berlaku di Kuala Dipang di Hulu Selangor, seorang bekas tentera yang telah meminta sebidang tanah sebanyak 7 kali tidak dapat, sehingga mengambil keputusan menggunakan senapang patah untuk menembak orang kerana marah tidak dapat tanah. Jangan satu hari besok pula sudahlah tidak dapat tanah, tidak dapat pula rumah, berbagai-bagai perkara akan berlaku. Saya harap bahawa pendekatan ataupun pihak Kerajaan supaya menimbang bagaimana golongan-golongan daripada pihak kedua-dua kelompok masyarakat yang berkhidmat di dalam kumpulan ini mendapat kemudahan untuk mendapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kita melihat ada beberapa perkara yang berlaku yang memberi kemudahan di samping perkara yang berlaku yang menimbulkan kesusahan. Ada pemaju-pemaju perumahan yang mendapat tanah umpamanya daripada pihak Kerajaan setelah membayar premium dan berbagai-bagai perkara lain, kemungkinan modal yang ada itu sudah habis dan memohon pinjaman daripada bank.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi persoalan saya ialah ada kumpulan yang sesudah mendapat tanah dan boleh mendapat pinjaman daripada bank dan ada kumpulan setelah membayar premium, itu dan ini apabila membuat permohonan kepada bank, bank pula mengatakan mesti siap dengan infrastruktur, umpamanya jalan, api, air, tandas dan sebagainya. Mengapakah ada kriteria-kriteria seperti ini yang berlaku diakhir-akhir ini—ada yang boleh, ada yang tidak boleh. Dalam pandangan saya, kalau pemaju ini yang sudah bina kemudahan, bayar premium dan lain-lain, ada infrastrukturnya, hanya untuk membina rumah sahaja setelah mendapat lesen daripada Kementerian Perumahan, saya rasa sudah sampai masa tidak perlu membuat pinjaman daripada bank kerana deposit yang mereka akan kutip daripada pembeli-pembeli sudah cukup untuk hendak membangunkan kawasan perumahan yang berkenaan. Ada double-standard dalam masalah ini.

Saya mengharapkan jangan pihak Kerajaan ataupun bank ataupun arahan daripada Kerajaan kepada badan-badan kewangan ini untuk menjalankan tanggungjawab mereka seperti arahan umpamanya peniaga-peniaga kecil boleh pinjam sehingga \$5,000, \$6,000. Tetapi peniaga-peniaga kecil ini telah habis berim-rim kertas untuk membuat kertas kerja, pinjaman tidak dapat. Begitu juga, apa yang sudah berlaku kepada pemaju-pemaju perumahan?

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, pemaju-pemaju perumahan yang kita

katakan yang cerdik tetapi menipu, profesional “tipuisme” ini berlaku di dalam negara kita, mungkin ini ditiru dengan pihak-pihak yang tertentu yang membawa falsafah: kalau ada orang kita memegang tugas yang besar, yang boleh buat keputusan; jangan kita menolong kawan-kawan kita. Tetapi kadangkadangkang terdapat pula golongan-golongan ini menolong kakaknya, menolong adiknya, menolong itu, menolong ini, ianya bukan menjadi rahsia, sudah menjadi kenyataan. Tetapi bila rakyat bertanya kenapa perkara ini boleh berlaku, “They are also our citizen, they have the right”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku. Jadi, bagaimana dengan pemaju-pemaju ini, dia kata: “Aku pun hendak ambil peluang dalam kancang penipuan yang berlaku itu”, maka mereka menipu pembeli-pembeli rumah. Yang menjadi masalah ialah pegawai-pegawai Kerajaan.

Pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji besar mungkin sudah ada kuasa yang besar, duduk di Kementerian yang besar, pemaju-pemaju takut, tetapi pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi guru, yang menjadi peon, yang menjadi kerani dan sebagainya, yang tidak kenal boss yang besar, yang tidak kenal orang itu, yang tidak kenal orang ini, menjadi mangsa kepada pemaju perumahan ini. Berpuluh, beratus skim yang gagal yang kononnya pemaju lari dan bankrap. Tetapi sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Parlimen dari Parit Sulong, mereka ini menjadi kaya-raya daripada “tipuisme” yang mereka jalankan kepada rakyat, yang tidak peka dengan undang-undang dan peraturan. Apakah Kerajaan tidak sedar perkara ini berlaku?

Bila orang-orang yang berkenaan datang membuat laporan ke Kementerian Perumahan, ada pegawai-pegawai mengatakan: “Kita tidak boleh ambil tindakan apa-apa kerana ini—you dengan dia, masa you hendak beli rumah pun, you tidak beri tahu kepada kita.” Tetapi mendapat pinjaman perumahan

daripada Kerajaan, Kerajaan meluluskan pinjaman ini. Yang menjadi bertambah perit golongan ini, rumah tidak terbina, rumah tidak dapat, pinjaman dapat, rumah tidak dapat, hutang mesti dibayar, rumah tidak ada, sewa rumah mesti dibayar. Di sini berlaku kehimpitan hidup pegawai-pegawai Kerajaan kita. Di mana mereka hendak pergi hendak berhutang.

Sehingga hari ini mungkin satu, mungkin dua tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pemaju-pemaju perumahan tetapi masih banyak lagi yang bermaharajalela, yang sudah tukar profesionalnya kerana modal yang mereka dapat daripada usaha penipuan yang lincah ini, mereka sudah membuat perusahaan dalam bidang lain. Saya harap jangan satu dua ini sahaja yang dimasukkan ke dalam penjara, Kerajaan mesti mengejar keseluruhannya kerana bukan Kerajaan akan menjalankan satu penganiayaan tetapi membela kepada ribuan pembeli-pembeli rumah yang tidak berjaya mendapat rumah. Kawan-kawan saya, pembeli-pembeli rumah di kawasan saya, kawasan Bagan Serai sedang menghadapi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keempat, ada peguam yang menjadi peguam di antara pemaju dan pembeli tetapi setelah berlaku penipuan dan problem ini, peguam ini hanya melepas tangan. Saya ingin bertanya kepada pihak Peguam Negara apakah profesional guaman di negara kita ini lebih mementingkan kepada ke arah menyertai golongan menipu daripada menyertai golongan tidak menipu. Sepatutnya firma-firma peguam ini juga mesti diambil tindakan oleh Jabatan Peguam Negara kerana mereka tidak bertindak untuk membela pembeli tetapi bersama-sama bersyubhat menyertai penipuan yang dibuat oleh pihak pemaju perumahan.

Yang lebih menyedihkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada firma-firma guaman ini yang menjadi broker, yang menjadi

pengusaha sendiri untuk pecah lot-lot tanah yang tertentu, memberitahu kepada pembeli-pembeli tunggu sehingga kita pecah lot ini. Kita pecah lot ini, awak boleh buat rumah, awak boleh buat pinjaman, kita akan uruskan keseluruhannya. Firma guaman yang rakyat biasa, rakyat marhaen, pegawai-pegawai Kerajaan memberi penuh kepercayaan dan keyakinan, mereka adalah golongan yang akan membela rakyat seperti Kerajaan, tetapi apa yang berlaku, firma guaman juga menindas, Kerajaan hanya berdiam diri. Majlis Guaman, saya mengambil kesempatan ini supaya memerhati anak buahnya, jangan dibiarkan sikap sebegini menular menjadi wabak sehingga profesional guaman di negara kita ini dipandang rendah oleh masyarakat. Yang kita mahu negara ini ada maruah, maruah daripada segala-galanya.

Pihak Peguam Negara saya harap akan mengambil tindakan menasihati dalam bentuk apa sekali pun supaya firma-firma guaman ini dapat bertindak mengikut lunas-lunas yang mereka telah janjikan dalam profesionalisme mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berharap dalam keadaan masa demi masa, dengan kenaikan harga barang dan sebagainya, umpamanya walaupun hari ini kita kata simen banyak di negara kita, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah sanggup memberi tambahan kemudahan pengangkutan simen daripada satu tempat ke satu tempat kerana tak ada simen . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak minta penjelasan, ini bukan hendak uji, supaya kita dapat berbincang bersama sebab ini masalah pegawai Kerajaan, secara ikhlaslah. Saya setuju

apa Yang Berhormat timbulkan itu merupakan masalah utama yang sekarang ini yang menjadi mangsanya ialah pegawai Kerajaan, okay. Apakah dengan memperkenalkan undang-undang ini tidak cukup untuk kita melindungi pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat. Itu nombor satu.

Kedua, ini berhubung bagi mereka, terutamanya yang terlibat dengan pembelian rumah di sektor swasta. Apakah dengan peruntukan yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini, iaitu untuk menolong pemaju-pemaju yang terbengkalai sebanyak \$300 juta itu tidak mencukupi. Ini pertanyaan secara ikhlas, bukan hendak minta jawab politik, politik cakap fasal lain.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau ini. Hari ini dia tidak mahu jawapan dalam politik. Selalu dia buat jawab dalam politik, jadi kita pun tak jawab dalam politik. Saya setuju perlindungan undang-undang yang dibuat tetapi kita ada undang-undang kerana yang hendak menipu ini dia study loophole dalam undang-undang kita, maka dia exploitkan di atas kelemahan yang ada. Saya menimbulkan supaya pihak Kerajaan, pihak yang berkuasa supaya jangan membiar ianya menjadi-jadi. Kalau dahulu penipuan ini sudah berlaku dan Kerajaan mengambil tindakan, apakah step ataupun tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan di atas undang-undang yang ada. Apa yang kita lihat di sini ialah kemudahan yang hendak kita beri, sekatan-sekatan yang hendak kita buat, tetapi apakah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan besok kerana ada Kementerian tetapi kuasa tidak ada, di mana pula rakyat yang terlibat, yang teraniaya ini akan pergi? Hendak pergi ke A-G's Chambers umpamanya apakah kaitan mereka dengan perkara ini. Ini yang saya bangkitkan. Kalau Kerajaan menganggap undang-undang yang ada ini

sudah cukup, okay, jalanlah, tetapi dari undang-undang yang ada ini eksploitasi sudah berlaku, maka ianya perlu diperbaiki.

Tentang apa yang telah disarankan oleh Menteri Kewangan, kemudahan untuk kita revive ataupun memberi pertolongan kepada pemaju-pemaju yang ada, tetapi ini pertolongan yang kita beri kepada pemaju-pemaju, apa pertolongan yang Kerajaan beri kepada peminjam-peminjam, rumah tak dapat, pinjaman kena bayar, faedah kena bayar, sewa kena bayar sedangkan usaha Kerajaan hendak beri pinjaman hendak mengurangkan beban rakyat. Tindakan ini baik, tetapi menolong pemaju, hanya setelah jangka masa yang tertentu barulah faedah itu dapat kepada pembeli. Kita juga mesti memikir tentang kepentingan pembeli, jangan memikir hanya tentang kepentingan pemaju, mereka nampak susah tetapi mereka senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa selain daripada ini juga usaha Kerajaan memberi kemudahan pinjaman perumahan ini tidak hanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya rasa projek yang telah dijalankan oleh MARA pada satu ketika dahulu dan sekarang mungkin ada dan dengan kenaikan harga barang seperti yang saya katakan tadi, ianya akan memberi kenaikan kepada kos pembinaan rumah. Ahli Parlimen umpamanya dapat \$60,000, cukup, kerana \$35,000 rumah kos rendah tiga bilik, panasnya alhamdulillah, sejuaknya belum tahu. Ahli Parlimen dapat lebih daripada kos rumah murah \$34,000, \$35,000 ialah lebih kurang \$15,000, \$25,000, jadi ini lebihannya. Well, kita kata Ahli Parlimen mesti hidup sebagai rakyat, tetapi di sinilah menjadi tumpuan orang, bermakna kena buat extension. Ahli Parlimen dalam masa yang mendadak hendak buat extension ini mesti minta kebenaran daripada Majlis Tempatan, hendak buat cepat, tunggu, mungkin jawapan lambat, buat dahulu, leadership by example, spoilt. Tetapi

kalau beri \$60,000 hendak beli tanah, hendak beli rumah, hendak buat longkang, hendak buat jalan, tak cukup. Begitu juga pegawai-pegawai Kerajaan yang lain yang kita kata kalau dahulu rumah murah dua bilik, anak ada 7, kadang-kadang emak masuk dahulu, bapa masuk kemudian, apa pun tak jadi, mesti masuk dua-dua sekali, maka jadikan tiga bilik, tetapi rumah-rumah pegawai Kerajaan pun kita fikir biar lebih sesuai. Saya melihat dengan kenaikan harga barang ini mungkin bilik cukup, tetapi finishing tidak ada. Orang hendak kurangkan kos kalau kawasan-kawasan tanah lombong, dumpernya tidak baik, seperti apa yang pernah berlaku kos rumah murah di Simpang Empat, Taiping yang dikenali dengan Simpang Empat Jadam, rumah siap, lantai runtuh. Ada rumah yang siap, lantai runtuh, tinggal konkrit tiang sahaja, bahaya kepada rakyat yang duduk, rakyat yang susah . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat masih panjang lagikah?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Sebenarnya saya sudah hendak habis, tunggu Tuan Yang di-Pertua tanya sahaja. Kalau tidak dengan permintaan ini, saya sudah selesai.

Jadi, saya harap supaya daripada setahun demi setahun kita mesti sesuaikan kenaikan harga barang ini dengan harga rumah yang patut dimiliki oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya menyokong dengan pandangan yang saya beri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kesempitan masa, saya akan benarkan dua orang Ahli Yang Berhormat berucap sebelum Menteri yang berkenaan dijemput menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.40 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan merupakan satu kemudahan yang perlu, satu kemudahan asas untuk membolehkan mereka untuk memiliki rumah sendiri. Dan apabila saya membahaskan Rang Undang-undang ini, saya cuma ingin mengambil kesempatan untuk menghuraikan beberapa masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan yang boleh dianggap sebagai masalah yang rumit. Dan saya harap bahawa saya dapat menyampaikan untuk perhatian Yang Berhormat yang berkenaan agar perkara ini dapat dikaji dan diatasi.

Masalah yang kerap dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah yang terdiri daripada kakitangan awam ialah apabila pihak Perbendaharaan lewat menghantar bayaran kemajuan ataupun progressive payment, dengan izin, kepada syarikat-syarikat pemaju yang menyebabkan pihak pemaju menghantar notis menuntut bayaran faedah yang tinggi misalnya sampai berjumlah \$2,000 kepada para pembeli. Dan apabila masalah ini diberitahu kepada pemaju yang punca kerana kelewatan pembayaran di pihak Perbendaharaan, mereka menjawab yang itu bukanlah masalah mereka, tetapi masalah antara pembeli dan Perbendaharaan.

Sebagai Wakil Rakyat yang kerap menemui aduan-aduan seumpama ini khususnya daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah ini, saya ingin menyeru pihak Kementerian Kewangan, terutama Perbendaharaan supaya menyemak dan memastikan bahawa bayaran kemajuan ataupun progressive payment kepada pemaju dibuat tidak melebihi tarikh jatuh pembayaran ataupun due date, dengan izin, bagi mengelakkan faedah dikenakan ke atas pembeli-pembeli rumah yang terdiri dari

kakitangan-kakitangan Kerajaan. Selagi pembeli tidak membayar faedah kelewatan pembayaran itu, selagi itulah pemaju tidak membenarkan atau tidak menyerahkan kunci rumah kepada para pembeli sehingga mereka melunaskan bayaran faedah itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga terdapat pinjaman perumahan yang telahpun dibayar sepenuhnya kepada pihak pemaju oleh pihak Perbendaharaan, tetapi masalah yang timbul ialah projek perumahan tersebut sudah jadi terbengkalai seperti satu skim perumahan yang bernama Taman CUEPACS di Cheras dan satu contoh yang lain ialah Taman KSN di Petaling dan berbagai lagi yang lain di seluruh negara. Projek terbengkalai ini sama ada pemaju telah melarikan diri ataupun kekurangan modal untuk menyiapkannya. Dan apa yang kelihatan di tapak projek biasanya satu kawasan yang kosong, rumah-rumah setengah siap dan jikalau siap pun terdapat masalah ketiadaan kemudahan seperti jalan, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya.

Yang paling menyedihkan ialah potongan gaji telahpun dilakukan ke atas pinjaman dan mereka yang terlibat terpaksa membayar sewa rumah di luar kerana masih belum berpindah masuk ke rumah yang dibeli itu. Itu ialah satu masalah yang biasa berlaku di kebanyakan kes-kes yang saya ada menerima aduan daripada si pembeli. Dan apabila mereka yang terlibat ini memohon supaya potongan gaji diberhentikan buat sementara waktu sehingga projek perumahan itu siap, pihak Perbendaharaan menjawab bahawa itu tidak dapat dibenarkan. Kepada masalah ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya menimbang semula permintaan ini iaitu permintaan memberhentikan potongan gaji ke atas pinjaman perumahan yang diluluskan kerana punca masalah ini bukan terjadi di pihak peminjam tetapi di pihak

pemaju. Dan sekiranya hal ini tidak dapat dilakukan ini adalah wajar saya berpendapat jika ditinggalkan, kekurangan masalah pembayaran balik pinjaman ini dengan mengecualikan bayaran faedah sepertimana yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ke atas pinjaman yang diluluskan kepada kakitangan Kerajaan yang membeli rumah yang terlibat dalam projek-projek terbengkalai. Dan ini saya rasa kalau dapat dilaksanakan dengan segera, sekarang-kurangnya beban kewangan yang berat itu dapat diatasi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Pada akhirnya saya ingin mengambil kesempatan untuk menghuraikan satu perkara lagi untuk perhatian Kementerian Kewangan dan saya dapati bahawa kes-kes Perbendaharaan telahpun membayar pinjaman kepada peguam pemaju-pemaju seperti yang berlaku ke atas pembeli-pembeli dan di sini saya beri satu contoh iaitu para pembeli Pangsapuri Wangsa Maju di Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan kes ini, apa yang berlaku ialah peguam yang dilantik oleh pemaju PGK Sdn. Bhd. iaitu pemaju untuk Pangsapuri Wangsa Maju ialah satu syarikat yang bernama Tetuan Tahir dan Salleh dan Peguam ini tidak pun meremitkan wang pinjaman beberapa orang pembeli yang terdiri dari kakitangan awam kepada pemaju PGK Sdn. Bhd. Dan dengan perkataan lain peguam tersebut nampaknya telah menyimpan wang pinjaman itu dan tidak membayar kepada pemaju PGK Sdn. Bhd. Kakitangan awam yang terlibat sekarang menghadapi masalah tidak boleh memasuki ataupun memiliki rumah-rumah yang telah dibeli oleh mereka sedangkan potongan gaji telahpun dibuat ke atas gaji bulanan mereka.

Hal ini berlaku sejak awal tahun 1987 sehingga sekarang dengan tidak ada apa-apa penyelesaian. Walaupun ini merupakan masalah antara peguam, pemaju dan pembeli tetapi saya berpendapat sebagai

pihak yang meluluskan pinjaman iaitu pihak Perbendaharaan adalah baik jika pihak berkuasa yang berkenaan turut sama menyasat perkara ini dan membantu mereka dengan mengecualikan mereka dari bayaran faedah ke atas pinjaman yang diluluskan sehingga masalah ini dapat diatasi dengan cara yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Arau dan selepas itu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sila menjawab.

*4.52 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, sebab masa tak mengizinkan, saya akan bercakap berdasarkan fakta-fakta iaitu ada tujuh fakta.

Pertama, saya bersetuju supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang meminjam tetapi rumah-rumahnya terbengkalai dan sebagainya supaya sesuatu tindakan dibuat segera. Kerajaan telah memberikan peruntukan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) kepada usahawan yang bermasalah. Jadi, kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita cadangkan satu tabung yang dinamakan Tabung Pemulihan Pinjaman Pegawai-pegawai Kerajaan (TPPPK) yang menghadapi masalah ataupun Tabung Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan (TPPK). Ini kena buat segera, kalau tidak, tidak adil kalau sekiranya kita hanya memberi tumpuan kepada usahawan. Sebab kita pernah buat—kalau kita boleh buat kepada usahawan yang meminjam daripada bank kita minta supaya faedah dihentikan sehingga ke satu tahap yang tertentu, maka perkara yang sama boleh kita buat kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Pegawai-pegawai Kerajaan yang membuat polisi kepada rakyat, apakah mereka mahu menganiaya diri mereka dengan tidak mengadakan kemudahan yang sama. Kalau mereka hendak tunggu kita buat cadangan, hari

ini kita buat cadangan. Kalau tidak, buat cadangan ke Parlimen, kita akan luluskan. Saya percaya DAP pun setuju dalam hal ini sebab mereka terlibat secara langsung.

Yang kedua, saya cadangkan supaya pinjaman ini dari segi jumlah pinjaman itu difikirkan dengan formula yang lebih berkesan. Saya bagi contoh, dalam kemudahan perubatan disebutkan anak dan isteri atau pun suami dan anak. Jadi, apakah boleh kalau sekiranya pinjaman itu jumlahnya bukan didasarkan kepada kadar gaji tetapi didasarkan kepada suami dan isteri. Sebagai contoh, isteri seorang kerani bekerja dengan Kerajaan, suaminya bukan bekerja dengan Kerajaan tetapi katalah bekerja dengan Petronas. Apakah boleh suami hendak tumpang kemudahan isterinya? Ini cadangan saya dan saya rasa pegawai Kerajaan tak patut menolak cadangan saya supaya jumlah itu didasarkan kepada keperluan keluarga.

Yang ketiga, Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan (SPPK). Saya sebelum ini memikirkan yang dikatakan SPPK ini ialah syarikat ini hanya mengendalikan perumahan untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi selepas itu kita mendapati bahawa pegawai-pegawai Kerajaan juga boleh membeli daripada pihak-pihak yang lain. Ini saya tak sedar sebelumnya. Jadinya, SPPK ini sekarang ini terlibat menjadi pemaju untuk bukan pegawai Kerajaan. Jadi, apakah boleh, oleh kerana zaman ini pegawai-pegawai Kerajaan sangat-sangat memerlukan perlindungan, supaya SPPK itu betul-betul mengambil peranan menjadi pemaju kepada tiap-tiap pinjaman perumahan. Dengan itu tidak timbul masalah penipuan dan sebagainya. Kalau sekiranya SPPK terlibat juga dengan perumahan pihak swasta, walaupun SPPK ini adalah swasta sendiri, dengan pihak-pihak yang bukan pegawai Kerajaan, jadi namanya mesti ditukar, bukan lagi Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi kalau hendak maintain nama itu

maknanya kena buat untuk pegawai-pegawai Kerajaan.

Selepas itu, saya juga setuju iaitu dari segi proses pinjaman, kita dapati proses ini akan melibatkan pihak pemaju mengenakan kadar faedah yang tinggi. SPPK sendiri pun mengenakan faedah sebanyak 10% bagi pinjaman yang lewat. Jadi, kalau sekiranya SPPK yang memajukan rumah bagi pegawai-pegawai Kerajaan mengenakan faedah kepada pinjaman yang lewat, jadi apa akan jadi kepada pegawai Kerajaan sedangkan mereka tidak ada sumber lain. Kaki mereka tak panjang macam kami ini kerana tidak ada sumber lain. Itu sahaja sumber pendapatannya iaitu daripada gaji. Selepas itu kalau sekiranya ada pegawai ada terlibat dengan sana sini, kita komplek dan sebagainya dan DAP akan mengambil kesempatan. Kita tak mahu perkara ini berlaku, kita mahu supaya sesuatu dibuat untuk melindungi mereka, jangan kita memberi pinjaman selepas itu kita lepas tangan. Kita mesti pastikan sampai ke peringkat terakhir.

Sebentar tadi disebutkan fasal peguam. Kalau betul peguam terlibat dalam penyelewengan ini, katakan progress payment ini dibayar kepada peguam, tiba-tiba rumah belum dibuat, peguam sudah bayar kepada pemaju, peguam ini mesti diambil tindakan. Banyak perkara seperti ini berlaku. Tindakan yang tegas bukan sahaja oleh pihak Bar Council, pihak Kerajaan seharusnya mengambil tindakan kepada peguam. Jangan menunggu peminjam sendiri iaitu pegawai Kerajaan sendiri mengambil tindakan kepada peguam. Mungkin boleh dibuat laporan kepada pihak Kerajaan, tetapi walau bagaimanapun asas yang penting di sini yang saya hendak tekankan, apa pun terjadi, kalau sekiranya pegawai Kerajaan yang terlibat, rumah mereka terbengkalai, tindakan serta merta diambil untuk memberhentikan bayaran faedah. Kalau sekiranya faedah dikenakan, faedah itu mesti dibayar balik. Sebab mereka terpaksa sewa rumah di tempat yang lain

dan dalam masa yang sama mereka terpaksa bayar pula kepada sumber wang pinjaman daripada pihak Kerajaan. Dengan itu mereka akan menghadapi masalah yang tak berhenti-henti.

Yang kedua terakhir, saya cadangkan kerana masalah perumahan ini dari segi, kadang-kadang pegawai Kerajaan yang tidak mampu tetapi dari segi kelayakannya katakan \$50,000, dia sudah pinjam katakan 5 tahun, saya ingat sampai ke tahap tertentu dia boleh dibenarkan pinjam balik jumlah yang dia sudah bayar kepada Kerajaan. Dengan itu dia boleh mungkin membesarkan rumah dan sebagainya. Kalau tidak polisi Kerajaan tak selaras. Kita cadang supaya orang beranak banyak supaya penduduk bertambah tetapi rumah kita biarkan, tahan peruntukan. Mungkin selepas lima tahun dia sudah beranak tiga orang. Jadi, hendak dibubuh di mana budak-budak ini? Jadinya, supaya dibuat sesuatu hendak dipastikan supaya tempat kediamannya juga besar. Contohnya selepas 5 tahun dibenarkan pinjam semula daripada jumlah yang dia telah bayar balik kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, ini penting dan saya setuju, tadi DAP datang berbisik kepada saya kerana tiada peluang bercakap, sebab saya yang terakhir, dia kata Ahli Parlimen bagi pinjam \$60,000 sahaja. Kami ini memanglah orang bersama rakyat dan sebagainya. Kalau hendak bagi \$60,000 itu untuk perhiasan, saya fikir tak payah bagi langsung, kita pun tak hendak pinjam, senang cerita. Kalau hendak beri, berilah dengan berpatutan. Kemudahan-kemudahan Ahli Parlimen diberi setaraf dengan Superscale F tetapi mengenai pinjaman diberi setaraf dengan Pegawai Kerani, Pegawai Kerani pun lebih iaitu \$75,000 tetapi Ahli Parlimen dapat pinjaman \$60,000. Mungkin Ahli Parlimen penggalnya pendek dan sebagainya, tetapi kita kena ingat pencen Ahli Parlimen tinggi, kalau sekiranya dia hendak lari pun pencennya boleh bayar balik. Jadi, Menteri

Kewangan dan Timbalan Menteri, beliau sendiri pun terlibat, dia pun terasa tetapi dia tak pernah buat cadangan di sini supaya Ahli Parlimen diberi pinjaman setaraf dengan kadar kemudahan, tak payah setaraf dengan pegawai Superscale F, F tinggi sangat, G pun cukup, jumlah kelayakan pinjaman Superscale G. Dengan itu, senangnya kita buat rumah yang selesa sedikit supaya kawan-kawan datang dan sebagainya.

Ini kita duduk buat di rumah murah, jadi orang datang ramai, Tuan Yang di-Pertua. Bukanlah kita malu apa tetapi tidak seronok hendak rai kawan-kawan. Jadi, kadang-kadang anak isteri terpaksa pindah tempat. Ini dari segi logik daripada jumlah pinjaman, kena pergi rumah emak kita dulu untuk hendak layan tetamu. Jadi tidak elok sangatlah. Jadi dengan itu diminta dinaikkan. Ini semua orang setuju, DAP setuju, 46 setuju; semua setuju. Kalau tidak setuju bangun kata tidak setuju. Mereka setuju. Dengan itu saya minta supaya dipertimbangkan.

Saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

*5.01 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Kerajaan menyambut baik semua cadangan-cadangan yang membina dan pihak Kementerian Kewangan akan memberi perhatian ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat***

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa menunaikan janji-janjinya kepada rakyat. Akan tetapi pihak Pembangkang sering tidak menerima pembangunan-pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi sentiasa membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Sebagai misalan, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap rakyat yang menghadapi masalah kerana rumah-rumah ter-bengkalai. Tuduhan-tuduhan ini adalah tidak berasas sama sekali. Sebagai misalan lagi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga telah menuduh bahawa Kerajaan tidak menunaikan janji-janjinya untuk mem-bekalkan bekalan elektrik di Kampung Baru Manchis sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang kedua kalau saya tidak silap Ahli Yang Berhormat berkenaan membuat tuduhan-tuduhan yang sama dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bekalan elektrik di Kampung Baru Manchis sudahpun siap dipasang pada November 1988 iaitu sebelum pilihanraya kecil kawasan Bentong pada 13hb Mei, 1989. Pemasangan bekalan elektrik di kawasan Manchis termasuk kawasan Pelangai telah memakan perbelanjaan sebanyak \$970,000. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan meluangkan masa untuk melawat kawasan-kawasan yang disebutkan beliau tentu sudah tahu penduduk-penduduk di sana sudah lama menikmati bekalan elektrik. Mungkin Ahli Yang Berhormat berkenaan . . .

**Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Nanti saya habiskan dulu. Mungkin Ahli Yang Berhormat yang berkenaan hanya melawat kampung-kampung baru berkenaan hanya pada musim pilihanraya sahaja. Begitulah sikap pihak Pembangkang yang hanya melawat Kampung-kampung Baru menjelang pilihanraya sahaja. Saya berharaplah sikap negatif ini seharusnya dikikis sekiranya pihak Pembangkang ingin benar-benar mewakili rakyat jelata. Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah satu fitnah kerana kalau dia berkata bahawa bekalan elektrik dipasang pada tahun 1988. Apabila pilihanraya kecil diadakan pada tahun yang lepas kita menerima banyak aduan bahawa elektrik yang dipasang bukanlah dari Kerajaan tetapi dari pihak swasta dan ini pula setengah hari bukan 24 jam. Yang di sini yang saya ingin timbulkan ialah mengapa sehingga setakat ini pihak Kerajaan gagal membekalkan api kepada Kampung Baru di Manchis. Dan saya rasa . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lari daripada kenyataan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi bahawa bekalan elektrik telah dipasang kepada Kampung Baru Manchis. Kemungkinan Ahli Yang Berhormat telah melawat kampung yang lain, tetapi tidak tahulah; tetapi di dalam negara kita ini kita tidak menafikan . . .

**Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan keriau dari tempat . . .

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tidak apa itu mentality "budak susu" tidak apa, macam bapanya. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Dato' Loke Yuen Yow:** Duduk! duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat nanti sekejap. Yang Berhormat hendak minta apa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi yang dia cakap, adakah itu parliamentary atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia cakap "budak susu". (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** "Budak susu"!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, parliamentary atau tidak. Kalau tidak parliamentary saya akan berikan gelaran yang sama kepada dia. Tetapi saya tidak mahu jatuhkan standard yang sama kepada dia. Saya minta satu ruling adakah itu parliamentary atau tidak.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Minta bapa dialah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kata apa tadi saya pun tidak berapa dengar. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata apa tadi?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semalam bapa Ahli Yang Berhormat berkenaan iaitu Ketua Pembangkang merujuk saya sebagai "budak". Sedangkan saya lebih tua daripada anaknya, jadi dia "budak

susu"lah. Jadi kalau term ini unparliamentary, bapa dia pun kena tarik balik. Itu sahajalah. Kalau saya tarik balik, bapa dia kena tarik balik. Apa perbezaan "budak" ataupun "budak susu"? "Budak susu" itu lebih kecil.

**Tuan Lim Guan Eng:** Belum jadi Speaker lagi, jangan berlagak seperti Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sudahlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya minta satu ruling . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, benda ini . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya hendak minta satu ruling, kalau ini dibenarkan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita boleh benarkan perkara semacam itu, kerana selalunya percakapan-percakapan perkataan yang dituturkan dalam Parlimen ini berbagai-bagai lagi lebih daripada itu. Itupun orang tidak kacau apa-apa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu saya rasa . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri "bayi"lah. Seorang bayi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, bayi pun bayilah, sila. (*Ketawa*)

**Dato' Loke Yuen Yow:** Itu mentality "budak susu" tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Ya, terima kasih. Saya tidak ingin terus lawan

dengan Ahli Yang Berhormat yang apa yang saya katakan tadi . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Saya tidak ulangi apa yang saya katakan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Jadi saya tidak ingin . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Penakut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka sudahlah, apa kata takut pula itu. Kalau hendak berlawan saya boleh aturkan. (*Ketawa*) Kita buat ring bagi siapa-siapa melawan . . .

**Dato' Loke Yuen Yow:** Ya, itu sikap Pembangkang. Apa ini? Macam "monyet kena belacan".

**Tuan Lim Guan Eng:** Seperti "mulut tempayan". (*Ketawa*)

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin meneruskan ucapan saya. Saya tidak ingin menjawab apa yang Ahli Yang Berhormat tadi tanya oleh kerana saya telah jawab. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam yang terlibat dalam projek terbengkalai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semalam yang dikatakan bahawa mereka dikenakan faedah dan juga perlu membayar sewa rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sikap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam yang membangkitkan masalah ini telah menunjukkan bahawa mentality Ahli Yang Berhormat. Beliau berucap seolah-olah beliau adalah seorang yang terpandai sekali di dalam dunia. Kerajaan kita ini tidak langsung tidak buat ini,

langsung tidak buat itu. Jadi inilah satu sikap yang tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan Barisan Nasional telah menunjukkan bahawa Kerajaan kita ini adalah Kerajaan yang benar-benar membela rakyat. Tetapi kadangkala oleh kerana Kerajaan bukanlah satu organisasi yang kecil tetapi satu organisasi yang besar, yang bertanggungjawab, apabila sesuatu masalah timbul Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan serta-merta. Kerajaan ingin mengkaji dengan mendalam beberapa tindakan ataupun kaedah ataupun langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan dan juga ingin mengkaji implikasi langkah-langkah yang Kerajaan fikir akan jadi berkesan.

Di sini saya berharap Ahli Yang Berhormat apabila membangkitkan masalah ataupun memberi pandangan biarlah bersopan-santun sedikit. Di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat berkenaan, bahawa Bahagian Pinjaman Perumahan telah mengkaji dengan mendalamnya beberapa lama, beberapa bulan dahulu dan telah membuat keputusan bahawa akan memberi khidmat bantuan am seperti berikut sebelum Ahli Yang Yang Berhormat membangkitkan masalah ini, sebelum Ahli Yang Berhormat berkenaan memahami ataupun mengetahui masalah ini, kita sudah membuat kajian seperti berikut untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka:

- (a) bagi kes di mana pinjaman perumahan diluluskan dan seterusnya projek tersebut telah terbengkalai, peminjam boleh memilih untuk meneruskan balik pinjaman perumahan itu di atas amaun pinjaman yang telah dikeluarkan sahaja. Ini bermakna bayaran balik bahagian pinjaman perumahan mereka dikurangkan dan ini dapat meringankan beban kewangan mereka;

- (b) peminjam-peminjam juga boleh memohon untuk menggunakan baki pinjaman perumahan yang belum dikeluarkan bagi pembelian sebuah rumah lain yang telah siap dibina agar mereka tidak lagi membayar sewa rumah di luar;
- (c) peminjam-peminjam juga boleh memilih untuk membatalkan pinjaman perumahan mereka dan sebaik sahaja semua baki hutang diselesaikan, arahan potongan gaji diberhentikan dengan serta merta. Selepas ini peminjam itu juga dibenarkan menggunakan semua kemudahan pinjaman perumahan untuk membeli sebuah rumah lain yang sesuai.

Di samping ini, Kerajaan telah membuat kenyataan bahawa satu Tabung telah ditubuhkan dan wang sebanyak \$300 juta telah diberikan kepada Tabung ini supaya digunakan untuk menghidupkan balik beberapa projek perumahan yang terbengkalai. Ini adalah penting juga bahawa dengan berbuat demikian, projek-projek yang terbengkalai akan dihidupkan balik dan ini bukan sahaja memberi faedah kepada pemaju-pemaju tetapi juga kepada pihak-pihak pembeli rumah-rumah projek yang terbengkalai itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga yang mengatakan bahawa . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Minta baik-baik kali ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau hendak beri, berilah, tujukan kepada Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau saya dengar betul-betullah, saya hendak pastikan, sama ada pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengecualikan peminjam-peminjam yang membeli rumah yang terbengkalai iaitu kakitangan Kerajaan daripada membayar faedah. Ini adalah satu daripada dua soalan yang saya tanya semalam dan hari ini. Adakah pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengecualikan kakitangan Kerajaan daripada membayar faedah, kalau rumah yang mereka beli itu telah terbengkalai?

Kedua, kalau pihak Kerajaan masih belum membuat keputusan sebegini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilakah keputusan sebegini akan dibuat dan bila akan dilaksanakan? Harap tidak selepas pilihanraya besar, masa itu tidak mungkin akan terjadi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan faedah yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli rumah projek-projek yang terbengkalai. Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, adalah dianggap langkah-langkah yang sama berkesan untuk mengurangkan beban kewangan pembeli-pembeli yang berkenaan. Itulah jawapan saya. Bilakah faedah ini dapat dihapuskan, saya tidak dapat menjawabnya oleh kerana Kerajaan ini bukanlah Kerajaan saya, ini adalah Kerajaan Barisan Nasional. Kita kenalah pertimbangkan cadangan ini di Kementerian dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai pembayaran yang dibuat lewat, beliau mencadangkan bahawa Kerajaan menambah kakitangan dan juga

melanjutkan tempoh kepada sebulan, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan telahpun diambil terhadap mengatasi masalah pembayaran-pembayaran yang dibuat lewat adalah seperti berikut:

Satu, kakitangan seramai 103 orang itu telah ditambah dan telahpun diluluskan oleh Kerajaan dan juga tindakan sedang diambil untuk mengkomputerisekan operasi di Bahagian Pinjaman Perumahan dan juga tindakan-tindakan lain sedang diambil untuk mempercepatkan pembayaran. Masalah ini tidak akan menjadi masalah pada masa akan datang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Duduklah budak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Disampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka, jangan bercakap. Yang Berhormat Kota Melaka, dia tidak beri jalan, duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Disampuk*)

**Dato' Loke Yuen Yow:** Macam sikap bapanya juga. Susah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Macam monyet kena belacan, tidak boleh tidur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat di antara kedua-dua ini, saya tidak boleh benarkan macam ini. Kalau Yang Berhormat kacau lagi, saya akan minta Yang Berhormat keluar. Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jangan usik dia.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Ya. Dia usik saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai minta supaya kakitangan Majlis Tempatan hendaklah diberi pinjaman dan juga pinjaman kepada Ahli Dewan Rakyat dinaikkan lagi daripada \$60,000.

Mengenai permintaan ini, saya di sini ingin mengatakan bahawa pindaan yang dicadangkan akan membolehkan Kerajaan memberi pinjaman kepada kakitangan Majlis Tempatan juga dan had pinjaman akan dikaji untuk Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara dari masa ke semasa dan bergantung kepada sumber kewangan yang ada dan bergantung kepada keadaan ekonomi negara kita ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Duduk, jangan minta lagi. Saya tidak bagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah tidak bagi lagi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan meminda Akta ini untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen mendapatkan pinjaman perumahan seolah-olah ini adalah untuk menolong Ahli-ahli Parlimen sahaja khasnya menjelang pilihanraya umum yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan dalam ucapan saya semalam bahawa Ahli-ahli Parlimen telahpun menikmati pinjaman perumahan sejak 1hb Julai, 1980. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul. Pindaan ini hanya untuk membetulkan keadaan itu selaras dengan Akta ini.

Berkenaan dengan isu sama ada Kerajaan mengenakan interest ke atas pinjaman-pinjaman yang diberi, ingin saya menjelaskan bahawa, sepertimana yang saya telah jelaskan tadi, pada anggapan Kerajaan, bayaran ini adalah merupakan bayaran-bayaran perkhidmatan sebab ini tidak membebankan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai juga membangkitkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak meliputi anggota-anggota Polis dan Tentera dan minta kalau bolehlah Rang Undang-undang ini seharusnya meliputi anggota-anggota Polis dan Tentera. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anggota-anggota Polis dan Tentera termasuk perkhidmatan awam yang tersebut dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu Seksyen 5 (1) (a) yang dicadangkan telah meliputi mereka juga.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada hujah-hujah yang telah diberi . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Simunjan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan yang saya pohonkan ialah mengenai pinjaman diberikan kepada pemohon daripada Sarawak yang hendak membeli tanah native—tanah native ini tanah yang bukan mid-zone. Di Sarawak itu ada banyak jenis tanahnya. Dengan

tanah mid-zone ini memang tidak ada soallah, tetapi tanah native ini adalah dipunyai oleh bumiputera sahaja, yang lain tidak boleh. Jadi bagaimanakah kedudukan sekarang? Adakah Kerajaan sekarang memberi pinjaman kepada pemohon yang hendak membeli tanah native dan juga membuat rumah di kawasan yang tersebut. Jadi, itu pertanyaan saya kerana kadang-kadang didapati bahawa ini belum diselesaikan. Jadi, sama ada ia sudah diselesaikan ataupun belum? Kalau belum, saya bertanya sama ada pihak Kementerian akan menimbangkan perkara ini supaya membenarkan pihak yang memohon itu membeli tanah native di mana ia akan membuat rumah di masa mereka mendapat pinjaman nanti.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dan mengaku bahawa ini adalah satu masalah yang sangat-sangat teknikal dan Kementerian Kewangan sedang membuat kajian dan belum membuat keputusan lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab hujah-hujah yang penting yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang saya tidak dapat menjawab, saya harap jawapan akan diberikan secara bertulis dan juga perhatian akan diberikan atas hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.26 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963. Pada masa ini, Lembaga pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963. Sejak pelaksanaan Akta tersebut pada tahun 1963, tidak banyak pindaan dilakukan. Kementerian Pengangkutan dan pihak-pihak Pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa sekarang dan juga untuk kelicinan pentadbirannya.

Setelah menyemak keseluruhan seksyen-seksyen di dalam Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963,

antara pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Perenggan (*u*) dalam Subseksyen (2), Seksyen 3 yang memberi Lembaga kuasa untuk meminjam wang dipindahkan ke Seksyen baru 8A oleh kerana Seksyen 3 pada keseluruhannya tidak ada kaitan dengan kuasa meminjam wang.
- (b) Peruntukan Seksyen baru 3B bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri Pengangkutan menjalankan fungsi tambahan berhubung dengan aktiviti Pelabuhan seperti mentadbir pelabuhan kering dan sebagainya.
- (c) Subseksyen 1 (*b*) dan Subseksyen (3) dalam Seksyen 9 memerlukan akaun Lembaga diaudit oleh pengaudit yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan dibatalkan oleh kerana akaun dan audit Pelabuhan-pelabuhan dengan automatik tertakluk kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.
- (d) Peruntukan seksyen baru 29CA membolehkan Lembaga memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemaliman untuk melesenkan mana-mana pekerja pengendali berlesen memalim vesel dalam daerah pemalimannya. Pengendalian berlesen telahpun ditakrifkan di dalam Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) 1990, iaitu mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan mengendali operasi pelabuhan di bawah rancangan penswastaaan pelabuhan. Dengan pindaan ini, perkhidmatan pemaliman bolehlah diswastakan kerana Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) 1990

- tidak meliputi perkara-perkara berkaitan pemaliman.
- (e) Peruntukan seksyen baru 29CB membolehkan Lembaga memberi kebenaran kepada seseorang untuk memalim vesel melalui kawasan pemalimannya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tertentu.
- (f) Pindaan kepada Seksyen 29D, 29I dan 29J adalah bertujuan memperluaskan kuasa Jawatan-kuasa pemaliman mengadakan peperiksaan mengeluarkan, menggantung, membatalkan lesen dan mengadakan penyiasatan ke atas kelakuan bukan sahaja malim-malim pelabuhan, tetapi juga orang-orang yang dilesenkan di bawah Seksyen 29CA atau yang diberi kebenaran di bawah Seksyen 29CB.
- (g) Pindaan kepada Subseksyen (2) Seksyen 29-O bertujuan menaikkan kadar denda maksima dari \$2,000 ke \$5,000 untuk kegagalan mematuhi Undang-undang Kecil Pemaliman Pelabuhan.
- (h) Pindaan kepada Seksyen 31 bertujuan menaikkan denda maksima dari jumlah \$500 ke \$2,000 ke atas pengguna-pengguna pelabuhan yang cuba mengelak membayar caj pelabuhan. Kenaikan ini perlu memandangkan jumlah yang dikenakan sekarang telah dibuat dalam tahun 1963 dan adalah tidak sesuai lagi.
- (i) Pindaan kepada subseksyen (2) dan subseksyen (4) seksyen 32 juga bertujuan menaikkan denda maksima dari \$500 ke \$2000, jika ampunya kapal master atau agen kapal gagal mengemukakan senarai kargo kargo yang diimport atau dieksport melalui lembaga pelabuhan.
- (j) Peruntukan seksyen baru 34A bertujuan memberi kuasa kepada lembaga mengenakan denda kepada sesiapa yang melanggar perintah atau arahan dalam mana-mana juga kawasan pelabuhan. Peruntukan yang sedia ada sekarang meliputi kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam kawasan dermaga sahaja. Pindaan ini membolehkan denda dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang dibuat di dalam seluruh kawasan pelabuhan.
- (k) Pindaan kepada subseksyen (2) seksyen 35 bertujuan menaikkan jumlah denda maksima dari \$1,000 ke \$2,000. Denda ini dikenakan ke atas master kapal atau tuannya kapal yang gagal mengadakan kapal dalam keadaan sempurna semasa berlabuh di dermaga bagi membolehkan kapal dipindah ke tempat lain, jika perlu, atas arahan pegawai dermaga.
- (l) Pindaan kepada seksyen 35A dibuat oleh kerana denda yang dikenakan pada tahun 1963 tidak sesuai sekarang. Peruntukan ini juga diperluaskan untuk memasuki malim-malim yang dilesenkan di bawah seksyen 29CA dan orang-orang yang dibenarkan di bawah seksyen 29CB.
- (m) Pindaan kepada seksyen 35B bertujuan memasuki malim-malim lain selain dari malim pelabuhan yang bertindak menuntut atau menerima atau tindakan master, tuannya atau agen kapal menawar atau membayar mana-mana malim. Bayaran pemaliman yang lain dari yang ditetapkan oleh undang-undang akan dikenakan denda. Pindaan ini adalah bagi menaikkan denda maksima yang

- dikenakan dari jumlah \$100 kepada \$500.
- (n) Pindaan kepada Seksyen 35C bertujuan memperluaskan skop seksyen ini supaya dapat membawa ke dalam batasannya apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana malim.
- (o) Pindaan kepada seksyen 35D dibuat bagi membawa ke dalam batasannya malim-malim yang dilesenkan di bawah seksyen 29CA supaya juga didendakan apabila kecuaiannya semasa memalim kapal telah menyebabkan kapal rosak atau membahayakan nyawa.
- (p) Pindaan kepada seksyen 35E dibuat bagi membawa ke dalam batasannya malim-malim lain yang disebutkan dalam seksyen 29CA dan seksyen 29CB. Ianya juga bertujuan menambah denda daripada maksima \$1,000 kepada \$5,000. Ia selanjutnya memperuntukkan kepada mahkamah untuk membuat perintah ke atas nakhoda, pemunya atau agen kapal yang bersalah supaya membuat bayaran pemaliman kepada lembaga.
- (q) Pindaan kepada Seksyen 36 bertujuan menaikkan denda dari \$1,000 ke \$2,000 ke atas master kapal yang memberi maklumat palsu mengenai kedalaman dengan izin, depth air.
- (r) Pindaan kepada Seksyen 36A bertujuan menaikkan denda dari \$1,000 ke \$5,000 ke atas mana-mana orang yang membuat kenyataan palsu.
- (s) Peruntukan seksyen baru 37A adalah untuk membolehkan lembaga mendapatkan kembali perbelanjaan dan kos yang ditanggung olehnya, bagi mengganti atau membaiki kerosakan harta-benda yang disebabkan oleh keengganan atau kecuaiannya mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang diberi menurut undang-undang di bawah Akta ini.
- (t) Pindaan kepada seksyen 38 bertujuan menaikkan jumlah denda maksima dari \$500 ke \$1,000. Denda ini dikenakan ke atas mana-mana orang yang mengendalikan kargo melalui off-shore atau dermaga dengan tidak adanya kebenaran bertulis dari lembaga.
- (u) Peruntukan seksyen baru 39A adalah satu cara yang berkesan bagi mengawal perbuatan syarikat yang dilesenkan oleh lembaga.
- (v) Peruntukan seksyen baru 41B memberi kuasa kepada Pengurus Besar atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa olehnya untuk mengarah pemindahan kapal apabila berlakunya kebakaran. Buat masa ini, kuasa ini dijalankan oleh Shahbandar. Memandangkan bahawa semua kapal dalam kawasan Port limit, dengan izin, dalam pelabuhan adalah di bawah pengawasan lembaga, adalah lebih baik kuasa ini diberi kepada Lembaga Pelabuhan. Ia juga dapat melicinkan pentadbiran dalam keadaan sedemikian.
- (w) Peruntukan seksyen baru 46A memberi kuasa kepada Pengurus Besar Pelabuhan mengenakan kompaun ke atas beberapa kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini. Buat masa ini semua kesalahan di bawah Akta ini dibawa ke mahkamah. Terdapat denda, penalti yang boleh dikenakan dengan sertamerta untuk memastikan undang-undang dipatuhi. Seliaan daripada membawa tindakan

ke mahkamah, kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun akan ditentukan oleh Menteri Pengangkutan.

- (x) Pindaan kepada seksyen 59 bertujuan memperkenalkan satu takrif baru mengenai pengendalian berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan, 1963.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1990 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 9.30 malam dan lepas itu hendaklah dimulakan urusan Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat satu Usul yang dicadangkan Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu hendaklah dimulakan urusan Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu hendaklah dimulakan urusan Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1990

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kastam 1967, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang.

Secara amnya, pindaan-pindaan ini bertujuan untuk mengemaskini peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan juga untuk memasukkan beberapa perkara baru ke dalamnya bagi menyesaikannya dengan perkembangan semasa. Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

*Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan takrif perkataan-perkataan "duty free shop" dan "inland clearance depot" di bawah Akta Kastam 1967.

*Fasal 3* bertujuan untuk memastikan kelonggaran tentang penggunaan berbagai-bagai barang yang dibenarkan di bawah Seksyen 145 Akta tidak disalahgunakan.

*Fasal 4* bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Kastam untuk menentukan cara bayaran duti kastam yang dituntut daripada pengimport ataupun pengeksport supaya bayaran tersebut boleh dibuat dengan cara yang lebih mudah, terutamanya dalam hal di mana jumlah duti yang terlibat adalah besar.

*Fasal 5* bertujuan untuk membolehkan mana-mana barang import yang rosak semasa masih dalam kawalan kastam untuk diremitkan duti importnya. Peremitan ini wajar kerana barang-barang tersebut sebenarnya tidak boleh digunakan. Pada masa ini Akta Kastam 1967 menetapkan bahawa pendengaran kes-kes di bawahnya di Semenanjung Malaysia hanya boleh dibuat di Mahkamah Sesyen. Walau bagaimanapun, Akta Mahkamah Rendah 1948 telah dipinda di mana kes-kes ini telah juga dimasukkan di bawah bidangkuasa Majistret, sebagai langkah untuk mempercepatkan pendengaran kes-kes tersebut. Dengan itu maka Akta Kastam 1967 perlulah dipinda untuk menyelaraskan peruntukannya dengan Akta Mahkamah Rendah 1948. Pindaan-pindaan ini adalah seperti dalam fasal 6 dan Fasal 7 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 7 (a)* bertujuan untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan atas kesalahan mengenai kehilangan barang-barang yang disenaraikan dalam manifest daripada seratus ringgit kepada lima ratus ringgit dan *Fasal 7 (b)* bertujuan untuk menaikkan denda yang boleh dituntut atas barang-barang tersebut daripada had maksima sebanyak seribu ringgit kepada dua ribu ringgit. Kenaikan denda ini bertujuan untuk menambahkan kekesanan penalti ini sebagai pencegahan terhadap kesalahan tersebut. Atas sebab yang sama juga, *Fasal 18* bertujuan untuk menaikkan had maksima kompaun yang boleh dikenakan daripada dua ribu ringgit kepada lima ribu ringgit, dan *Fasal 19* pula menaikkan denda yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan am di bawah Akta Kastam 1967 daripada empat ribu ringgit kepada lima ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 8* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk meluluskan pelesenan kedai-kedai bebas cukai dan depot pelepasan di darat. *Fasal 9* bertujuan untuk memberi kuasa kepada

pegawai-pegawai Kastam untuk mengecualikan sesuatu barang import itu daripada keperluan pengudangan.

*Fasal 10 (a)* bertujuan untuk mengadakan had tempoh duti kastam mesti dijelaskan oleh pengimport atau agennya ke atas dagangan yang diikrarkan.

*Fasal 11* bertujuan untuk membolehkan pegawai-pegawai Kastam untuk mengenakan syarat ke atas wakil-wakil penghantaran supaya kegiatan mereka dapat dikawal.

*Fasal 12*, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk mengenakan kawalan yang lebih baik atas barang-barang yang diimport melalui jalan, di mana peruntukan fasal ini menyifatkan orang yang membawa barang tersebut sebagai pemilik yang akan bertanggungjawab sekiranya apa-apa kes berbangkit berkaitan dengannya.

*Fasal 13* bertujuan untuk memperluaskan skop tarik balik duti berkaitan bahan-bahan yang digunakan dalam pengilangan dengan membenarkan juga tarik balik duti untuk diberi ke atas bahan-bahan pembungkusan. Selain daripada itu prosedur tarik balik juga dipermudahkan dengan membenarkan bahan-bahan tersebut untuk diimport oleh seseorang melalui pihak lain, dan pergerakan bahan tersebut hanya perlu dikawal melalui rekod sahaja.

*Fasal 14*, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk membolehkan sesuatu barang dalam tahanan Kastam yang dianggap merbahaya untuk dijual ataupun dimusnahkan.

*Fasal 15 dan 16* bertujuan untuk membolehkan sesuatu jumlah wang yang telah diperolehi daripada penjualan barang-barang yang ditahan untuk dilucuthak. Berkaitan dengan perkara ini,

*Fasal 17* pula bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan untuk memulangkan semula wang yang di-

lucuthak itu kepada mana-mana pihak dalam hal-hal yang berpatutan.

*Fasal 18 (b)* bertujuan untuk membenarkan pegawai kanan Kastam untuk memulangkan apa-apa barang larangan yang disita sekiranya pengimport berkenaan kemudiannya mendapat lesen import atas barang tersebut.

*Fasal 20*, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk membolehkan Menteri Kewangan untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengawal kedai-kedai bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 20* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.49 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukkan bagi perlantikan dan fungsi Ketua Pengarah Bekalan Elektrik, pembekalan elektrik, pada harga yang munasabah, pelesenan, pemasangan elektrik dan pengawalan pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan keselamatan orang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1985 Kerajaan telah memutuskan bahawa beberapa agensi Kerajaan dikenalpasti untuk diswastakan berdasarkan objektif-objektif seperti berikut:

- (i) Mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (ii) Menggalakkan pertandingan bebas, meningkatkan kecukupan dan daya pengeluaran negara.
- (iii) Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara menerusi dasar penswastakan;
- (iv) Pengurangan saiz dan penglibatan sektor awam dalam bidang ekonomi;
- (v) Penswastakan dan peluang untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) selaras dengan dasar ini Lembaga

Letrik Negara telah dikenalpasti satu badan Kerajaan yang layak untuk diswastakan.

Berikutan dengan keputusan ini, satu kajian menyeluruh telah dijalankan mengenai kemungkinan penswastakan Lembaga Letrik Negara ini. Kesimpulannya didapati penswastakan LLN akan membawa faedah-faedah berikut:

- (i) Membolehkan LLN mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi;
- (ii) Kebebasan komersial LLN dapat dinikmati dengan cepat melalui penswastakan;
- (iii) Menghasilkan faedah ekonomi dan kewangan kepada Kerajaan.

Hasil dari kajian telah diteliti oleh Kerajaan dan Kerajaan bersetuju supaya LLN diswastakan secara keseluruhannya di mana semua fungsi-fungsi utama iaitu penjanaan, penghantaran dan pengagihan tidak dipecah-pecahkan supaya sebagai langkah pertama LLN di perbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 seperti Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Bahawa setelah LLN dikendalikan sebagai sebuah syarikat, pertimbangan bolehlah diberi sama ada sebahagian ekuiti syarikat dipasarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun ditawarkan secara langsung kepada institusi-institusi Pemegang Amanah atau pelabur-pelabur terpilih supaya digubal sebuah Successor Company Act, dengan izin, untuk membolehkan pemindahan semua assets, tanggungan, pegawai dan kakitangan LLN kepada syarikat baru supaya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja LLN diberi tiga pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, bersara dari perkhidmatan LLN dengan dibayar faedah-faedah persaraan yang layak mereka terima atau berkhidmat di bawah

skim perkhidmatan serupa LLN atau berkhidmat di bawah Skim Perkhidmatan Syarikat supaya kawal selia perbekalan elektrik dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Akta baru bernama Akta Bekalan Elektrik digubal untuk menggantikan Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983.

*Rang Undang-undang Perbekalan Elektrik 1990—*

Pada masa ini LLN adalah sebuah Badan Berkanun dan pengendalinya adalah mengikut peruntukan Akta Elektrik 1949 apabila ia diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan kemudiannya diswastakan, adalah perlu Kerajaan mengadakan kawal selia yang efektif terhadap industri perbekalan elektrik kerana industri ini adalah berbentuk monopoli.

Pada masa ini terdapat sebuah badan iaitu Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik (JJPE) yang telah ditubuhkan di bawah Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 yang bertanggungjawab ke atas keselamatan pemasangan elektrik dan ke atas pengeluaran lesen kepada pelesen-pelesen swasta. Namun demikian, skop tanggungjawab dan fungsinya adalah terlalu sempit untuk mengawal selia seluruh industri bekalan elektrik, terutama sekali setelah LLN diswastakan.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bahawa sebuah Akta Bekalan Elektrik 1990 diwujudkan. Ia akan menggantikan Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dan Akta Bekalan Elektrik 1990 mengandungi peruntukan mengenai perlantikan dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah Perbekalan Elektrik, perlesenan utiliti-utiliti elektrik dan pemasangan-pemasangan elektrik, menjamin perbekalan elektrik yang bermutu dan dibekal dengan harga yang berpatutan, pengawasan ke atas pemasangan, penjana kuasa dan peralatan elektrik.

Akta ini memperuntukkan penubuhan sebuah badan kawalselia elektrik yang dikenali sebagai Jabatan Bekalan Elektrik Malaysia, dengan izin, JPEM yang akan mengawal seluruh industri perbekalan elektrik.

Peruntukan utama dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah fungsi, tugas dan kuasa Ketua Pengarah Bekalan Elektrik iaitu dalam Fasal 4. Peruntukan-peruntukan di bawah perkara ini bertujuan untuk menetapkan fungsi dan kuasa yang perlu diberikan kepada Ketua Pengarah Bekalan Elektrik bagi mengawasi keselamatan, pemasangan, memastikan bekalan dan pertumbuhan industri bekalan elektrik secara cekap dan teratur selaras dengan keperluan pengguna orang awam dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab pelesen untuk membekalkan elektrik iaitu Bahagian IV, setiap syarikat swasta yang dilesenkan membekal elektrik ditakrif sebagai pelesen adalah dipertanggungjawabkan untuk memberi bekalan elektrik kepada semua pengguna yang memohonnya dan keadaan di mana mereka boleh dikecualikan daripada tanggungjawab ini adalah dinyatakan dengan jelas demi melindungi kepentingan pengguna.

*Penentuan Kadar Tarif Elektrik—*

Pelesen-pelesen awam boleh mengemukakan cadangan mengenai kadar tarif elektrik dari masa ke semasa mengikut prosedur dan cara-cara yang ditetapkan. Namun demikian, keputusan muktamad mengenai kadar tarif adalah terletak kepada Menteri bertanggungjawab iaitu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dengan kebenaran Jemaah Menteri.

Lain-lain peruntukan iaitu peruntukan mengenai kawalan kompeten iaitu Bahagian V. Pemberitahuan kemalangan atau kebakaran iaitu Bahagian VII. Siasatan dan timbangtara iaitu Bahagian VIII. Kesalahan—Bahagian IX terdapat

dalam Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 sedia ada.

Perlu dijelaskan di sini bahawa apabila LLN diperbadankan sebagai sebuah syarikat, syarikat pengganti LLN akan diberi lesen melalui peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990 ini. Lesen ini akan membolehkan syarikat pengganti LLN berfungsi dan beroperasi membekal tenaga elektrik seperti yang dijalankan oleh LLN sekarang termasuk melaksanakan rancangan-rancangan bekalan elektrik luar bandar dan Dasar Tenaga Negara, Dasar Ekonomi Negara dan lain-lain.

Seterusnya izinkanlah saya di sini menjelaskan beberapa perkara faedah-faedah penswastaaan LLN. Faedah kepada Kerajaan dalam jangka panjang:

- (a) Kerajaan akan bebas daripada memberi jaminan pinjaman-pinjaman LLN;
- (b) Saiz jentera pentadbiran awam akan berkurangan;
- (c) Hasil kewangan bersih daripada pelaburan di Syarikat LLN;
- (d) LLN akan berfungsi di pasaran terbuka dan terdedah kepada saingan-saingan dan Kerajaan akan mendapat hasil dalam bentuk cukai input, cukai jualan dan koporat;
- (e) Membantu mencapai Dasar Ekonomi Baru.

(2) Faedah kepada pengguna:

- (a) perkhidmatan yang lebih cekap dan peka kepada keperluan pengguna;
- (b) kawalselia yang menjamin kepentingan pengguna dari segi mutu pembekalan dan keselamatan;
- (c) pertandingan bebas akan meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos;

(d) pengguna dapat membeli saham syarikat. Saham ini akan dijual kepada pengguna-pengguna sekarang.

(3) Faedah kepada kakitangan LLN:

- (a) kakitangan akan berpeluang untuk membeli saham syarikat. Ini akan memperkukuhkan lagi sense of belonging, dengan izin, kepada syarikat;
- (b) kakitangan akan menikmati pengurusan dan pentadbiran ala swasta serta kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pihak pekerja swasta.

(4) Faedah kepada LLN:

- (a) tidak akan menghadapi kawalan birokratik;
- (b) pendedahan kepada kuasa pasaran akan meningkatkan produktiviti;
- (c) membolehkan LLN mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi;
- (d) pendedahan kepada kepakaran dan teknologi baru;
- (e) kebebasan komersial LLN dapat dinikmati dengan cepat ekuiti syarikat.

Pada mulanya Kerajaan akan memegang 100% saham Syarikat Pengganti LLN. Memandangkan nilai bersih LLN sekarang adalah dalam lingkungan \$5 bilion atau \$5,000 juta penswastaaan ekuiti syarikat akan dibuat berperingkat-peringkat secara berhati-hati supaya membawa faedah yang baik kepada Kerajaan, LLN dan rakyat serta menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Dalam membuat keputusan untuk menawarkan saham, Kerajaan akan mengambil kira kepentingan pekerja-pekerja Syarikat Pengganti LLN,

pengguna, orang awam serta institusi-institusi tempatan, pemegang amanah atau pelabur-pelabur terpilih.

Kepentingan kakitangan. Semua pegawai-pegawai dan staf LLN yang berjumlah lebih kurang 24,300 orang, kecuali mereka yang ditawarkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi menjalankan tugas kawalselia, akan berpindah kepada perkhidmatan syarikat dalam penswastasaan LLN. Kerajaan akan menentukan supaya kepentingan kakitangan tidak diabaikan. Kerajaan akan menentukan bahawa terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan staf yang berpindah ke perkhidmatan syarikat nanti adalah tidak kurang baik dari apa yang mereka nikmati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin penswastasaan LLN akan membawa banyak faedah dan kebaikan kepada semua, iaitu Kerajaan, pengguna, orang awam, kakitangan dan industri bekalan elektrik keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

6.05 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri sebelum ini menjadi seorang jaguh untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Kerjaraya dengan beliau melibatkan diri di dalam usaha untuk menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan, jadi jaguh untuk menswastakan kemudahan-kemudahan Kerajaan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di mana Yang Berhormat berucap di bawah kepala apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu sebagai mukadimah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, mukadimah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dan sekarang Yang Berhormat Menteri menjadi seorang wira untuk menswastakan kemudahan-kemudahan di dalam Kementerian yang baru, Telekomunikasi, Tenaga dan Pos. Nampaknya sekarang dia lebih matang, lebih mahir di dalam hal-hal untuk menswastakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik, kerana nampaknya dia menyenaraikan begitu banyak faedah untuk rakyat dan untuk Kerajaan. Pada mulanya dia kata boleh kurangkan perbelanjaan Kerajaan, tetapi nampaknya kenyataannya pada bulan April lalu dia kata dia tidak akan kurangkan perbelanjaan untuk bekalan elektrik, Kerajaan akan membelanjakan \$10 bilion, bukan untuk \$5 bilion, tidak akan dikurangkan langsung, ini tetap \$10 bilion. Sekarang dia kata dengan di-swastakan dia boleh kurangkan lagi. Jadi saya kurang faham bagaimana dia dapat kurangkan sekarang. Pada bulan April sahaja, dua setengah bulan yang lalu dia kata tidak akan kurangkan, \$10 bilion tetap \$10 bilion. Itulah cara untuk menswastakannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneliti Fasal-fasal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sukalah saya membangkitkan di sini bahawa baiknya penswastakan bekalan elektrik yang menjadi satu monopoli itu tidak sepatutnya diperpolitikkan, sama ada dari segi tender ataupun kemudahan-kemudahan yang lain tidak seharusnya berlaku perkara seperti yang berlaku Lebuhraya Utara-Selatan di mana ini semata-mata diperpolitikkan dan juga dijadikan syarikat, seperti syarikat untuk

UMNO Baru sahaja. Saya tak tahu sama ada dengan adanya penswastaaan di perkhidmatan bekalan elektrik ini sama ada MIC pun masuk serta di dalam usaha untuk menswastakannya.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang hendak saya tekankan di sini kerana kita sedia maklum pihak Badan Pencegah Rasuah sedang menyiasat satu penyelewengan yang berlaku di satu kilang di Paka, Terengganu yang merupakan satu jana elektrik, bekalan elektrik yang terbesar di negara ini di mana ada satu siasatan oleh pihak BPR untuk memastikan sama ada berlaku rasuah dan penyelewengan yang besar yang melibatkan wang yang banyak oleh kilang di Paka dan perkara ini belum lagi dijelaskan ataupun dikomen oleh Yang Berhormat sejak siasatan ini berlaku pada awal bulan ini. Sama ada dengan penswastaaan ini perkara-perkara seperti yang dilaporkan tersebut dapat dikawal, dapat dibasmi-kan, belum tentu lagi. Walau bagaimanapun, jikalau usaha penswastaaan bekalan elektrik ini diperpolitikkan dan tidak boleh menjaga cogankata yang sentiasa ditekankan oleh Kerajaan, iaitu Bersih, Cekap dan Amanah, maka penyelewengan seperti yang telah saya sebutkan tadi akan berterusan sama ada dia diswas-takan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain Rang Undang-undang tersebut bertujuan melantik dan menggariskan fungsi tugas tanggungjawab Ketua Pengarah, pegawai-pegawainya dan pemegang lesen, termasuk pembekalan elektrik pada harga yang munasabah. Selaras dengan tindakan Kerajaan menswastaa-kan penjanakuasaan dan pembekalan elektrik iaitu memperbadankan LLN menjadi TEN (Tenaga Elektrik Nasional).

Bekalan elektrik ialah satu keperluan asas dalam masyarakat moden. Maka kita harus mengesyorkan kepentingan pengguna terpelihara sepenuh-

penuhnya. Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya adalah dilantik Kerajaan. Mereka mempunyai bidang-kuasa, fungsi dan tugas yang lebih luas jika berbanding dengan fungsi dan bidang tugas yang sedia ada. Sebaik-baiknya dalam perkara-perkara di mana kepentingan pengguna terlibat iaitu penetapan harga pembekalan elektrik dan pemilihan pemegang lesen untuk membekalkan tenaga harus diputuskan bersama-sama dengan anggota-anggota awam yang berkelayakan, berintegriti dan benar-benar bebas daripada pengaruh Kerajaan mahupun pemegang lesen. Maka kami mengesyorkan Jawatankuasa Khas ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah untuk berbicaraan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat semasa berucap tadi tidak sebutkan bagaimana Jawatankuasa yang sedia ada, bagaimana tugas Ketua Pengarah dapat memberi perkhidmatan supaya kepentingan pengguna dapat dipelihara. Saya berharap ia dapat menjelaskan lebih lanjut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana faktor ini amat penting, lebih-lebih lagi bila kes-kes jenayah kolar putih kian meningkat, termasuk di dalam pentad-biran Kerajaan, misalnya, mengikut laporan akhbar sepertimana yang tersebut tadi, kes-kes rasuah telah timbul. Oleh itu Kerajaan tidak boleh diharapkan seratus peratus untuk menjaga kepentingan rakyat terutama sekali bila proses keputusan-keputusan harga elektrik dan pemilihan pemegang lesen berlangsung dan akhirnya ditetapkan adalah rahsia. Sebarang penyelewengan atau kegagalan di pihak Kerajaan sama ada sengaja atau tidak disedarinya untuk melindungi kepentingan pengguna dalam hal pembekalan elektrik mempunyai kesan yang meluas, mendalam dan secara langsung terhadap semua rakyat khususnya mereka yang berpen-dapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak memperuntukkan secara terus-terang sama ada Ketua Pengarah berkuasa untuk mengesyorkan kawasan-kawasan luarbandar akan terus menikmati faedah berkenaan bayaran pemasangan bekalan yang lebih rendah daripada kadar biasa sepertimana yang disediakan oleh Kerajaan sekarang, lower capital changes on installation of electricity supply. Ini adalah satu perkara yang sangat-sangat penting dan Yang Berhormat pun sedia maklum kerana sentiasa tekanan begitu penting bekalan elektrik bagi pekerja-pekerja estet. Dengan harga yang tinggi maka banyak estet tidak mampu untuk memasangkan atau mengadakan bekalan elektrik kepada pekerja-pekerja di estet. Dan perkara ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia yang bukan sahaja membangkitkan hal ini, bahkan juga hal GSP menjadi seorang yang memainkan "pat guli pat" di dalam hal ini. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi perhatian yang penuh bagaimana, dengan izin, lower capital changes on installation of electricity supply dapat dipastikan supaya kita dapat memberi bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan yang mundur, kawasan-kawasan pendalaman termasuk estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Rang Undang-undang tersebut tidak ada usaha ketara untuk membantu pekerja ladang memperolehi pertimbangan yang sama. Kenaan bayaran pemasangan LLN yang tinggi ialah satu-satunya faktor mengapa majikan tidak berupaya atau enggan menyediakan bekalan elektrik kepada pekerja-pekerjanya. Malahan, Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 juga ini akan dibentangkan. Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan, tetapi ia juga tidak memperuntukkan bekalan elektrik sebagai salah satu kemudahan

yang mesti dikekalkan oleh majikan. Majikan boleh memohon untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas sekali usaha Kerajaan yang kononnya membantu mempertingkatkan taraf hidup rakyat khususnya mereka yang miskin tidak begitu ikhlas dan seolah-olah memperolok-olokkan mereka. Kenyataan ini menjadi lebih mendesak untuk mengesyorkan keanggotaan orang awam yang berkaliber dan benar-benar bebas dalam struktur baru badan penguatkuasaan bekalan elektrik negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti bagaimana kawalselia yang lebih efektif dapat diadakan dengan Rang Undang-undang ini kerana kenyataan Yang Berhormat tadi tidak begitu jelas bagaimana dia dapat memperkuatkan, mempertingkatkan kawalselia ini.

Satu lagi perkara iaitu mengenai saham-saham yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah ia dibahagikan kepada orang ramai dan bagaimana dibahagikan kepada pihak Kerajaan dan pihak syarikat. Kerana kalau ada satu monopoli, saya tidak nampak bagaimana pihak orang awam dapat menyertai usaha penswastan bekalan elektrik ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*6.18 ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apa telah terjadi kepada janjinya untuk menurunkan kadar tarif untuk pengguna-pengguna bukan sahaja

di Semenanjung Malaysia tetapi juga di negeri Sarawak dan Sabah. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri pernah berkata bahawa Lembaga Letrik Negeri Sabah dan Sarawak bukan di bawah bidangkuasanya, tetapi selepas penswastasaan sebegini, adakah ini bermakna bahawa pihak Kementerian akan mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik di negeri Sabah dan Sarawak, kerana yang diswastakan hanya untuk Semenanjung Malaysia sahaja.

Sepertimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum, kadar tarif elektrik untuk negeri Sabah dan Sarawak adalah sangat tinggi kalau berbanding dengan kadar tarif yang dikenakan di Semenanjung Malaysia yang menjadikan satu isu ketidakpuasan hati rakyat negeri Sabah dan Sarawak.

Saya meminta bahawa sekurang-kurangnya, kalau boleh, Syarikat TEN iaitu nama baru syarikat ini, membantu menyasat apakah masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik di negeri Sabah dan Sarawak. Sungguhpun mungkin mereka tidak termasuk dalam bidang Syarikat TEN ini, tetapi saya rasa sebagai satu "conglomerate" atau syarikat untuk rakyat Malaysia, rakyat di negeri Sabah dan Sarawak juga berhak menikmati faedah-faedah yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk kepada satu laporan yang dibuat oleh satu badan ekonomi bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa yang mengatakan bahawa pada tahun 1993 infrastruktur negara Malaysia akan berkurangan dan tidak memadai untuk menampung permintaan dari bukan sahaja para pengguna tetapi juga peniaga-peniaga terutamanya pelabur-pelabur dari negara asing. Perkara ini juga telah ditimbulkan di dalam suratkhbar oleh Ketua Menteri Melaka, Menteri Besar Negeri Sembilan dan

Menteri Besar Selangor, di mana mereka telah meminta pihak Kerajaan mengambil langkah tegas untuk memastikan pada tahun 1993 dan selepasnya pembekalan dapat menampung permintaan supaya ekonomi negara kita dapat lebih maju dan terus berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak bertanya apakah cadangan yang akan dibawa oleh beliau atau Syarikat TEN itu supaya permintaan tenaga menjelang abad 21 boleh diatasi, oleh kerana terdapat begitu banyak kejadian gangguan bekalan elektrik di negara Malaysia ini, yang saya rasa berlaku di seluruh pelusuk negara, bukan sahaja di Kuala Lumpur seperti yang pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi juga di negeri Melaka di mana di kawasan saya sendiri seringkali terdapat gangguan bekalan elektrik.

Saya ingin memberikan satu contoh di kawasan pilihanraya saya di kawasan Kampung Alai di mana dalam masa satu bulan terdapat sehingga 8-10 kali bekalan elektrik terputus dan ini merupakan suatu masalah kepada pengguna-pengguna terutama sekali kepada para peniaga kecil di kawasan saya. Kerana apabila bekalan elektrik terputus, maklum sahajalah, mereka tidak boleh berniaga dan tentulah pada malam itu hasil pungutan mereka terjejas. Saya pun telah menerima banyak rungutan terutama sekali pada musim bola sepak sekarang apabila bekalan elektrik terputus, sebagai seorang Wakil Rakyat di kawasan saya, maka saya telah menerima banyak aduan kerana mereka yang berminat tak dapat peluang menonton siaran langsung pertandingan bola sepak Piala Dunia.

Sungguhpun perkara ini mungkin bukan satu perkara yang besar, tetapi oleh kerana kerap kali sangat bekalan elektrik terputus dan ini bukan sahaja sudah menjadi perkara biasa tetapi sudah menjadi satu perkara yang besar yang harus diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Saya juga telah menghubungi pihak LLN Negeri Melaka, mereka telah memberitahu saya bahawa masalahnya ialah oleh kerana underground cables, kabel-kabel di bawah tanah yang ter-sangat tua dan perlu diganti. Tetapi sungguhpun kerja-kerja menggantinya telah dibuat seperti yang dijanjikan oleh mereka yang mana mereka akan siap dalam tempoh satu bulan, kejadian gangguan bekalan elektrik terputus masih berlaku di negeri Melaka.

Secara amnya, dalam usaha menarik pelabur dari luar negeri, Kerajaan telah membina kilang-kilang dan menubuhkan beberapa tapak perindustrian, maka gangguan bekalan elektrik sebegini, saya rasa akan menjejaskan usaha untuk menarik pelabur-pelabur asing. Saya berharaplah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian tentang masalah yang dihadapi oleh negeri Melaka. Sungguhpun negeri Melaka sebuah negeri yang kedua kecil di Malaysia, tetapi sebagai sebuah negeri yang bersejarah yang tidak mempunyai bahan-bahan mentah dan sumber-sumber semula jadi, adalah sangat bergantung kepada perindustrian pelancong dan juga kilang-kilang pembuatan, dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik adalah sangat mustahak.

Saya rasa kalau selalu berlaku bekalan elektrik terganggu atau terputus, pelancong-pelancong dari luar negeri mungkin tidak berminat untuk datang ke negeri Melaka. Oleh itu saya berharap perhatian yang sewajarnya boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya juga hendak bertanya apakah cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormt Menteri kepada kakitangan-kakitangan LLN yang akan menjadi kakitangan bakal Syarikat TEN. Tadi apabila Yang Berhormat Menteri memberikan ucapannya, saya tidak berada di Dewan ini tetapi saya harap di dalam ucapannya Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan

bahawa kakitangan LLN akan diberikan secara percuma 5% saham daripada Syarikat TEN ini seperti yang pernah dinyatakan dalam suratkabar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sekarang berada di dalam Dewan ini, yang dilaporkan dalam suratkhabar The STAR bertarikh 15hb Jun, 1990. Sungguhpun beliau menafikan, tetapi saya berharap bahawa pihak Kerajaan bolehlah menimbangkan perkara ini sebagai satu usaha atau mengakui sumbangan mereka untuk membekalkan elektrik di negara kita.

Di sini saya berharap kebajikan mereka bolehlah dibela kerana dengan penswastaaan itu kelak, kita mendapat aduan-aduan daripada badan-badan kesatuan sekerja bahawa hak-hak kakitangan LLN akan terjejas.

Dan yang saya hendak bertanya apakah jaminan, apakah masa depan pekerja-pekerja mereka? Kalaulah kakitangan-kakitangan LLN boleh diberi secara percuma saham-saham dalam syarikat TEN ini, saya rasa ini akan menggalakkan mereka bekerja dengan lebih rajin lagi dalam syarikat tersebut dan juga kerana mereka berpeluang mendapat sebahagian daripada keuntungan yang boleh diperolehi oleh syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau mempunyai kuasa dalam syarikat swasta yang baru akan ditubuhkan ini untuk menolak sebarang permintaan atau menolak sebarang cadangan untuk menaikkan kadar tariff. Kerana saya masih ingat apabila Yang Berhormat Menteri menswastakan STM, semasa STM diswastakan terdapat banyak janji dan jaminan yang diberikan oleh pihak Kerajaan bahawa perkhidmatan akan diperbaiki. Tetapi kenyataan adalah lain daripada apa yang dijanjikan. Ini terbukti apabila kita cuba hendak membuat panggilan ke negeri Sabah. Seringkali apabila kita menggunakan STD tidak

boleh dapat. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri pun menghadapi masalah yang sama. Kalau tidak, mungkin dia ada hot-line sendiri, special.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tetapi ini adalah satu masalah yang seringkali dihadapi oleh pengguna-pengguna STM di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah. Tidak boleh memanggil terus melalui STM dari negeri Sabah atau ke negeri Sabah dan ini saya rasa tidak berlaku sebelum STM diswastakan.

Apakah jaminan bahawa perkara yang sedemikian tidak akan berlaku dalam bekalan elektrik? Mungkin akan terdapat lebih banyak kejadian gangguan bekalan elektrik. Dan juga seperti apa yang terjadi dalam penswastaaan Lebuhraya Utara/Selatan, Yang Berhormat Menteri yang pada masa itu Yang Berhormat Menteri Kerjaraya juga telah memberikan jaminan bahawa ini adalah untuk memastikan rakyat Malaysia boleh menikmati satu lebuhraya terus daripada sempadan Malaysia/Thai hingga ke Singapura. Dan semua perkhidmatan akan diberikan oleh PLUS atau UEM, tetapi apa yang kita tengok sekarang adalah juga seperti yang saya katakan tadi, lain daripada apa yang dijanjikan.

Di mesyuarat Dewan Rakyat yang lepas banyak soalan telah ditujukan oleh rakan-rakan saya mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh PLUS, kemudahan yang diberikan oleh PLUS seperti tandas dan sebagainya. Seperti satu contoh, di lebuhraya dari Air Keroh ke Pagoh tidak ada langsung satu tandas yang elok. Hanya daripada Sungai Besi ke Air Keroh barulah kalau pengguna-pengguna lebuhraya mahu menikmati atau mahu menggunakan tempat rehat atau tandas, mereka boleh menggunakan kemudahan tersebut dengan selesa, tetapi daripada Air Keroh ke Pagoh

adalah sangat berkurangan. Tandas yang disediakan adalah seperti satu kotak. Saya rasa seperti di CRClah, kemudahan yang disediakan seperti di lokap Polis, satu kotak sahaja. Saya rasa saya pun tidak mahu memberikan butir-butir lanjut tentang tandas yang sebegini tetapi saya boleh nyatakan di sini, ini bertentangan dengan semangat Tahun Melawat Malaysia 1990 terutama kalau kita hendak menyediakan satu tandas yang elok.

Oleh itu, saya harap juga supaya tindakan boleh diambil untuk menyediakan tandas yang elok daripada Air Keroh ke Pagoh. Tetapi ini adalah sebagai satu contoh bagaimana janji-janji yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan tidak ditunaikan langsung. Saya khawatir kejadian yang sebegini akan berlaku kepada LLN atau TEN.

Sekarang dengan penswastaaan STM; sebelum penswastaaan STM pengguna-pengguna tidak payah membeli alat telefon sendiri, tetapi kini kena beli pula. Ini adalah satu perbelanjaan tambahan lagi oleh pengguna-pengguna. Saya rasa perbelanjaan tambahan begini bercanggah dengan apa yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahulah, adakah Yang Berhormat Menteri akan membuat satu jaminan di sini dan kalau jaminan Yang Berhormat Menteri tidak ditunaikan, adakah Yang Berhormat Menteri akan menyatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan. Kalau kadar tarif dinaikkan selepas LLN diswastakan, adakah pihak Yang Berhormat Menteri akan meletakkan jawatan. Kalau jaminan begitu yang diberi, mungkin kita boleh terima secara "face value".

Tetapi yang penting sekali, saya ingin menyeru pihak Kerajaan bahawa semasa penswastaaan, bukan sahaja kebajikan kakitangan LLN tetapi rakyat mestilah diambil kira. Penswastaaan LLN ini tidak boleh dilihat sebagai satu peluang untuk membolehkan setengah-setengah pihak menjadi kaya. Seperti dinyatakan tadi

oleh rakan saya dari Kepong bahawa Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa perbelanjaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan LLN telah naik daripada \$5,000 juta ke \$10,000 juta dan alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah kerana harga alat-alat itu telah naik.

Saya rasa untuk naik secara dua kali ganda adalah mustahil sedikit. Adakah ini satu contoh lagi untuk menyediakan rakyat menanggung jumlah yang sebegitu besar ini supaya membolehkan pihak-pihak yang tertentu, syarikat-syarikat yang tertentu membuat keuntungan yang besar kerana jumlah wang yang kita bincangkan sekarang bukanlah syarikat-syarikat swasta tersebut tetapi wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin bertanya tentang keuntungan yang diperolehi oleh LLN. Adakah keuntungan ini akan dikembalikan kepada pengguna-pengguna kalau bukan dengan secara menurunkan kadar tariff tetapi dengan cara subsidi. Kerana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Kabinet telah membuat keputusan bahawa pihak LLN diwajibkan memulangkan keuntungan mereka kepada pengguna-pengguna dan tidak boleh menyimpan lebih daripada 10% atau 15% daripada keuntungan mereka. Kalau keuntungan ini dipulangkan kepada rakyat bukan dengan cara menurunkan kadar tarif, apakah cara? Ini yang saya hendak tanya. Kalau bukan dengan cara tarif, adakah ini bermakna subsidi akan diberikan? Ini yang saya hendak tanya bagaimana keuntungan akan dikembalikan kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sungai Benut.

6.41 ptg.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut):** Tuan Yang di-

Pertua, saya ingin membuat ucapan ringkas berkenaan dengan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990.

Saya berpandangan bahawa sebabnya bekalan elektrik di luar bandar tidak dapat dilaksanakan adalah kerana di kawasan bandar tidak ada penyelarasan di antara Master Plan sesebuah bandar itu dengan apa yang telah dirancangan oleh LLN. Misalannya, di Kuala Lumpur saya difahamkan ada satu Master Plan untuk Kuala Lumpur, tetapi di dalam pelaksanaan Master Plan Kuala Lumpur Datuk Bandar telah memberi begitu banyak permit untuk bangunan-bangunan tinggi didirikan dan pihak LLN nampaknya telah memberikan keutamaan kepada projek-projek seperti ini dan bukan kepada projek-projek di luar bandar yang memerlukan kuasa elektrik. Saya merayu kepada pihak Menteri supaya kita menyelaraskan demand, dengan izin, dengan apa yang ada sebagai bekalan ataupun supply, dengan izin, di kawasan-kawasan bandar dan juga timbangkan dengan apa yang diperlukan di kawasan luar bandar.

Saya harap di dalam perkara ini, kita sebagai Wakil Rakyat tidak lagi dipaksa memberi alasan kepada pengundi-pengundi kita di kawasan luar bandar bahawa punca terutama yang menyebabkan kawasan luar bandar itu tidak dapat bekalan elektrik adalah kerana tidak cukup supply. Walaupun ada peruntukan dari segi kewangannya, kalau tidak ada supply orang di sebelah kampung akan bertanya di manakah bekalan itu pergi. Lagipun dalam Tahun Melawat Malaysia ini, apabila pengundi-pengundi dari kawasan saya datang ke Kuala Lumpur, mereka nampak jalan-jalan di Kuala Lumpur begitu banyak lampu-lampu dipasang dan bila kita balik ke kampung kita beri alasan tidak ada bekalan untuk menyambungkan jana elektrik dari satu kampung ke satu kampung, ini menjadi satu perkara yang begitu susah dan berat bagi kita sebagai Wakil Rakyat.

Saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada masalah bekalan elektrik di negeri Johor terutama sekali di kawasan-kawasan perindustrian dan perumahan. Dalam bulan Jun ini, pada peringkat awalnya, ada beberapa power breakdown, dengan izin, di Johor Bahru. Pada satu malam ada satu breakdown, saya nampak kereta polis mengeskot lori-lori LLN untuk membetulkan bekalan elektrik terutamanya di kawasan Istana. Tetapi di kawasan-kawasan yang lain apabila ada putus bekalan elektrik, kadang-kadang dalam satu malam pun tidak dapat elektrik disambungkan. Bukan semua yang bernasib baik dapat duduk di kalangan Istana dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan layanan yang sama kepada penghuni-penghuni di tempat perumahan yang lain.

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri menimbangkan satu cadangan iaitu di dalam perancangan untuk membekalkan elektrik, pihak Kementerian membuat satu peta di mana LLN boleh menunjuk tempat-tempat yang akan diberikan elektrik. Jadi dalam masa lima tahun, sepuluh tahun ataupun limabelas tahun pelabur-pelabur dan juga mereka yang hendak membangunkan perumahan dapat tahu bahawa di kawasan tertentu ada rancangan untuk membekalkan elektrik dan mereka tidak akan membuat rumah atau faktori di tanah-tanah di mana syarikat LLN baru tidak ada rancangan untuk membekalkan elektrik. Dengan cara ini saya harap Kementerian dapat menjimatkan dan syarikat baru yang akan diswastakan dapat menjimatkan wang dan tenaga mereka.

Akhir sekali saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan energy conservation, dengan izin. Pada masa sekarang peralatan yang boleh dibeli di kedai-kedai untuk electrical conservation seperti bulb yang menjimatkan tenaga terlalu mahal di pasaran kerana kebanyakan daripada alat-alat ini dibuat

di luar negeri dan dibawa ke dalam negeri tetapi cukainya terlalu tinggi. Ada alat-alat lain yang dibuat di luar negeri yang boleh menjimatkan kos elektrik kepada pengguna, tetapi harganya terlalu tinggi. Kalau kita begitu serius dengan energy conservation, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membincangkan dengan Menteri Kewangan supaya alat-alat seperti ini diberikan satu keistimewaan di mana cukainya tidak begitu tinggi supaya kita dapat menggalakkan energy conservation di dalam pemikiran rakyat. Sekian, terima kasih.

*6.48 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang di hadapan kita dan Rang Undang-undang yang kemudian ialah bertujuan untuk menswastakan LLN. Di sini saya mahu bertanya ialah kita belum berpuas hati bahawa penswastakan LLN ialah satu cara yang terbaik sekali untuk bidang utiliti ini. Apabila LLN diswastakan, tentu tujuan syarikat TEN akan, dengan izin, profit motivated. Dalam perkara ini sebagai public utility, ia ada satu lagi dimensi iaitu perkhidmatan.

Di sini kita tahu sungguhpun kita kata bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun, maju tetapi ada lagi sebilangan ramai rakyat jelata yang tidak menikmati perbekalan electricity. Bukankah ini satu tanggungjawab yang patut diberi keutamaan, priority oleh Kerajaan dan bukan masalah penswastakan LLN (TEN), oleh kerana mungkin penswastakan LLN akan membelakangkan usaha-usaha untuk mencapai 100%, dengan izin, electrification negara kita.

Adakah Kerajaan satu Master Plan bila boleh mencapai satu ratus peratus electrification dalam negara kita dan apabila LLN diswastakan, di mana tujuan ialah untuk dapat keuntungan, siapa akan memikul tanggungjawab dalam perkara ini untuk memastikan kemudahan

electricity kepada semua tempat-tempat luar bandar, estet atau tempat-tempat pendalaman. Bukankah ini akan menjadi tanggungjawab Kerajaan atau ini akan menjadi tanggungjawab TEN? Kalau ini akhirnya akan menjadi tanggungjawab Kerajaan, untung akan dimiliki oleh TEN, perbelanjaan untuk pembekalan electricity supaya boleh mencapai satu ratus peratus electrification tanggungjawab Kerajaan, bukankah ini, dengan izin, "an unfair bargain"?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi dengan jelasnya kenapa LLN perlu diswastakan. Tiadakah cara-cara yang lain yang boleh digunakan supaya LLN atau apa-apa penggantinya menggunakan cara-cara lain supaya khasnya public utility ini boleh dikendalikan di mana keutamaan bukan keuntungan, tetapi perkhidmatan. Mengapa "corporatisation" tidak boleh digunakan oleh kerana sungguhpun LLN akan di'corporatise'kan ialah half-way house kepada penswastaaan TEN dan mengapa bukan cara corporatisation di mana boleh menjagakan kepentingan negara dan kepentingan rakyat khasnya mengenai mencapai dengan tempoh yang singkat satu ratus peratus electrification rural areas, tetapi dengan kecekapan. Oleh kerana apabila ada satu TEN, ia mengadakan satu kedudukan local monopoli—satu monopoli dan satu monopoli bukan bererti cekap, monopoli pun boleh sangat tidak cekap, boleh berlaku banyak pembaziran dan tidak kecekapan khasnya apabila tidak perlu bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain supaya mahu menunjukkan prestasi kecekapan dan satu usaha untuk penswastaaan LLN tentulah ada masalahnya.

Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka ada memberi beberapa contoh di mana penswastaaan dan kemudiannya satu monopoli yang muncul dalam baik pun perkara UEM atau STM atau MAS yang menunjukkan sangat susah untuk memastikan monopoli ini mengambil perhatian kepentingan orang ramai.

MAS pun satu contoh yang baik, satu natural monopoly di mana masalah-masalah pengguna-pengguna tidak dihiraukan atau peraturan-peraturan semacam "72 hour rule" itu, di mana sungguhpun ada kekosongan dalam flight sehari atau dua hari kemudian boleh ditukar, tetapi oleh kerana ada '72 hour rule', tidak boleh ditukar dan orang yang mahu tukar, oleh kerana kalau tukar pun kena penalti, tidak mahu tukar, tidak mahu jalan pun tidak mahu tukar. Saya rasa ini bukan demi kepentingan orang ramai dan tentulah ini bukan dalam bidang Yang Berhormat Menteri, tetapi satu contoh. Apabila ada satu monopoli, bila menjadi satu monopoli, ia boleh ketepikan masalah-masalah pengguna oleh kerana tidak ada competition, mahu datang atau tidak mahu, tidak apa. Ini public utility, janganlah kita sampai ke satu peringkat di mana masalah-masalah pengguna-pengguna semua tidak ada jalan bagaimana masalah mereka boleh dapat diatasi. Tentulah Yang Berhormat Menteri boleh kata ada apa-apa masalah boleh kemukakan kepadanya. Ini bukan cara untuk mengatasi masalah ini. Ini kita mahu satu sistem—satu sistem di mana dengan sendirinya dalaman boleh mengelakkan masalah ini.

Mungkin satu cara kalau mahu sebenarnya menswastakan, mengapa tidak membenarkan competition, mengadakan competition supaya tengok dua badan atau dua syarikat, tengok siapa yang lebih cekap dan lebih baik. Tetapi satu masalah yang besar yang saya mahu kemukakan di sini ialah rakyat tidak senang hati dengan program penswastaaan bukan sahaja TEN atau LLN atau lain-lain oleh kerana mereka lihat bahawa penswastaaan ialah satu cara di mana syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan parti-parti politik khasnya UMNO (Baru) boleh menggunakan cara ini untuk mendapat keuntungan yang besar dan luar biasa—Hatibudi, UEM dengan kontrak-kontrak penswastaaan yang mereka boleh dapat dan itulah sebab utama mengapa di kalangan orang ramai mereka kurang

senang hati mengenai program penswastaaan Kerajaan. Saya harap bahawa dalam perkara ini tidak akan menimbulkan masalah semacam yang ditimbulkan di dalam penswastaaan lain-lain bidang.

Di sini saya mahu tanya mengapa perlu diperuntukkan 25% saham-saham TEN kepada orang asing dan bukan semua rakyat Malaysia. Sebenarnya saya ingat lagi bahawa dalam tahun lalu, apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan bahawa Kabinet sudah buat satu keputusan untuk membenarkan 25% kalau tidak silap atau 20% saham, masa itu bukan TEN, tetapi apa yang akan jadi pengganti kepada LLN, kepada orang asing, kenyataan ini ada dinafikan oleh rakannya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi sekarang baru-baru ini kita dapat baca dalam suratkhbar bahawa Kabinet ada membuat keputusan untuk reserve 25% saham-saham dalam TEN kepada orang asing. Saya rasa kita mahu satu penjelasan mengapa ini perlu, kenapa Kabinet membuat satu keputusan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Kabinet ada membuat satu kajian yang mendalam mengenai perlunya penswastaaan LLN, jadi apakah jaminan akan dibuat supaya ia bukan sahaja lebih cekap, tetapi akan menjaga keperluan-keperluan masyarakat khususnya 100% electrification luar bandar. Adakah Kerajaan satu target date apabila 100% electrification luar bandar, tempat di pendalaman akan dicapai? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sungai Petani.

7.01 mlm.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahirrahman-nirrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas atas Rang Undang-undang ini.

Saya rasa menswastakan LLN ini adalah satu perkara yang patut dilakukan. Tadi pihak Pembangkang telah mempertikaikan tentang penswastaaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha sila bilang—11 hadir. Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, 33 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Pembangkang sentiasa akan mempertikaikan atas apa yang dilakukan oleh Kerajaan.

Pada masa sekarang Kerajaan menswastakan LLN, dia dipertikaikan di atas penswastaaan itu. Sebaliknya, sekiranya Kerajaan tidak menswastakan LLN, maka dianya juga akan mengkritik, mengapa LLN tidak diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sikap dan keputusan Kerajaan untuk menswastakan LLN itu adalah tepat pada masanya kerana untuk menambahkan kecekapan dan kebolehan pegawai-pegawainya dan mengurangkan beban belanja negara, kerana apabila LLN itu diswastakan, maka sudah tentu satu-satu syarikat itu berkehendakkan kepada keuntungan. Syarikat yang berkehendakkan kepada keuntungan itu, berkehendak pula kepada

pegawai-pegawai dan kakitangannya menjalankan kerja-kerja dengan baik dan sempurna supaya mendapat keuntungan yang lebih banyak lagi. Di samping itu seperti saya katakan tadi bahawa ianya akan mengurangkan beban belanja negara, sebab pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja dengan Kerajaan sebahagian besarnya selalu kurang menumpukan kepada pekerjaan masing-masing dan kurang pula tentang kecekapannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh elektrik sebagai keperluan utama kepada pelabur-pelabur. Kita tahu dan sedar beberapa rombongan dari negara kita ini sama ada daripada Kerajaan Pusat ataupun daripada Kerajaan-kerajaan Negeri telah pergi melobi di negara-negara luar, meminta supaya pelabur-pelabur datang ke negara kita. Apabila rombongan-rombongan itu pergi ke luar negeri, pihak pelabur telah bertanya dengan rombongan kita tentang kemudahan-kemudahan yang ada di negara kita. Kemudahan yang utama sekali ialah kemudahan elektrik, maka lantas jawablah ahli rombongan dari Malaysia sama ada dari Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat mengatakan bahawa elektrik "best", nombor satu, jangan rusing. Dan begitu juga dengan yang lain-lainnya. Pihak pelabur-pelabur pun datang dan melihat memang tiang-tiang elektrik ada, wayar-wayarnya ada cukup, masuk ke tempat kilang-kilang yang diperlukan itu, tetapi apabila kilang-kilang itu dipasang dan berjalan timbullah masalahnya, terutama bagi kilang-kilang yang memproses seperti getah (latex) membuat sarung tangan umpamanya. Jadi apa yang saya hendak sebut di sini ialah apabila kilang-kilang itu dipasang dan berjalan, maka timbullah kareneh, timbullah masalah bekalan elektrik ini terputus.

Sebab bekalan elektrik ini terputus ada beberapa sebab, diantaranya ialah kecuaiian bagi pihak Pengurus di kawasan-kawasan tertentu. Saya

mengambil contoh di kawasan Perindustrian Bakar Arang, Sungai Petani. Apabila bekalan elektrik terputus, maka kilang-kilang yang membuat, seperti sarung tangan, seperti yang saya sebutkan tadi, akan terhenti dan getah-getah yang cair itu semuanya menjadi pekat dan sarung-sarung tangan itu semua menjadi rosak. Jadi, pihak tuan punya kilang akan mendapat kerugian beribu-ribu ringgit. Jadi, punca bekalan elektrik ter bengkalai itu ialah ada beberapa sebab.

Pertamanya, ialah kelemahan dan kecuaiian bagi pihak Pengurus LLN di kawasan Sungai Petani. Contohnya, apabila mereka hendak memasang kabel tambahan kepada mana-mana kilang, mereka tidak memberitahu terlebih dahulu kepada kilang-kilang di kawasan perindustrian itu yang mereka akan memotong bekalan elektrik pada tarikh sekian, dari masa sekian, sampai masa sekian. Sekiranya pihak Pengurus memberitahu terlebih dahulu masalah-masalah ini, perkara gangguan elektrik ini, dapatlah pihak kilang memberhentikan operasinya pada masa-masa tertentu, tetapi pihak Pengurus tidak memberitahu terlebih dahulu kepada kilang-kilang berkenaan, maka timbullah kerugian yang begitu besar sekali, sedangkan untuk menghantar surat, sedangkan untuk memberitahu satu panggilan talipon kepada syarikat-syarikat yang ada di situ adalah satu ikhtiar, satu usaha yang begitu mudah dan begitu murah sekali.

Selain daripada itu bekalan-bekalan daripada pencawang itu juga selalu timbul masalah dan selalu ada gangguan yang menyebabkan masalah yang sama seperti saya sebutkan tadi. Jadi, dengan ini saya memohon pihak Kementerian dapat mengambil perhatian khusus kepada perkara ini. Perkara ini telah dibangkitkan oleh pihak kilang-kilang semasa kita mengadakan dialog dengan pihak kilang-kilang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin bangkitkan perkara bekalan elektrik ke luar bandar. Sebenarnya bekalan elektrik ke luar bandar di kawasan Parlimen Sungai Petani, mengikut peruntukannya sudah cukup dan memadai dan habis semua orang-orang kampung di kawasan Parlimen Sungai Petani akan mendapat api elektrik, kerana peruntukannya mencukupi. Tetapi malangnya peruntukan bagi tahun yang telah dibekalkan, iaitu dalam tahun 1989, itu tidak dapat dilaksanakan sehingga tahun 1990 ini. Apabila ditanya, katanya, puncanya adalah kerana kekurangan kabel. Saya tidak tahu sama ada sebab-sebab yang diberi itu benar atau tidak.

Jadi, saya berharap supaya pemasangan-pemasangan elektrik ke kawasan luar bandar ini dapat disegerakan. Sekiranya ada apa-apa masalah mengenainya, saya minta dapat diatasi dengan segeranya. Dengan ini, saya menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Menteri menjawab.

*7.15 mlm.*

**Dato' Seri S. Samu Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Kementerian saya tadi, khasnya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kota Melaka, Sungai Benut, Tanjung dan Sungai Petani telah memberi beberapa pandangan berkenaan dengan penswastaaan.

Pertamanya, suka saya menjawab berkenaan dengan soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu berkenaan

dengan pengurangan pelaburan modal LLN makin bertambah berbanding dengan ucapan saya iaitu tanggungjawab kewangan Kerajaan berkurangan. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab pelaburan modal berpindah kepada sektor swasta iaitu tanggungjawab Kerajaan untuk pelaburan modal berkurangan.

Kedua, jumlah pelaburan modal LLN memang bertambah bergantung kepada kadar permintaan elektrik. Yang Berhormat dari Kepong juga telah membahaskan berkenaan dengan kadar bekalan elektrik luar bandar dan ke estet-estet. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu penentuan bekalan elektrik ke luar bandar akan ditentukan dalam syarat lesen kepada pelesen awam. Kerajaan akan terus menyambung kepada kos modal bekalan elektrik luar bandar dan syarikat juga akan diminta membuat sumbangan kos modal ini. Bekalan kepada estet-estet sedang dikaji supaya bekalannya sampai ke seluruh negara sehingga tahun 1995.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri ada sebut bekalan elektrik ke estet, luar bandar, semua pendalaman, adakah termasuk?

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, ini termasuk estet dan juga bersama-sama dengan kawasan luar bandar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah di seluruh Malaysia?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya, di seluruh Malaysia. Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan kes rasuah, seperti yang telah berlaku di Paka. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, perkara ini ada di dalam siasatan Badan Pencegah Rasuah. Oleh itu, saya percaya lebih baik saya menunggu

sampai saya dapat keputusan atas perkara itu. Berkenaan dengan . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah benar, kilang di Paka ini yang menelan belanja projek \$920 juta ini dan sekarang hanya beroperasi pada paras 70% sahaja. Kalau benar, mengapa hal seperti ini berlaku? Adakah ini ada kait-mengait dengan rasuah seperti yang dilaporkan itu?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kepada Badan Pencegah Rasuah itu bukan atas penajaan di Paka, tetapi berkenaan dengan pemberian kontrak memotong rumput. Dua orang kontraktor, satu telah menender dan dapat kerja, dan yang satu lagi itu tidak dapat, telah melapurkan kepada Badan Pencegah Rasuah.

Saya suka juga jelaskan sedikit kepada Yang Berhormat berkenaan dengan masalah di Paka itu belum dapat diselesaikan. Saya sendiri menyiasat dan melapur beberapa perkara dan pada akhirnya kita telah mendapat satu Jurutera Perunding untuk mendapat tahu lebih maklumat berkenaan dengan apa yang telah berlaku di Paka ini.

Baru-baru Jurutera Perunding itu telah membuat siasatan dan telah memberi laporan, tetapi saya belum dapat maklumat dan juga kandungan laporan itu. Selepas saya terima laporan itu saya boleh juga memberi satu jawapan yang lebih lanjut berkenaan dengan perkara ini.

Berkenaan dengan bagaimanakah Ketua Pengarah melindungi kepentingan pengguna iaitu daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ianya diperuntukkan di Fasal 4 (d) di mana Ketua Pengarah akan memajukan kepentingan pengguna-pengguna dengan:

- (i) harga yang akan dikenakan;
- (ii) keberterusan bekalan elektrik; dan
- (iii) kualiti perkhidmatan elektrik.

Kuasa Ketua Pengarah di Fasal 4 tersebut hendaklah dibaca bersama dengan kuasa Menteri di Fasal 26 di mana apa-apa tarif yang dikenakan hendaklah diluluskan oleh Menteri yang berkuasa kepada Kementerian itu. Satu lagi . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau Yang Berhormat bercakap sedemikian adakah ini bermakna sepertimana yang telahpun disarankan oleh Yang Berhormat mengenai misalnya membeli turbine-turbine secara langsung daripada pembuat-pembuat turbine di Europe untuk menyelamatkan Kerajaan \$300 juta ini, sama ada hasarat Yang Berhormat sebegini dapat ditampung, dapat diteruskan oleh Ketua Pengarah, sebab Yang Berhormat telah buat satu keputusan untuk membeli secara langsung turbine-turbine ini. Kalau demikian, adakah pihak Ketua Pengarah wajib mengikuti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang yang sedia ada sekarang ialah Ketua Pengarah selain daripada Ketua Pengarah akan datang. Jadi, pengumuman yang saya telah buat berkenaan dengan pembelian turbine-turbine itu selepas saya dapat tahu apakah harga ditawarkan oleh syarikat-syarikat iaitu lima syarikat yang akan membekal turbine-turbine itu saya dapat tahu iaitu kos yang mereka menawar itu adalah lebih tinggi daripada apa yang kita tetapkan. Oleh kerana masa sekarang ialah, dengan izin, seller's market bukan buyer's market, iaitu pembekalan turbine 100 megawatt tidak boleh didapati daripada mana-mana pembekal sekarang oleh kerana demand yang tinggi, oleh kerana itu jugalah kita ada masalah tetapi ada juga syarikat yang suka menawarkan kepada kita iaitu mereka mempunyai turbine-turbine jenis yang apa kita mahu tetapi bukan 100 megawatt tetapi sedikit kurang daripada

100 megawatt. Tetapi saya tidak mendapat maklumat berkenaan dengan perkara itu. Selepas saya dapat maklumat itu saya mesti dapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan minta LLN untuk membincang dengan syarikat-syarikat tersebut, selepas itu Lembaga Letrik Negara dan juga Lembaga dipengerusikan oleh seorang Pengerusi mesti meluluskan iaitu tawaran itu adakah munasabah atau tidak. Jadi, dalam peringkat ini sahajalah.

Ini telah berlaku oleh kerana saya percaya dan juga saya dapati daripada kajian yang telah dijalankan oleh LLN itu bahawa pada bulan Jun atau Julai 1991 kita akan menghadapi masalah yang besar dalam bekalan elektrik, jikalau kita tidak menambahkan turbine-turbine itu sebelum 1hb Julai 1991.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tanya Yang Berhormat mengapa turbine 100 megawatt ini begitu popular, apakah sebabnya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, 100 megawatt itu boleh dipasang dengan lebih cepat, yang pertama. Yang kedua, boleh ditukarkan menjadi satu jentera atau turbine dengan combined cycle. Jadi, jikalau sudah pasang dengan combined cycle kita boleh juga mendapat lebih bekalan dan tenaga daripada itu tanpa membayar untuk tenaga-tenaga. Jadi, ini satu turbine yang lebih popular di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kepentingan pengguna-pengguna khususnya dalam menikmati perkhidmatan yang lebih baik dan harga tenaga yang lebih murah, ini ialah soalan daripada Ahli Yang Berhormat. Di bawah peruntukan Seksyen 4 (d) tugas kawalselia oleh Ketua Pengarah dan Jabatan Perbekalan Elektrik adalah untuk memastikan kemajuan dan juga kepentingan pengguna dari aspek harga

yang dikenakan, keberterusan bekalan elektrik dan kualiti iaitu perkhidmatan bekalan elektrik yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjawab sedikit sebanyak kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkit beberapa isu berkenaan dengan kawalselia, suka juga saya menjelas kepada beliau, kawalselia dibuat melalui lesen Syarikat Pelesen Awam, yang kedua, tarif elektrik dikawal oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan juga melalui Article of Memorandum and Memorandum of Association, dengan izin, syarikat itu dan juga bidang kuasa Ketua Pengarah Bekalan Elektrik.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan tarif di Sabah dan Sarawak. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, hari itu saya telah menjawab dalam Dewan yang mulia ini LLN ada dalam bidang kuasa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan juga seperti itu jugalah LLS (Lembaga Letrik Sabah) tetapi bukan bekalan elektrik di Sarawak. Sarawak iaitu dalam satu syarikat bernama SESCO.

Satu lagi soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kadar tarif di Sabah dan Sarawak, suka saya menjelaskan iaitu satu kajian rasionalisasi tarif untuk keseluruhan Malaysia sedang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tanya pada tahun 1993 dan selepasnya adakah bekalan elektrik cukup di seluruh negara ini atau tidak. LLN sedar dengan pertambahan permintaan ini, langkah menambah keupayaan bekalan sedang dibuat sekarang iaitu seperti apa saya menjelaskan kepada Ahli Yang

Berhormat dari Kepong tadi iaitu menambahkan dengan 7 buah turbine baru. Itu sudah dijelaskan tadi.

Berkenaan dengan saham kepada kakitangan LLN, iaitu daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kerajaan sedang mengkaji satu skim pemegang saham pekerja, dengan izin, employees share ownership plan dan perakuan yang positif akan dimajukan supaya para pekerja mempunyai initiative untuk bekerja dengan syarikat.

Berkenaan dengan bekalan elektrik di Melaka, khasnya daripada kawasan Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan terdapat pada masa ini beberapa rancangan memperkuat sistem penghantaran dan pembahagian di Melaka, iaitu pencawang telah dihidupkan di pencawang baru di Ayer Keroh 132 kilowatt sedang dibina, juga satu lagi pencawang 132 kilowatt akan dibina untuk kilang penapis PETRONAS dan satu lagi di Tanjong Keling.

Berkenaan dengan pelaburan \$11 bilion yang diperlukan untuk 5 tahun akan datang, suka saya menjelaskan perbelanjaan ini bukan harga naik dua kali ganda tetapi kerana kehendak elektrik meningkat pada kadar lebih dari 10% setahun. Ini bermakna LLN terpaksa membina lebih kurang 3,000 megawatt lagi dalam 5 tahun akan datang. Selaras dengan ini LLN dan juga syarikat-syarikat akan diambil oleh atau badan yang perlu membina tahun-tahun berkenaan penghantaran yang diperlukan.

Akhirnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu pulangan keuntungan LLN kepada rakyat. LLN terpaksa membuat pelaburan modal yang terbesar, oleh itu keuntungan LLN 80% terpaksa digunakan untuk pelaburan modal baru bagi menampung pertambahan permintaan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, LLN

akan menyumbang kepada sektor keutamaan dan bentuk diskaun kepada rumah-rumah ibadat, sekolah, rumah kebajikan dan juga pengguna-pengguna bekalan 12 jam, iaitu lebih dari 60% ialah daripada luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun yang lepas di mana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Kabinet telah mengarahkan LLN hanya dibenarkan menyimpan di antara 10% ke 15% daripada keuntungan yang diperolehi oleh mereka. Kalau 80% atau 85% keuntungan yang diperolehi oleh LLN digunakan untuk menambahkan keperluan bekalan elektrik pada masa depan, apakah yang akan terjadi kepada baki 10% atau 15% ini? Bolehkah kadar tarif diturunkan? Inilah soalan saya untuk pengguna-pengguna elektrik. Kalau mungkin tidak dalam masa sekarang, bilakah ini boleh dilakukan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan Ahli Yang Berhormat pada masa dahulu kita ada juga satu rancangan untuk menurunkan kadar tarif kepada pengguna-pengguna. Selepas kita telah mengambil perhatian berkenaan dengan penswastan dan perkara-perkara yang lain, iaitu menambahkan lagi modal untuk menambah tenaga elektrik yang lebih daripada apa yang kita punyai sekarang, oleh kerana itu kita sedang memberhentikan kajian atas perkara itu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya percaya masa akan datang apabila sampai satu masanya kita sudah menyelesaikan masalah-masalah berkenaan dengan bekalan dan juga lebih tenaga, saya percaya kita boleh menimbang tetapi Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula berkenaan dengan pembekalan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Ini ada dalam timbangan sekarang. Saya percaya jikalau berlaku satu keadaan yang lebih baik, ini boleh juga ditimbangkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan bahawa apabila TEN diwujudkan, kadar tarif tidak akan dinaikkan semasa Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu berapa lama saya akan di sini (*Ketawa*). Itu satu janji manusia tidak boleh buat, siapakah boleh menentukan . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** 3 bulan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** . . . 3 bulan lebih kurang, jikalau seperti apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berlaku. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, kita tidak mahu satu keadaan yang mana kita menambah tarif sekali lagi dan untuk memberi masalah kepada rakyat jelata, itu tidak berlaku. Kita mesti menimbangkan perkara-perkara berkenaan dengan tarif itu sebelum kelulusan itu diberi. Saya tidak ada apa-apa cadangan untuk menaikkan tarif sekarang. Seperti apa saya janji kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada masa saya menjadi Menteri Kerjaraya, saya janji 3 tahun tidak ada naik—betul, sekarang sudah lebih 3 tahun. Itu janji daripada saya tahu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Bukankah dia akan naik selepas pilihanraya akan datang?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberi apa-apa keterangan atas perkara itu. Saya tidak ada apa-apa cadangan atas itu oleh kerana kuasa itu diletakkan di dalam seorang Menteri yang lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Penjelasan satu lagi. Saya memang bersuka hati dengan jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa beliau akan menolak sebarang permintaan daripada TEN untuk menaikkan kadar tarif. Saya harap Yang Berhormat Menteri juga akan menggunakan jasa baiknya untuk menggalakkan kadar tarif diturunkan memandangkan bahawa LLN telah mendapat keuntungan lebih daripada \$650 juta pada tahun yang lepas dan ini adalah satu jumlah yang besar yang harus dikembalikan kepada rakyat.

Soalan yang kedua ialah mengenai bekalan elektrik. Memandangkan kita kini dalam musim pilihanraya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan bahawa apabila pengiraan undi diadakan, kerana kita sekarang adakan satu sistem pengiraan undi di semua tempat, bukan di satu pusat sahaja, di semua tempat membuang undi, kita kira undi di sana dan ini bermakna bahawa semua tempat pengiraan undi akan menggunakan bekalan elektrik, iaitu di sekolah-sekolah dan balai rakyat. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan bahawa kita tidak ada overloading oleh kerana pada masa itu semua rakyat akan membuka peti televisyen mereka untuk menunggu keputusan dan akan menyebabkan overloading. Kalau begitu kemungkinan besar bahawa bekalan elektrik akan terputus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan bahawa kejadian sebegini tidak akan berlaku, kerana kita takut nanti ia

disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk menafikan keputusan rakyat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam sejarah tanahair kita satu perkara seperti itu belum berlaku lagi. Oleh kerana itu di kawasan saya sendiri pun yang mana saya telah bertanding ada juga berlaku masalah pada tahun 1986 selama 5 minit, itu bukan disebabkan oleh LLN, tetapi disebabkan satu short circuit telah berlaku. Walau bagaimanapun, untuk Ahli Yang Berhormat, saya janji semua kawasan yang mana pengiraan undi ini berlaku, LLN akan menjaga dengan tetap mengikuti dengan prinsip demokrasi, cukup? Lagi mahu janji?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hanya mahu menarik perhatian Yang Berhormat Menteri apa yang dialami oleh Yang Berhormat Menteri pada masa tahun 1974 atau 1978 apabila pilihanraya pada masa itu diadakan, pengiraan undi diadakan di satu pusat sahaja, satu tempat sahaja, tetapi selepas pindaan Akta Pilihanraya baru-baru ini pengiraan akan dibuat di semua tempat di mana undi dikira. Saya rasa kalau satu kawasan pilihanraya Parlimen memerlukan 100 hingga 200 tempat membuang undi dan di seluruh Malaysia terdapat 17,000 tempat mengira undi. Kalau begitu, ini bermakna bahawa adalah terdapat 17,000 sekolah-sekolah atau balai rakyat yang akan dibuka pada satu masa yang sama dan ini sudah tentu akan menimbulkan satu keadaan overloading, kerana bukan sahaja sekolah-sekolah dibuka, semua tempat kediaman juga akan dibuka, terutama seperti yang saya katakan tadi peti televisyen akan dibuka kerana semua orang hendak menonton untuk menengok atau menunggu keputusan dan ini adalah satu keadaan yang unprecedented, dengan izin. Bolehkah LLN menampung permintaan yang sebegitu tinggi? Ini yang saya hendak tahu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, penjanaan yang sedang berlaku di LLN iaitu lebih dari 4,000 megawatt. Tetapi apa yang kita guna tiap-tiap hari itu ialah 3,300 megawatt. Kita ada 700 megawatt lagi. Ini boleh juga tahan sampai tahun 1991 Jun. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LLN akan mengambil perhatian semua pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penjimatan tenaga elektrik (energy conservation) telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut, Kementerian menggalakkan penjimatan tenaga dan cadangan supaya cukai ke atas alat penjimatan tenaga dikecualikan sangatlah disokong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ada beberapa rancangan dan program pada masa ini untuk menggalakkan penjimatan tenaga terutama di bangunan-bangunan besar dan sektor-sektor industri. Umpamanya Kementerian pada bulan Disember yang lalu ada mengeluarkan satu panduan penjimatan tenaga dalam bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan isu berkenaan dengan monopoli dan masalahnya. Kebanyakan utiliti di seluruh dunia adalah berbentuk monopoli. Tetapi Kerajaan mempunyai cara kawalan yang cukup untuk menentukan syarikat tidak bertindak sewenang-wenangnya. Kerajaan telah ada kajian iaitu Pelan Induk Penswastaaan untuk segala langkah-langkah dan keputusan mengenai penswastaaan mencapai objektifnya dan dalam Pelan Induk Penswastaaan, keperluan mewujudkan satu kawalselia yang berkesan untuk monopoli telah dikaji secara teliti bagi menentukan semua kepentingan dilindungi.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan bekalan 100% ke seluruh negara iaitu

luar bandar dan estet. Tahun 1995, seluruh Semenanjung dijangka menerima bekalan elektrik iaitu bekalan di seluruh Sabah dan Sarawak belum dapat dipastikan berdasarkan keadaan muka bumi dan taburan penduduknya. Kerajaan akan terus menyumbang ke arah bekalan elektrik luar bandar di samping sumbangan oleh syarikat seperti di syarat-syarat dalam lesen. Suka juga saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengadakan beberapa buah turbine-turbine kecil di beberapa tempat di negeri Sabah dan juga Sarawak.

Saya suka juga mengucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang telah memberi sokongan kepada skim am rancangan penswastaaan LLN oleh Kerajaan dan saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pandangan-pandangan telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu mesti diambil perhatian dan kita akan menjaga kepentingan rakyat dan negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkeruskannya Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 56—

7.45 m/m.

**Dr Tan Seng Giaw:** Fasal 4 (c) dan (d) merujuk kepada fungsi dan tugas dan kuasa Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai lain di antaranya. Fasal 4 (c) menggalakkan persaingan dalam penjanakuasaan dan pembekalan elektrik pada harga-harga munasabah. Fasal 4 (d) memajukan kepentingan pengguna dalam hal-hal harga terusan bekalan elektrik dan kualiti perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, kedua-dua tugas ini harus fungsi bersama dalam satu Jawatankuasa atau Lembaga yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah dan dua atau lebih anggota-anggota awam yang berkelayakan, berintegriti dan benar-benar bebas daripada pengaruh Kerajaan dan pengaruh syarikat penjanakuasa atau pembekalan elektrik bagi melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Pengerusi, perlunya perlantikan anggota-anggota awam ini mesti diluluskan oleh Dewan Rakyat kerana bekalan elektrik ialah satu perkara yang sangat penting bagi negara dan bagi rakyat dan perlantikan anggota-anggota ini patutlah diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk memastikan kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, kerana ada banyak fasal, sama ada saya boleh satu persatu dijawab kerana dengan ini lebih mudah mengenai memperbahaskan perkara ini, kerana ada lebih 50 fasal, jadi susahlah. Jadi, ini fasal yang pertama yang saya bangkitkan. Ada lagi yang akan saya bangkit. Jadi jikalau boleh kita bahaskan satu persatu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, saya izinkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, Fasal 4 (c) dan (d) pada permulaannya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong mencadangkan berkenaan dengan

perlantikan pegawai-pegawai itu atau Ketua Pengarah dilulus oleh Dewan yang mulia ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Kerana Lembaga ini atau Jawatankuasa ini adalah sangat penting dan menjaga kepentingan rakyat patutlah perlantikan anggota-anggota awam ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, perlantikan ahli-ahli kepada Lembaga dan lain-lain menjadi satu perkara yang mustahak. Oleh kerana jikalau ada juga kita menghadapi apa-apa masalah, saya percaya kuasa ini diletakkan di dalam tangan Menteri seperti apa yang dicadangkan dalam undang-undang ini, oleh kerana kalau kita menghadapi apa-apa masalah kita tidak ada peluang untuk tunggu menunggu sampai kita mengadakan Mesyuarat Dewan ini. Oleh kerana itulah kuasa ini diletakkan di dalam tangan Menteri dan juga Menteri akan mendapat keputusan dan juga kelulusan daripada Jemaah Menteri tiap-tiap minggu. Saya percaya apa yang ditetapkan dalam undang-undang itu lebih munasabah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 9 (3) tiada lesen boleh dipindahmilik melainkan jika keizinan bertulis Menteri telah diberi.

Ini tidak menjelaskan sama ada Menteri akan menjalankan penelitian, penilaian terperinci ke atas syarikat berlesen baru sebelum meluluskan pindahmilik. Pindahmilik seharusnya diluluskan atas nasihat atau syor Ketua Pengarah dengan mengemukakan laporan penilaian, penelitian yang dibuat oleh pihak Ketua Pengarah, kos bagi man-hours, dengan izin, Tuan Pengerusi, atau apa-apa perbelanjaan yang perlu dibuat harus ditanggung oleh pemohon. Sebaik-baiknya jika ada sebuah Jawatankuasa seperti mana kami telah syorkan di bawah Fasal 4, Jawatankuasa itulah yang harus membuat penilaian atau penelitian dan mengemukakan

laporan kepada Menteri dan di sinilah saya minta penjelasan daripada Menteri mengenai hal pindahmilik lesen ini kerana saya tidak mahu melihat berlakunya penyelewengan pada masa akan datang.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya sendiri pun tidak mahu berlaku penyelewengan pada masa akan datang, apabila kita memberikan lesen kepada sesiapa sahaja iaitu dia akan menjual lesen kepada orang lain. Ini tidak akan berlaku oleh kerana itu semua kelulusan mesti dibuat oleh Menteri. Ini adalah untuk menjaga kepentingan, bukan sahaja syarikat oleh kerana perkara pembekalan elektrik ini adalah suatu perkara yang lebih penting kepada negara oleh kerana itu saya tidak mahu kuasa itu diberikan dalam tangan Ketua Pengarah sahaja. Kuasa ini mesti diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Fasal 10 (1) Kuasa untuk memasuki dan memeriksa teliti tanah. Pemegang lesen harus sekurang-kurangnya mengemukakan surat kebenaran daripada Ketua Pengarah dan surat pengenalan diri kepada penghuni sebelum memasuki kawasan tanah yang diperiksatebitkan. Sebaik-baiknya seorang pegawai atas arahan Ketua Pengarah perlu menemani pemegang lesen bagi mengesyorkan pemegang lesen bertindak mengikut peraturan dan pada masa yang sama membuat penilaian bagi pihak Ketua Pengarah sama ada tanah yang diperiksatebitkan itu benar-benar sesuai seperti mana yang diutarakan oleh pemegang lesen.

Kita mestilah memastikan penyalahgunaan kuasa oleh pemegang lesen ini tidak berlaku semasa menjalankan tugas kerana dengan kawasan-kawasan di negara ini begitu luas, susahlah bagi Menteri untuk mengawalseliakan tiap-tiap kawasan. Jadi, saya cadangkan diadakan satu kaedah yang lebih ketat untuk mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa seperti ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, kuasa-kuasa seperti itu walaupun diletakkan di dalam tangan Menteri sekarang, ini boleh juga diturunkan kepada Ketua Pengarah apabila sampai masanya untuk menjalankan kuasa-kuasa itu. Tak payahlah Menteri sahaja meluluskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ada banyak lagi fasal yang ditimbulkan di sini kerana saya menganggap Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Menteri ini sangat penting dan beliau pun mengakui iaitu satu Rang Undang-undang yang terpenting baginya dan bagi negara.

Fasal 11 (3) notis kepada pemunya penduduk tanah. Bagi mengelakkan sebarang masalah timbul akibat tidak menerima notis yang dihantar, sebaiknya pengiktirafan orang yang notis itu ditujukan bahawa ia telah diterima, pemberitahuan harus diperolehi. Ini tidak disebutkan di sini di bawah Fasal 11 (3). Sebaik-baiknya kita mendapat pengiktirafan dahulu daripada orang yang notis itu ditujukan, kerana tidak disebutkan di sini sama ada perkara ini dijamin oleh pihak Kerajaan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, banyak perkara seperti itu mesti diregulasikan dan tidak boleh ditimbulkan dalam undang-undang ini. Banyak perkara seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mestilah dijalankan mengikut undang-undang yang sedia diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita semua terpaksa mematuhi undang-undang. Walau bagaimanapun, kalau ada kaedah atau peruntukan di sini untuk menjamin keselamatan dan keadilan dilakukan oleh pihak berkenaan yang mana akan diberi notis itu, maka ini lebih baik dan menunjukkan Rang Undang-undang ini lebih sempurna.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya percaya keadilan itu mesti dijaga.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 12 (2) Segala kelengkapan yang ditempatkan dalam atau atas tanah Kerajaan yang tidak dialihkan dalam masa enam bulan, atau apa-apa tempoh yang lebih lama hendaklah terletak hak pada dan menjadi harta Kerajaan . . . Di sini tidak ada peruntukan sama ada bagi tuanpunya ataupun penduduk tanah. Ia haruslah juga diberi hak yang sama sekurang-kurangnya bagi kelengkapan atas tanah bagi mengesyorkan kawasan persekitaran tidak berselerak dengan kelengkapan pemegang lesen akibat kerja tertangguh setelah dimulakan, kalau tidak pemunya atau penduduk tanah boleh memohon kepada Ketua Pengarah atau pihak berkuasa tanah meminta supaya pampasan mengikut seksyen 16 ditingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya sukalah meminta Yang Berhormat menjelaskan bagaimana perkara seperti ini dapat diselesaikan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, masalah yang berkenaan dengan tanah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, itu satu perkara yang biasa, walaupun kita ada juga masalah-masalah yang dihadapi oleh LLN berkenaan dengan tanah. Kuasa ini diberi kepada Pengarah Tanah dan Galian yang sedia ada di tiap-tiap negeri dan kita boleh juga melalui undang-undang ini menjaga kepentingan tuanpunya tanah dan juga syarikat-syarikat yang kita akan beri lesen dan kuasa ini akan dijalankan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang saya akui sebahagian daripada jawapan itu tepat. Walau bagaimanapun, ini sering berlaku iaitu kelengkapan dan sebagainya berselerak di tanah-tanah itu sehingga tempoh yang lama tidak

diambil untuk membersihkan kawasan-kawasan seperti itu. Ini satu masalah dan kita haruslah mencari jalan untuk mengatasi masalah seperti ini. Ini bukan satu perkara yang kecil bagi pihak tuanpunya tanah. Ini satu masalah yang besar.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga sedia maklum bahawa masalah-masalah tanah sekarang, oleh kerana itu saya tahulah kita akan mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

*Fasal 13—*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 13 (3) pemegang lesen boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri mengambil tanah pemunya ataupun penduduk ingin menggunakan dan telah membuat permohonan supaya pemegang lesen mengalih atau mengubah pinda talian walaupun Pihak Berkuasa telah membuat perintah memihak pemunya atau penduduk.

Di sini adalah tidak adil kepada pemunya atau penduduk. Jika begini, apakah gunanya merayu kepada Pihak Berkuasa. Itu merupakan satu langkah sia-sia sahaja kerana jika pemegang lesen berdegil ataupun enggan mengalih atau mengubah pinda talian, tindakan memaksanya berbuat demikian tidak akan berhasil.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah dengan pampasan kepada pemunya atau penduduk ini ditaksirkan mengikut kos kerana tidak dapat meneruskan projeknya sendiri?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, jikalau pemegang lesen ini suka juga meminda talian-talian penghantaran yang sedia ada dan mereka suka juga menunggu sampai kita dapat kelulusan atau persetujuan daripada

tuanpunya tanah itu, saya percaya ini boleh juga mengendalakan banyak perkara-perkara berkenaan dengan bekalan elektrik di seluruh tanahair kita.

Oleh kerana itulah melalui undang-undang seperti apa dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Seksyen 13 kita mengambil tindakan. Jikalau tidak, saya percaya kita tidak boleh menjalankan apa-apa rancangan sebelum kita membayar pampasan itu dengan puas hati oleh pemegang tanah itu.

*Fasal 20—*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak mengatakan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana sanggup dan sabar untuk menjawab satu-persatu. Ini menunjukkan satu tabiat, satu amalan yang baik kerana inilah cara untuk memperbincangkan Rang Undang-undang di dalam peringkat Jawatankuasa.

Fasal 20, memperuntukkan bahawa kelengkapan elektrik seseorang pemegang lesen tidaklah tertakluk kepada apa-apa prosiding distres atau penahanan.

Tuan Pengerusi, saya tidak begitu faham hal ini kerana di dalam masa kecemasan memang penggunaan elektrik adalah satu keperluan. Jadi, saya tidak tahulah apa maksud di sini—“tidaklah tertakluk kepada apa-apa prosiding distres atau penahanan”, kerana komoditi elektrik ini di dalam masa kecemasan adalah satu komoditi di mana pihak Kerajaan mana-mana pun boleh menggunakan komoditi seperti ini, cara segera untuk menyelesaikan kecemasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, ini oleh kerana jikalau kita ada menyimpan sebuah transmission line atau transformer di atas tanah seseorang, jikalau beliau akan menjadi bankrap, dan pemegang tanah itu atau tuanpunya tanah baru tidak boleh mengambilalih jentera

atau transformer yang sedia dibekalkan oleh syarikat ini. Jadi, apa yang kita letak dalam tanah atau rumah atau tempat, itu mesti menjadi tuannya oleh syarikat pembekal elektrik ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah jelaskan lebih lanjut lagi kerana saya kurang faham "apa-apa prosiding distress atau penahanan".

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, jikalau kita menyimpan sebuah transformer di atas tanah yang dipunyai oleh, katakanlah A, kalau A menjadi bankrap, maka siapa yang ambil bankruptcy itu tidak boleh mengambilalih transformer yang dipunyai oleh syarikat. Syarikat ini menyimpan equipment itu dalam tempat itu untuk membekal elektrik. Jadi, inilah satu penjelasan berhubung dengan undang-undang ini.

*Fasal 21—*

**Dr Tan Seng Giaw:** Fasal 21 menghendaki supaya apa-apa pemasangan baru selain pemasangan yang dipunyai oleh pihak berkuasa, bekalan diperiksa dan kemudiannya dikeluarkan satu perakuan pendaftaran sebelum penggunaan atau pengendaliannya.

Tuan Pengerusi, siapakah yang akan keluaran perakuan pendaftaran? Ini saya kurang faham.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai di bawah Ketua Pengarah itu akan memberi perakuan seperti itu, oleh kerana mereka yang kawalselia semua pemasangan dan juga pembekalan dan mutu elektrik dan lain-lain.

*Fasal 26—*

**Dr Tan Seng Giaw:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, di sini saya ada satu Fasal 26 yang bagi saya sangat penting.

Fasal 26 membenarkan pemegang lesen memastikan tarif-tarif tertakluk kepada kelulusan Menteri. Tarif-tarif yang ditentukan hendaklah dirangkakan sedemikian supaya menunjukkan cara-cara bagaimana dan prinsip-prinsip yang berdasarkan tarif hendak dibuat dan juga harga-harga yang hendak dikenakan. Apa-apa tarif yang ditentukan hendaklah diumumkan secukupnya.

Di sini dengan adanya penswastaan, bagaimana kita dapat menetapkan tarif-tarif ini. Memang Yang Berhormat sangat sibuk. Jadi, dengan kesibukan ini memang tidak dapat meneliti semua aspek. Dan kalau begitu, apakah kriteria dan siapakah yang akan meneliti kriteria-kriteria ini supaya tarif-tarif yang dikenakan dan ditentukan itu adalah munasabah untuk menjaga kepentingan rakyat. Fasal ini sangat penting.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, apabila LLN akan di-swastakan, ramai daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman boleh juga atau akan ditetapkan dalam Jabatan Bekalan Elektrik seperti apa yang saya katakan tadi di bawah Ketua Pengarah. Jadi, semua permohonan-permohonan untuk meminda tarif atau lain mesti diikuti dengan rancangan-rancangan mengapakah mereka suka meminda tarif atau menaikkan tarif yang sedia ada. Ini mesti dikawal oleh Ketua Pengarah oleh kerana Jabatan Ketua Pengarah ini akan mengandungi ramai pegawai-pegawai pada masa akan datang, bukan seperti sekarang. Mereka akan menyediakan beberapa cawangan-cawangan di negeri-negeri, di bandar-bandar besar walaupun pejabat ini ditetapkan di Kuala Lumpur sebagai Ibu Pejabat.

Pada masa akan datang, Ketua Pengarah akan mengadakan pegawai-pegawai di tiap-tiap negeri dan juga di tiap-tiap daerah untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti ada juga pemegang lesen mahu iaitu menaikkan tarif. Kita tidak boleh memberi kelulusan kepada mereka tanpa apa-apa siasatan.

Dan perkara ini tidak boleh diletakkan dalam tangan Ketua Pengarah oleh kerana itu satu perkara penting kepada rakyat. Oleh kerana itu Menteri mesti memberi kelulusan. Ini bukan bererti Menteri ada banyak masa untuk menyasiat sendiri atas perkara ini. Menteri akan menjalankan tugas atas perakuan-perakuan yang akan diberi oleh Ketua Pengarah dan juga pelesen-pelesen akan menghantar permohonan itu dan kita akan menimbangkan. Daripada siasatan itu, barulah kita boleh memberi, jikalau mahu, kalau tidak, kita tidak beri.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Ketua Pengarah ini akan mengandungi pegawai-pegawai yang berpengalaman.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 27. Di sini saya tidak tahu siapa yang akan menentukan perbelanjaan dengan munasabah kerana ini membolehkan pemegang lesen menghendaki pengguna-pengguna membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah dalam mengadakan talian-talian bekalan atau apa-apa loji atau kelengkapan elektrik dan siapakah yang akan menentukan perbelanjaan yang munasabah, kerana di sini sudah diberi kuasa kepada pemegang lesen dan Ketua Pengarah sudah tidak ada kuasa lagi, kerana kuasa ini diberi kepada pemegang lesen untuk menetapkan pembayaran ataupun perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah. Siapa yang menentukan sekarang ini. Jadi pemegang yang menentukan dan bukan sesiapa lagi kalau kuasa ini diberikan kepadanya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, tindakan untuk menentukan harga membekal elektrik kepada sesebuah rumah yang tidak ada di dalam kawasan-kawasan yang mana kita mempunyai kabel atau line-line, kita suka juga memberi bekalan kepada

mereka dan ini akan ditanggung oleh mereka dan syarikat itu menentukan jikalau sesiapa yang suka menjadi pelanggan kepada mereka, tidak suka membayar atau ada juga jalan-jalan yang lain di mana mereka sendiri boleh menjalankan dengan juruperunding mereka sendiri dan pada akhirnya sambungan itu boleh dibagi oleh syarikat. Ada juga tuntutan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi pihak pelanggan tidak dipaksa untuk menggunakan apa yang ditetapkan oleh pihak pemegang lesen.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi, Fasal 28 mengenai cagaran. Fasal itu mengadakan peruntukan bagi pemegang lesen menghendaki cagaran daripada pengguna bagi kos-kos tertentu dalam mengadakan bekalan elektrik. Di sini tidak menjelaskan sama ada jika perjanjian untuk menerima bekalan elektrik ditamatkan, cagaran akan dipulangkan kepada pengguna seperti sekarang. Tidak disebutkan di sini, mungkin di tempat-tempat lain.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya percaya jikalau cagaran-cagaran telah dibuat oleh pengguna-pengguna elektrik itu dan jikalau mereka tidak menggunakan tenaga elektrik lagi, mereka dengan undang-undang yang sedia ada boleh juga mendapat balik cagaran itu. Ini kita tidak payah buat dalam undang-undang itu oleh kerana apabila mereka menandatangani dengan syarikat untuk mendapatkan bekalan, syarat-syarat ini ada dikenakan dalam syarat pembekalan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di bawah Fasal 34, saya rasa ini penting bagi mengadakan peruntukan untuk apa-apa perselisihan pendapat yang sering kali berlaku di antara pemegang lesen dan Pengarah berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai bekalan tenaga hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah. Peruntukan dibuat untuk

membenarkan mana-mana pemegang lesen yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah untuk memohon kepada Menteri bagi pertimbangan semula perkara yang dipertikaikan itu.

Tuan Pengerusi, di sini pada pengalaman saya, seringkali apabila permohonan seperti ini dibuat, masanya terlalu panjang, kadang-kadang berbulan-bulan. Kalau perkara ini berterusan, memang ada menjejaskan perjalanan syarikat dan sebagainya. Sebenarnya adakah peruntukan yang menghadkan masa, memang mesti dalam tempoh dua tiga bulan perkara ini mesti diselesaikan. Memandangkan tugas Yang Berhormat Menteri itu sangat sebok, bagaimana dengan pemegang lesen ini dapat mengemukakan aduannya dengan lebih cepat lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya telah menetapkan beberapa perkara berkenaan aduan-aduan, pembekalan dan lain-lain dan perkara itu mesti dapat diselesaikan dalam satu tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian. Walau bagaimanapun masa untuk menyelesaikan masalah atau perkara-perkara berkenaan dengan arbitration ini tidak boleh ditetapkan dalam undang-undang tetapi boleh juga dibuat dalam regulation yang akan ditetapkan oleh Kementerian saya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 39 memperuntukan bahawa liability sivil atau jenayah mana-mana pemegang lesen yang berbangkit daripada Rang Undang-undang adalah tidak terjejas, kecuali sebagaimana yang diperuntukan dalam Fasal 17 dan Fasal 20. Ini kurang jelas, kerana saya pun ada bertanya mengenai Fasal 20 tadi dan di sini dikatakan, "kecuali sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 17 dan 20". Memang liability sivil atau jenayah mana-mana pemegang lesen boleh berbangkit.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, manakala ada masalah-masalah yang tidak boleh diselesaikan oleh Ketua Pengarah, bagi perkara seperti itu, perkara ini dirujuk kepada Arbitration Panel. Jikalau mereka tidak boleh menyelesaikan masalah itu melalui Arbitration Panel itu, pada akhirnya perkara ini dirujuk kepada Mahkamah. Itulah ertinya kepada perkara ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 17 dan Fasal 20.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Fasal 17 iaitu berkenaan dengan pembekalan elektrik. Jikalau seorang pelanggan mahukan bekalan elektrik yang lebih tinggi kilowatnya dan jikalau syarikat itu tidak mahu membekalkannya, perkara itu tidak boleh dirujuk, oleh kerana ini satu perkara yang mesti ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah sahajalah yang mempunyai pengalaman, adakah dalam minat syarikat itu untuk membekalkan elektrik kepada pelanggan itu ataupun tidak. Oleh kerana ini menjadi satu pengalaman dan pengalaman itu dipunyai oleh Ketua Pengarah sahaja dan oleh kerana Ketua Pengarah boleh menyasiat, boleh menetapkan adakah syarikat itu boleh memberi bekalan seperti apa yang diminta oleh pelanggan itu atau tidak. Jikalau kita mahu rujuk juga perkara ini kepada Mahkamah, maka pelanggan itu tidak boleh mendapat bekalan. Saya tidak tahu berapa lamakah masanya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ada hanya tinggal dua perkara lagi. Pertamanya Fasal 46 yang menyatakan tentang gangguan elektrik terhadap talian pengisyarat Kerajaan. Apa-apa gangguan yang tidak boleh dihentikan dengan berkesan boleh membawa kepada penggantung atau pembatalan apa-apa lesen atau larangan

ke atas apa-apa kerja atau kendalian yang dijalankan oleh pemegang lesen. Di sini kurang jelas apa yang disebutkan sebagai talian pengisyarat Kerajaan.

Adakah hanya terhad kepada lampu-lampu isyarat Kerajaan ataupun perkara-perkara yang lain yang tidak termasuk di dalamnya, saya pun kurang fahamlah mengenai istilah ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, jikalau ada apa-apa masalah iaitu alat-alat radio dan juga alat-alat hubungan ada daripada pemasangan elektrik atau lain-lain, di sini Ketua Pengarah boleh memberi arahan kepada mana-mana pihak atau syarikat itu untuk siapa.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sekejap ya, Sungai Benut bangun.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 40 (1).

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sila bacakan.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Saya ingin mencadangkan bahawa masalah ini diputuskan sekarang.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Menteri sedang memberi jawapan dan eloklah Yang Berhormat Menteri habiskan jawapan dahulu, dan selepas itu saya akan kemukakan Fasal-fasal yang berkenaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk diputuskan. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, masa ini saya telah memberi keterangan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan satu Akta yang penting kepada negara ini, oleh kerana itu saya telah mengambil sedikit masa. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong oleh kerana ini boleh juga memberi keterangan kepada rakyat jelata. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di sini saya hendak mengucapkan syabas sekali lagi kerana Yang Berhormat sanggup memberi jawapan yang begitu tepat. Bagi saya, ini cara yang baik untuk memperbahaskan satu Rang Undang-undang yang penting.

Fasal 1 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (SYARIKAT PENGGANTI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.26 m/m.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu kepada satu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara

yang berhubung dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan supaya Lembaga Letrik Negara (LLN) diperbadankan untuk diswastakan kelak bagi mencapai faedah-faedah berikut:

- membolehkan LLN mencapai matlamat perkhidmatan produktiviti dan kemajuan yang lebih tinggi;
- kebebasan komersial LLN dapat dinikmati dengan cepat melalui penswastaaan; dan
- menghasilkan faedah ekonomi dan kewangan kepada Kerajaan.

Bagi membolehkan LLN diperbadankan, Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan pada permulaannya ditubuhkan. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 adalah merupakan satu Akta yang akan membolehkan harta, hak dan liability LLN diletakkan kepada syarikat pengganti yang ditubuhkan itu pada satu tarikh yang ditetapkan tarikh pemindahan. Ini diperuntukkan di Fasal 3 (1) melalui peruntukan-peruntukan Akta Pembekalan Elektrik 1990. Syarikat pengganti ini akan diberi lesen untuk berfungsi dan beroperasi membekal tenaga elektrik seperti yang dijalankan oleh LLN sekarang.

Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 ini juga melalui Fasal 5 melindungi hak sesiapa yang pada masa sekarang memegang share dalam LLN dengan memperuntukkan bahawa share tersebut hendaklah mulai dari tarikh pemindahan dipegang oleh orang itu dalam syarikat pengganti. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti)

1990 ini juga menyediakan peruntukan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengarahkan syarikat mengenai hal ehwal kewangannya semasa ekuitinya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan. Ini diperuntukkan di Fasal-fasal 4, 6 dan 8.

Fasal 9 Rang Undang-undang memperuntukan bahawa setiap orang yang sebelum ini berkhidmat dengan dan telah memilih untuk berkhidmat dengan syarikat pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan LLN sekarang.

Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 pada amnya adalah sama seperti Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985, yang telah diluluskan untuk memperbadankan Syarikat Telekom Malaysia (STM) sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakhakkan harta, dan liability Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Tanjong.

8.32 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mahu kemukakan atau ulangi dua point dan soalan yang tadi saya ada bangkitkan, tetapi tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama, kenapa Kerajaan tidak menggunakan cara kopratisasi dan bukan penswastaaan 100% untuk mengendalikan perkhidmatan atau public utility, kuasa elektrik untuk menggantikan LLN, tidakkah kopratisasi ini boleh menjaga kepentingan orang ramai khasnya dari segi public utility.

Kedua, kenapa Kerajaan membuat keputusan untuk rizab 25% saham-saham dalam Syarikat T.E.N. yang akan wujud untuk diswastakan kepada orang asing dan bukan semuanya dimiliki oleh rakyat Malaysia?

(Tuan Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

8.34 mlm.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebabnya Kerajaan ingin menswastakan satu badan yang telah memberikan profit yang besar dan adakah pembayaran cukai oleh syarikat ini melebihi contribution yang telah diberikan oleh Lembaga yang ada sekarang. Tetapi oleh kerana hasrat Kerajaan telah ternyata di dalam pembentangan Rang Undang-undang ini, saya mencadangkan supaya penswastaaan dilakukan dengan cara yang lain daripada penswastaaan seperti Sports Toto, supaya Kerajaan dan rakyat dapat menuntut pendapatan yang lebih dan wajar.

Saya mencadangkan, sebagai langkah yang pertama, supaya Yang Berhormat Menteri memberikan semua pelanggan

bekalan elektrik ini 1,000 saham seorang termasuk kakitangan LLN yang ada sekarang ini, tetapi jangan menyenaraikan saham ini di atas Bursa Saham sementara waktu.

Peringkat yang keduanya saya mencadangkan 25% untuk pelabur-pelabur asing kita jual kepada pelabur-pelabur asing selepas kita menyenaraikan di atas Bursa Saham. Jadi pelabur-pelabur asing ini terpaksa membayar satu premium yang lebih tinggi daripada pelabur-pelabur tempatan. Saya rasa dengan cara ini tiap-tiap penghuni akan menerima rebate, dengan izin, melalui pemberian saham di atas kegunaan elektrik sejak LLN ditubuhkan, dan jika mereka mahu mereka boleh pegang saham ini dan melibatkan diri dalam syarikat ataupun menjual saham mereka apabila disenaraikan di KLSE dengan harga yang tinggi daripada apa yang dijual pada harga asalnya.

Satu lagi soalan yang saya hendak tanya, apakah kesan pada tanah-tanah negeri di mana tanah-tanah negeri telah diberikan kepada LLN untuk tujuan Persekutuan dan sekarang dalam penswastaaan yang dicadangkan semua tanah-tanah yang telah dimiliki oleh LLN masuk dalam satu syarikat. Adakah Kerajaan-kerajaan Negeri diberikan satu pampasan (compensation) dan sekiranya negeri-negeri menolak cadangan supaya tanah mereka dimasukkan di dalam syarikat yang baru ini, adakah Syarikat ini akan membayar lebih sewa pada negeri yang berkenaan? Adakah ini akan meningkatkan lagi kos bekalan elektrik itu kepada penghuni-penghuni?

Saya ingin juga meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bilakah kawasan saya di sebelah Daerah Pontian dapat dibekalkan dengan elektrik kalau LLN ini diswastakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

8.37 mlm.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa soalan untuk dijawab oleh Menteri, dan di sini saya ingin merujuk kepada huraian di mana ada diterangkan di sini bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakkan harta, hak dan liabiliti Lembaga Letrik Negara pada satu syarikat pengganti, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubungan dengan kakitangan.

Soalan yang saya ingin tujukan kepada Yang Berhormat Menteri ialah mengenai kakitangan LLN ini apabila syarikat pengganti ini ditubuhkan.

Yang pertama, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan-kakitangan LLN akan dikekalkan oleh syarikat yang baru, misalnya kemudahan-kemudahan seperti kemudahan perubatan, pinjaman perumahan, pinjaman kereta dan sebagainya.

Yang kedua ialah mengenai perkara saham ini di mana pekerja-pekerja dalam syarikat baru ini, Syarikat T.E.N., akan diberi saham. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau dapat menerangkan tentang asas ataupun basis saham ini dikeluarkan kepada pekerja-pekerja.

Yang ketiga ialah sama ada kakitangan-kakitangan yang menyertai syarikat baru boleh mendapat pension dan gratuity ataupun imbuhan dengan serta-merta apabila mereka sudah sampai umur berpencen.

Keempat, ialah saya juga ingin mendapat tahu apakah kedudukan tentang pemegang biasiswa LLN yang sekarang ada bekerja secara kontrak dengan LLN. Selepas syarikat pengganti ini telah ditubuhkan, saya hendak bertanya sama ada kontrak ini masih dikekalkan ataupun mereka bebas untuk meninggalkannya.

Perkara yang akhir yang saya ingin menyebutkan di sini ialah berkenaan dengan masalah yang tadi juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai kos elektrik ini. Sebab perkara ini adalah satu perkara yang amat membimbangkan para pengguna di negara kita apabila syarikat baru ini ditubuhkan. Saya ingin mendapat tahu apakah mekanisma yang akan diaturkan ataupun akan diputuskan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa kos bekalan elektrik ini tidak akan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya oleh syarikat baru memandangkan bahawa perkara ini mempunyai implikasi yang serius dan luas dan saya berharaplah bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan tentang beberapa hal yang telah saya sebutkan tadi. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

8.43 mlm.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah apabila Syarikat Pengganti mengambil alih LLN, ia boleh menyelesaikan satu masalah yang mana sekarang LLN tidak dapat menyelesaikannya. Masalahnya ialah sebahagian penduduk-penduduk yang duduk di tanah persendirian tidak dapat bekalan elektrik oleh kerana apabila mereka memohon bekalan elektrik tuan tanah itu tidak beri kebenaran. Jadi, mereka tidak dapat bekalan elektrik dan golongan ini kebanyakannya adalah golongan yang berpendapatan rendah. Jadi, saya berharaplah apabila syarikat ini ditubuhkan, ia dapat menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

8.44 mlm.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 ini adalah ekoran daripada Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990 dan saya telah pun menekankan beberapa perkara mengenai penswastaaan seperti ini. Cuma saya hendak menambahkan lagi bahawa di dalam Rang Undang-undang ini saya tidak nampak bilangan Syarikat Pengganti yang dibenarkan, sama ada satu atau 2 ataupun di tiap-tiap negeri dibenarkan satu syarikat pengganti di seluruh negara. Kerana ini adalah penting. Kalau ada satu syarikat sahaja, itu bermakna satu monopoli. Kalau tiap-tiap negeri ada satu atau dua syarikat, mungkin ini akan menggalakkan satu persaingan yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam membentangkan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990, kerana kalau kita adakan satu syarikat sahaja, ianya tidak dapat bersaing dengan sihat. Kalau di tiap-tiap negeri ada satu, dua atau tiga syarikat, ini akan menggalakkan persaingan yang hebat dan dengan itu boleh didapati perkhidmatan yang lebih baik dan mutu bekalan elektrik lebih tinggi.

Di sini juga saya hendak menekankan bahawa janganlah kita benarkan syarikat-syarikat itu dimiliki oleh parti politik sahaja, baik di dalam hal untuk menswastakan bekalan elektrik, parti-parti politik tidak dibenarkan secara langsung ataupun tidak langsung. Jadi, kita mengkaji dengan teliti syarikat-syarikat yang membuat permohonan untuk projek penswastaaan ini. Kalau ada sesiapa pun, parti politik manapun yang terlibat, janganlah kita membenarkan. Kerana ini satu komoditi yang begitu

penting bagi negara dan saya tidak mahu menyaksikan sekali lagi perkara politik perniagaan dilakukan sekali lagi di dalam perbekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam syarikat-syarikat yang akan dibenarkan menyertai . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa kalau kita baca definisi "syarikat pengganti", maknanya kita boleh faham, adakah ia itu syarikat-syarikat ataupun satu syarikat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh, kerana dalam Bahasa Malaysia ini "syarikat" merangkumi termasuk "syarikat-syarikat".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hanya hendak membawa perhatian Yang Berhormat kepada definisinya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Oh, definisi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan definisi yang sedemikian, saya belum pastikan dan pihak Yang Berhormat Menteri pun tidak menyebutkan mengenai struktur sekuriti, struktur syer (saham) di dalam syarikat tersebut. Kononnya ada disebutkan 25% akan diperuntukkan kepada pelabur-pelabur asing. Sebenarnya, saya tidak ada halangan atau mempunyai hasrat untuk menghalang pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini, kerana ini satu faktor yang utama, yang penting bagi memajukan negara. Kita tidak mahu apa yang berlaku di negara Burma, misalnya, yang sebelum ini tidak membenarkan syarikat-syarikat asing untuk menceburi di dalam pasarannya.

Di negara ini memang kita alu-alukan ini, dengan jaminan bahawa pihak pelabur-pelabur asing tidak akan menjejaskan hasrat-hasrat rakyat Malaysia untuk memajukan negara ini. Hasrat-hasrat untuk mendapat teknologi

dan pemindahan teknologi daripada pelabur-pelabur asing kepada orang-orang tempatan. Walaupun 25% diperuntukkan untuk pelabur-pelabur asing, seperti yang pernah disebutkan, saya pun kurang pastilah sama ada pelabur-pelabur asing akan dibenarkan untuk memiliki, misalnya, 51%, 60% ataupun 70%, kerana kalau kita memperhatikan apa yang telah berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini, banyak syarikat yang dibenar didaftarkan dan beroperasi di negara ini, kadangkala 70% adalah dimiliki oleh pihak syarikat asing ataupun ada syarikat 100% yang dimiliki oleh pihak pelabur asing.

Sama ada amalan seperti ini akan berlaku dengan syarikat pengganti ini—saya sebutkan syarikat penggantilah—sama ada ini akan berlaku dengan syarikat pengganti ini, saya pun tidak tahu. Tetapi bagaimana angka 25% itu ditetapkan untuk pelabur-pelabur asing, saya pun tidak tahulah dan haraplah nombor yang ajaib ini dapat ditentukan. Mengapa buka 35%, bukan 10%, kenapa 25% dan sama ada mengikut apa yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru ataupun tidak? Nampaknya ada jawapan-jawapan yang dibekalkan kepada Yang Berhormat Menteri daripada pegawai-pegawai Kerajaan tadi. Sukalah saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengenai struktur saham-saham syarikat pengganti ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi peruntukan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengambil alih bagi pihak Kementerian sekuriti-sekuriti syarikat pengganti ini. Walaupun tidak disebutkan kuasanya setakat mana, ini bermakna kalau mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, memang nampaknya Menteri Kewangan mempunyai kepentingan, mempunyai kuasa, untuk mengendalikan syarikat pengganti ini. Kalau sedemikian rupanya, maka apa yang disebutkan sebagai penswastaan ini adalah sangat anih juga, kerana tidak

dikuasai 100% oleh syarikat pengganti dan pihak Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk mengambilalih untuk mengendalikan dan juga untuk melantikkan orang-orang yang tertentu bagi mengendalikan fungsi-fungsi yang tertentu di dalam syarikat pengganti.

Jadi, ini merupakan satu cara penswastaan yang baru di mana Menteri Kewangan mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Sekali lagi saya hendak menyeru supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan yang tepat untuk memelihara kepentingan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*8.54 mlm.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Sungai Benut, Bukit Bintang, Bukit Mertajam dan Kepong yang telah memberi pandangan-pandangan mereka dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Dalam jawapan tadi, saya tidak memberi penjelasan berkenaan dengan dua perkara, dan saya suka memberi penjelasan sekarang. Pertama, LLN akan dikorporatisasikan dahulu. Itu tindakan yang pertama. Selepas itu kita mendapat tahu apakah prestasi perbadanan itu sebelum kita mengambil tindakan untuk menswastakannya. Jikalau kita suka mengkorporatisasikan LLN yang sedia ada, kita tidak boleh membuat demikian tanpa Akta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tadi. Tetapi walaupun kita ada juga fikiran untuk menswastakan LLN ini, tetapi kita belum menetapkan bilakah masanya, oleh kerana itu akan ditetapkan oleh Jemaah Menteri dan Kerajaan di masa akan datang. Itu yang pertama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini bererti bahawa satu keputusan muktamad belum dibuat oleh Jemaah Menteri mengenai penswastaaan atau koporasi LLN ini; bahawa apabila satu koperasi ditubuhkan ia bergantung kepada prestasi koperasi itu dan barulah Jemaah Menteri akan membuat keputusan sama ada akan ambil lagi atau langkah menggantikan koperasi itu dengan satu syarikat; dan bahawa pada setakat ini satu keputusan muktamad belum dibuat untuk men-swastakan LLN.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah memberi dua keputusan. Keputusan yang pertama untuk mengkorporatisasikan LLN yang sedia ada sekarang. Ini akan menjadi satu badan. Ini tindakan yang pertama untuk menswastakan. Sama ada hendak memberi saham kepada luar negeri atau tidak, semua ini akan ditetapkan lagi oleh Jemaah Menteri.

Seperti apa saya jelaskan dalam mesyuarat di LLN dua atau tiga hari yang lalu, Kerajaan belum menetapkan siapakah akan mengambil alih saham—itu yang pertama. Dalam jawapan saya kepada soalan pemberita-pemberita itu, apa yang saya beritahu iaitu LLN akan diswastakan dan lebih dari 70% saham akan dijual kepada pemegang-pemegang amanah serta juga pembeli-pembeli di tanahair kita dan selepas itu jikalau ada lagi, Kerajaan juga menetapkan atau memberi kebenaran untuk menjual saham itu kepada luar negeri—keputusan mengenai itu akan ditetapkan atau diambil oleh Kerajaan. Tetapi apa yang dilaporkan dalam surat-khabar itu ialah bahawa saya telah menetapkan 25% saham sebagai reserve. Kita tidak boleh reserve. Saya tidak ada kuasa untuk mereservekan saham untuk siapa-siapa. Tetapi apa yang kita menetapkan, seperti Ahli Yang Berhormat sedia

maklum, harta LLN sekarang iaitu \$5 juta tanpa pinjaman daripada luar negeri, dan jikalau campur dengan pinjaman daripada luar negeri . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** \$5 juta?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** \$5 billion, minta maaf. Jikalau kita campur dengan pinjaman-pinjaman, saya percaya harta ini boleh dikatakan lebih kurang \$11.5 billion. Itulah harta LLN. Jadi, saya suka jelaskan ini sedikit, kerana ada banyak soalan kepada saya samada saya reservekan 25% kepada orang asing. Saya bukan mahu jual tanahair ini kepada siapa-siapa di luar negeri, oleh kerana ini adalah hak kita untuk menjaga kepentingan kita. Tetapi apa diputuskan oleh Kerajaan ialah, jikalau ada juga keputusan dibuat oleh Kerajaan untuk mendapat pelabur-pelabur dari luar negeri atau pelabur-pelabur asing, itu akan ditetapkan oleh Jemaah Menteri pada masa akan datang.

Jadi, satu penjelasan, tindakan yang pertama ialah untuk bukan koperasi tetapi korporatisasi atau to corporatise, dengan izin, dan ini akan menjadi satu badan seperti STM sekarang. Adakah badan ini menunjukkan minat-minat mereka untuk diswastakan, adakah mereka menunjukkan minat mereka untuk mendapat keuntungan dan prestasi yang baik, perkhidmatan yang baik dan boleh dipujikan oleh rakyat jelata di dalam tanahair ini, semua ini boleh jadi satu timbangan masa akan datang. Ini bukan . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri mengatakan seperti STM, setahu saya STM itu satu syarikat sahaja, satu monopoli, bukan dua ataupun tiga syarikat, satu syarikat. Itu Yang Berhormat sedia maklum, selepas itu Kerajaan mengadakan kabel-kabel yang besar dengan perbelanjaan yang lebih \$2 bilion, selepas itu baru hendak swastakan STM itu kepada satu syarikat

sahaja, satu monopoli. Sama ada amalan sedemikian akan dibenarkan di dalam usaha untuk mengkorporatisasikan LLN itu, saya tak tahu, tetapi kalau ikut hujah Yang Berhormat Menteri tadi hendak ikut STM pun boleh. Kalau ikut begitu, matilah semua, memonopoli semua, membolot semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hanya minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan sama ada kita hendak ikut jejak STM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudahlah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sudah salah sedikit, dukacitalah. STM telah menjadi satu badan yang memegang semua harta-harta dipunyai oleh Jabatan Telekom Malaysia pada masa dahulu. Ada juga syarikat-syarikat yang lain, STM, SELCOM, masa akan datang banyak syarikat akan diluluskan oleh Kerajaan. Ini bukan berertinya monopoli, tetapi masa akan datang apabila STM dengan prestasi yang baik diswastakan, ini boleh memecahkan sebagai saham kepada beberapa pihak di dalam tanahair ini, pada masa itu tidak boleh monopoli lagi. Jadi prestasi STM jikalau Yang Berhormat ada juga apa-apa pandangan tunggulah masa atau mesyuarat akan datang, saya ada satu Bil lagi berkenaan dengan Telekom, pada masa itu boleh jugalah dibangkitkan beberapa isu yang boleh. Walau bagaimanapun, untuk ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya rasa keliru apa sebenarnya tujuan kita dalam Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Menteri menjelaskan tadi bahawa tujuan ialah Kabinet belum buat satu keputusan muktamad untuk menswastakan LLN. Apa yang diputuskan, apa Kerajaan mahu bertindak ialah corporatised LLN, mengadakan satu corporation. Kalau

begitu, saya rasa Rang Undang-undang ini tidak tepat, tidak betul dan sangat mengelirukan oleh kerana Rang Undang-undang ini bukan untuk Rang Undang-undang Perbadanan tetapi Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti). Kalau apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk adakan satu perbadanan sepatutnya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Perbadanan).

Sebenarnya nampak di sini kita bukan mahu perbadanan sahaja, tetapi perbadanan ialah, dengan izin, halfway house kepada Syarikat Pengganti. Dalam definisi ini, Fasal 2, Perbadanan ada definisi, Syarikat Pengganti ada definisi; dua pertubuhan yang berlainan. Apabila kita diminta untuk meluluskan Rang Undang-undang ini, sebenarnya kita diminta untuk memberi kelulusan kepada satu keputusan untuk penswastakan LLN dan bukan sahaja untuk memperbadankan LLN. Perbadanan LLN ialah halfway house. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu penerangan yang jelas oleh kerana kita tidak boleh meluluskan satu perkara yang belum diputuskan, mengikut Yang Berhormat Menteri, oleh Jemaah Menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja saya telah jelaskan dengan lebih terang kepada Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah buat dua keputusan. Keputusan yang pertama seperti apa saya katakan tadi dalam perbincangan Rang Undang-undang tadi. Yang kedua, untuk mengadakan satu Syarikat Pengganti selepas ini berlaku, tetapi penswastakan atau penjualan kepada saham-saham itu bukan dilakukan terus dalam masa sekarang. Itulah keterangan saya beri tadi. Saya sudah terangkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lebih penjelasan lebih confused, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya sekarang, baik begitu, dalam definisi ini Perbadanan,

adakah ini koperasi selepas corporatisation LLN? Syarikat Pengganti ialah selepas corporatisation mahu melaksanakan penswastaan. Syarikat Pengganti ialah satu syarikat yang akan menggantikan corporation, betul?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah dengar dari ucapan saya iaitu Syarikat Pengganti ini akan ambilalih semua harta-harta dan juga semua pekerja-pekerja yang dipunyai oleh LLN sekarang. Jadi, ini akan ditetapkan dalam tangan Menteri Kewangan. Selepas itu Menteri Kewangan akan mengambil tindakan untuk menswastakan. Penswastaan berertinya mahukah kita menjual saham-saham ini kepada siapa? Itulah penjelasan yang saya berikan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta maaf. Syarikat ini TEN yang akan menjadikan pengganti, bukan pengganti LLN. Syarikat TEN ini ialah Perbadanan atau Syarikat Pengganti?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Syarikat Pengganti.

**Tuan Lim Kit Siang:** TEN?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bererti apabila LLN dicorporatisekan, ia bukan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa LLN sudah menjadi satu badan korporat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tak faham. Sekarang dia kata mahu corporatisekan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Akta Elektrik 1949, Lembaga itu corporate body.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri kata mahu corporatisekan lagi, corporatisation

yang kedua lagi, fasa kedua, saya tak tahu. Sebab itu saya keliru, saya tak faham. Saya mahu tanya, kalau saya tak silap, TEN itu ialah Syarikat Pengganti, bukan corporation. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa langkah pertama ialah korporatisekan dan belum diputuskan sama ada TEN akan ditubuhkan oleh kerana akan bergantung kepada prestasi badan yang dicorporatisekan ini. Adakah ini betul?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini LLN ialah sebuah corporate body yang diperbadankan di bawah Akta Elektrik, 1949 dan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik akan memansuhkan LLN dalam bentuk yang ada sekarang. Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) membolehkan pindah milik harta, hak dan liabiliti LLN kepada Syarikat Pengganti itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu pengganti itu ialah langkah yang kedua. Sekarang, langkah yang pertama ialah re-corporate, kalau saya fahamlah, oleh kerana sudah mansuhkan Akta Elektrik 1949 di mana tubuh Lembaga. Lembaga ditubuhkan di bawah Akta Elektrik 1949 dan sekarang mahu re-corporatisekan LLN itu di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 dan selepas itu dicorporatisekan apa nama dia, oleh kerana kalau tak silap, belum jadi TEN. Kalau mahu jadi TEN mahu sampai langkah yang kedua apabila Syarikat Pengganti muncul. Apa nama koperasi ini sekarang selepas Bil ini, sebelum TEN, pre-TEN.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini selepas tindakan-tindakan dan kelulusan ini akan dinamakan sebagai Tenaga Nasional Berhad.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini nama corporation?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Syarikat Pengganti ini akan dinamakan seperti apa yang saya katakan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okaylah, dan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia "Berhad", public company?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut iaitu di bawah Fasal 3(1) berkenaan dengan tanah Negeri, Fasal 3(1) memperuntukkan harta hak dan liabiliti LLN akan dipindahmilik kepada syarikat pengganti. Tetapi jika tanah berkenaan adalah tanah Negeri ianya tidak akan berpindahmilik kepada syarikat pengganti, malahan itu akan terus kekal sebagai tanah Negeri dan tanah tersebut boleh disewa untuk digunakan oleh syarikat pengganti atas sewaan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut juga telah menyoal berkenaan dengan saham untuk pelabur-pelabur, kakitangan dan orang awam termasuk pengguna-pengguna. Saya jelaskan tadi bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kerajaan dibantu oleh pakar-pakar perunding. Keputusan kajian akan diteliti oleh Kerajaan dalam menetapkan penjualan saham-saham dan Kerajaan akan menentukan ialah semua kepentingan akan diberi pertimbangan supaya objektif-objektif penswastan Kerajaan tercapai.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyoal berkenaan dengan penentuan kadar tarif berpatutan dan terkawal. Penetapan kadar tarif akan diperuntukkan melalui satu formula di dalam lesen yang akan diberi kepada syarikat pengganti. Formula ini akan menetapkan "price range" yang berdasarkan kepada kos dan ekonomi pembekalan elektrik.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkit berkenaan dengan bekalan tidak dapat diberi oleh syarikat kepada pengguna yang memerlukan laluan tanah bekalan. Kebenaran tuan tanah . . .

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut bangun.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jawapan kepada soalan saya. Mengikut jangka Yang Berhormat, adakah pembayaran cukai daripada syarikat ini lebih daripada contribution, dengan izin, LLN yang ada sekarang? Dan soalan saya yang kedua ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri menetapkan satu deadline di mana kawasan saya di dalam daerah Pontian dapat diberikan perkhidmatan elektrik sebelum ataupun selepas penswastan dilakukan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan masalah dihadapi oleh kawasan beliau ada juga dalam timbangan LLN sekarang oleh kerana pada masa dahulu tidak ada pembekalan switch gear dan lain-lain perkara. Oleh kerana itu, kita tidak memberi bekalan kepada kawasan-kawasan dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya percaya dan juga saya dapat tahu daripada LLN iaitu tindakan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Jadi, berkenaan cukai, Yang Berhormat telah menyoal tadi, saya tidak dengar. Bolehkah Yang Berhormat ulang sekali lagi?

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Contohnya kalau syarikat baru ini dikenakan cukai sebanyak 35%, adakah 35% ini lebih daripada apa yang boleh diberikan melalui cara yang ada sekarang ini di bawah LLN, dengan izin, will the tax contribution be more than the current payment made by LLN to the Government?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukai untuk pembelian alat-alat dan jentera yang dikenakan oleh Kerajaan kepada LLN?

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Bukan, cukai daripada pendapatan—tax on profit. Tujuan soalan saya ialah sekiranya kita hendak menswastakan satu badan yang profitable, dengan izin, mungkin tujuan itu adalah sebab apabila badan seperti LLN diswastakan ataupun di-korporatisekan, maka cukai daripada syarikat itu akan melebihi apa yang dibayar oleh LLN kepada Kerajaan yang ada sekarang. Itu soalan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Apa saya dapat tahu daripada prestasi sekarang iaitu STM membayar seperti syarikat-syarikat yang lain, bukan seperti badan koperat LLN. Saya percaya syarikat baru ini pun mesti mengikuti syarat-syarat dan cukai yang dikenakan kepada STM iaitu peratusan yang sama.

**Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail:** Dan pada jangkaan Yang Berhormat Menteri, adakah ini melebihi apa yang diberikan oleh LLN melalui cukai pada masa yang lepas?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Mesti lebih.

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti. Dia jawab yang sana dahulu. Point Yang Berhormat saya belum sampai lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya sudah jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, point Yang Berhormat dari Bukit Bintang belum sampai lagi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Point Yang Berhormat dari Bukit Bintang belum lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Sila.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Berkenaan dengan bekalan elektrik yang telah disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam iaitu kebenaran tuan tanah jiran adalah diperlukan oleh syarikat untuk menyambungkan bekalan ke rumah-rumah pengguna tersebut, amalan yang serupa diamalkan oleh LLN sekarang. Oleh kerana mereka membina rumah tanpa kebenaran daripada tuan punya tanah itu dan kita memberi bekalan elektrik, bekalan telefon, air dan lain-lain, dia lebih tetap, mereka tidak mahu keluar dan ini boleh menjadi masalah.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bangun.

**Tuan Chian Heng Kai:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ada sebahagian rumah di mana dia dapati kelulusan oleh tuan tanah untuk mendirikan rumah di sana tetapi tuan tanah tidak benarkan elektrik lalu tanah itu. Jadi,

oleh itu bolehkah pinda Rang Undang-undang berkenaan supaya boleh bagi bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk itu?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jikalau ada juga kes seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu tuan tanah itu memberi kebenaran untuk membina rumah dan lain-lain, mengutip sewa, tetapi tidak mahu menandatangani untuk membekal elektrik, ini boleh jadi satu perkara yang lebih serius, oleh kerana ini ada juga dalam kandungan undang-undang, kerana jikalau LLN memberi bekalan, tuan tanah itu boleh ambil tindakan mahkamah di atas LLN. Dia akan meminta macam mana LLN atau syarikat ini memberi bekalan kepada orang yang menduduki di tanah dia tanpa kebenaran dia. Jadi, ini satu masalah yang saya tidak boleh menjelaskan sekarang. Jikalau ada juga undang-undang dipinda pada masa akan datang itu kira lain. Saya percaya bahawa keterangan saya beri tadi kepada Ahli Yang Berhormat boleh menerima.

**Tuan Chian Heng Kai:** Mahu tanya Ahli Yang Berhormat, bolehkah cadangan saya ditimbangkan supaya golongan yang berpendapatan rendah itu dapat menikmati bekalan elektrik?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat, saya bersimpati dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh kerana pada satu masa yang lalu saya sendiri pun duduk dalam rumah seperti itu juga, tidak ada lampu elektrik. Sekarang sudah banyak kaya seperti apa dikatakan oleh kawan-kawan saya sendiri. Saya tahu siapa buat itu,—itu lain kiralah. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat, perkara ini saya boleh membangkit dengan LLN untuk mendapat tahu adakah apa-apa jalan yang mana kita boleh menyelesaikan masalah-masalah seperti itu.

Saya suka juga menjawab sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faedah kakitangan LLN dan juga pencen dan saham kepada kakitangan LLN dan kontrak pemegang biasiswa LLN. Semua syarat yang diterima oleh kakitangan LLN sekarang adalah dijamin tidak kurang baiknya, dengan izinnnya, no less favourable. Oleh itu, mereka akan terus menikmati kemudahan ini kecuali faedah pencen. Ini akan ditukar kepada KWSP (EPF), semua aset, hak dan liabiliti LLN sekarang akan dipindahkan kepada syarikat itu nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan isu berkenaan bilangan syarikat pengganti. Mengikut undang-undang berkenaan syarikat pengganti, ianya bererti syarikat yang kepadanya dipindahkan segala harta, hak dan liabiliti LLN. Apa yang dimaksudkan oleh syarikat pengganti ialah satu syarikat sahaja. Ini bukanlah bererti kita tidak boleh membenarkan syarikat-syarikat yang lain jikalau keadaan itu perlu diadakan satu syarikat di tempat-tempat yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ada baca lagi undang-undang ini, saya rasa ini mustahak kerana kalau tidak bagaimana kita mahu luluskan Rang Undang-undang tanpa mengetahui apakah sebenarnya yang kita mahu luluskan. Dan sangat terang dan nyata bahawa kita sekarang membincangkan tiga badan. Yang pertama, Lembaga iaitu LLN. Kedua, perbadanan yang akan diperbadankan dan ketiga, syarikat pengganti. Ketiga-tiganya berlainan. Dan TEN, maksudnya TEN ialah perbadanan atau TEN syarikat pengganti. Tidak boleh TEN ialah perbadanan dan TEN juga syarikat pengganti. Tidak boleh. Saya hendak tanya sekarang TEN itu apa? Perbadanan? Kalau TEN ialah perbadanan, maka TEN tidak boleh menjadi syarikat pengganti, oleh kerana

kalau boleh tak perlu ada dua definisi. Saya rasa ini mustahak, kalau tidak, kalau Parlimen pun tak faham apa yang kita mahu luluskan, ini menjadi laughing-stock.

Ini bukan satu threat, saya mahu kita faham. Oleh kerana kalau kita lihat Fasal 4(1) dengan jelas Fasal ini menyatakan: Berbangkit daripada perletakhakan pada syarikat pengganti menurut kuasa seksyen 3 akan segala harta, hak dan liabiliti yang kepadanya Lembaga adalah berhak atau tertakluk, syarikat pengganti hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat itu sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan dari semasa ke semasa—

(a) kepada Perbadanan;”

Syarikat pengganti akan menerbitkan sekuriti kepada Perbadanan, keduanya berbeza. Which is TEN?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi ada body corporate iaitu LLN sekarang, daripada LLN kita akan mengadakan, melalui undang-undang ini, satu syarikat pengganti yang megambilalih harta LLN dan lain. Apakah nama syarikat itu, mahu panggilkah nama “syarikat pengganti”, tidak boleh dinamakan “syarikat pengganti”. Nama seperti apa yang saya katakan tadi syarikat pengganti ini akan ditubuhkan dan dinamakan sebagai Tenaga National Berhad (TEN). Itulah penjelasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita sudah memakan masa panjang dalam perkara ini.

Saya rasa saya faham Rang Undang-undang ini (*Ketawa*) walaupun apa yang saya bacakan tadi, malangnya saya tak boleh menerangkan. Masa tidak mengisinkan, saya mintalah Yang Berhormat jangan memanjangkan lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya telah jelaskan tadi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sedikit sahaja jawapannya oleh kerana saya telah jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Oleh itu pada akhirnya saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat untuk meminta penjelasan beberapa soalan dan juga memberikan pandangan-pandangan atas Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9—*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, Fasal 4(2) yang berbunyi: Menteri Kewangan tidak boleh memberi arahan di bawah subseksyen (1) pada masa bila syarikat pengganti telah terhenti dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan Malaysia.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, beliau mengatakan Kerajaan akan terus ada kuasa untuk mengawal, untuk memberi arahan demi kepentingan negara atau rakyat. Sungguhpun ini

terhad mengensi sekuriti tetapi di sini atau di mana-manapun nampaknya tidak ada satu peruntukan di mana Menteri ada kuasa untuk memberi arahan atas kepentingan negara. Adakah ini ditinggalkan dengan sengaja atau apakah sebabnya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, semua perkara-perkara berkenaan dengan syarikat dan juga berkenaan, dengan izin, financial provisions diletakkan di dalam tangan Menteri Kewangan.

Jadi, berkenaan dengan bekalan, penghantaran dan perkara-perkara menjaga mutu bekalan itu, apa yang saya katakan tadi ialah melalui Akta yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tempoh satu jam yang lalu.

Jadi, Menteri Tenaga mempunyai kuasa di dalam Akta itu. Di dalam Akta ini, selepas ini semua hak-hak ini diletakkan di dalam tangan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Itulah ertinya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 7, memberi kuasa kepada Menteri Kewangan melantik penerima namaan menjalankan beberapa fungsinya. Jadi, tidakkah Fasal 7 ini bertentangan dengan 4(2)?

**Tuan Pengerusi:** Fasal 4(2) maksudnya pada masa Kerajaan Malaysia tidak mempunyai hak lagi ataupun share lagi, barulah Kerajaan atau Menteri Kewangan tidak ada hak. Kalau masa Kerajaan Malaysia masih mempunyai share ataupun saham-saham dan interest, maka Menteri Kewangan ada hak. Itulah tujuannya, jadi tak bercanggah, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tak bercanggah, baiklah.

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

*9.30 mlm.*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### PERUNTUKAN WANG PEMBANGUNAN

*9.32 mlm.*

**Tuan Teoh Teik Huat (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, hak rakyat menerima manfaat-manfaat hasil daripada pembangunan negara dan tanggungjawab sesebuah Kerajaan untuk membangunkan negara adalah dua hakikat yang tidak dapat dinafikan.

Sebenarnya kewujudan sesebuah Kerajaan dalam apa juga sistem politik pun adalah semasa memerintah negara dan rakyat ke arah satu tahap dan bentuk pembangunan yang diidam-idamkan oleh mereka. Maka usaha membuat pembangunan kepada rakyat adalah satu

tujuan murni bagi sesebuah Kerajaan. Tetapi di Malaysia, pembangunan digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi memenuhi kepentingan diri sendiri parti pemerintah supaya dapat mandat untuk memerintah negara sekali lagi. Ia juga digunakan untuk mewujudkan satu jalinan politik naungan (political patronage) di mana faedah-faedah diberi kepada ahli-ahli dan penyokong parti sebagai membalas sokongan yang diterima semasa pilihanraya atau pemilihan parti. Soal pembangunan juga diguna sebagai ugutan dan ganjaran untuk memastikan rakyat terus menyokong Kerajaan yang sedia ada sehingga dia hampir menjadi satu jenis budaya politik di Malaysia di mana rakyat diugut "Kerajaan tidak akan memberi pembangunan jika rakyat sokong Pembangkang."

Soal pembangunan ini memang ada berbagai ragam dan bentuk dan tidak habis-habis dibicarakan. Malam ini saya cuma mengambil kesempatan untuk menyentuh tentang satu aspek soal pembangunan di kawasan pilihanraya

saya yang pastinya menggambarkan situasi di seluruh negara. Saya ingin sentuh tentang janji-janjan peruntukan wang pembangunan . . .

**Tuan S. S. Subramaniam:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Ulu Selangor . . .

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kuoram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiausaha, sila kira 14. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuoram maka Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.35 malam.*